

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA

MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

TARIKH : 11 November 2010 (Khamis)

Tempat : (Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)

Jam : 9.30 Pagi.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli	Penasihat Undang-undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor bin Haji Othman	Timbalan Ketua Menteri I /Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Puan Ong Kok Fook	Berapit
16.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
17.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
18.	Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN	Sungai Bakap
19.	Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady	Bagan Dalam
20.	Y.B. Tuan Haji Mohd. Salleh bin Man	Permatang Pasir
21.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
22.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong

23.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
24.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh	Datok Keramat
25.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
26.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
27.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
28.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
29.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji	Seri Delima
30.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
31.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
32.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
33.	Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam	Batu Uban
34.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya	Telok Bahang
35.	Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
36.	Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed	Sungai Dua
37.	Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin	Pinang Tunggai
38.	Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
39.	Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya	Permatang Berangan
40.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad	Pulau Betong
41.	Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria	Sungai Acheh
42.	Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad - Bayan Lepas

Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim – Ahli Kawasan Penaga (Digantung)

TURUT HADIR

Encik Md Puat bin Romli

Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan di sambung semula untuk sesi Penggulangan Rang Undang-undang Perbekalan Dua Ribu Sebelas dan Usul Anggaran Pembangunan Dua Ribu Sebelas. silakan Yang Berhormat ADUN Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatu, selamat sejahtera Y.B. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat belanjawan yang di bentangkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang merupakan belanjawan yang berintegriti dan berjiwa rakyat di mana kita dapat lihat bukan sahaja dua tahun berturut-turut sebelum ini Kerajaan Negeri telah mencatat lebihan dalam belanjawan malahan hasilnya rakyat mendapat dividen melalui Program-program Warga Emas, Pembasmian Miskin Tegar, tambahan satu kali ganda peruntukan Pentadbiran Agama Islam Pulau Pinang sumbangan kepada sekolah yang selama ini dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang paling ketara adalah apabila Kerajaan Barisan Nasional dulu memberhentikan bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat tetapi Kerajaan Pakatan Rakyat memberi malahan bukan itu sahaja tetapi usaha untuk memperkasakan Sekolah Agama Rakyat dengan ..(gangguan), usaha seperti mendirikan makmal sains tulen di Madrasah Al-Aminiah Jalan Permatang Nibong dan sekarang sedang berusaha menjayakan impian Pakatan Rakyat untuk melengkapkan institusi-institusi pendidikan agama di negeri ini dari tadika pra-sekolah hinggalah ke Universiti Islam Pulau Pinang insya-Allah. Saya nak baca bagi *turn* saya habis. Okey, habis dah sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Haji Dato' Haji Jasmin bin Mohamad):

Y.B. Dato' Speaker tadi saya dengar daripada Batu Maung kata kerajaan memberhentikan peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, bila Kerajaan Persekutuan memberhentikan?

Ahli kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Yang Berhormat Sungai Dua saya rasa tak payahlah saya bagi tarikh sebab ini adalah satu kenyataan umum yang seluruh Malaysia, seluruh dunia+ tahu dulu Kerajaan Barisan Nasional memberhentikan semua bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat. Okey saya nak teruskan. Belanjawan tahun ini ... (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, sila duduk tak perlu bertengkar. Apa yang perlu buat ialah Yang Berhormat Batu Maung nanti berikan maklumat tersebut

Ahli kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Buktinya adalah dalam kenyataan-kenyataan akhbar yang telah di keluarkan dahulu dan ini boleh kita buktikan okey. Belanjawan tahun ini pula menambah usaha-usaha ini dengan bantuan kepada OKU ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato ' Haji Jasmin bin Mohamad):

Penjelasan kata Kerajaan Persekutuan memberhentikan, tak pernah memberhentikan malahan Elaun-elaun Guru KAFA dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sejak daripada dahulu lagi. Kerajaan Negeri langsung tak pernah beri Elaun Guru KAFA.

Ahli kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya nak beritahu kepada Dewan hari ini jangan kata Kerajaan Negeri langsung tak membayar ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua, bagi Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Maung ...(gangguan). Lepas Yang Berhormat Ahli Kawasan Batu Maung bagi penjelasan kemudian bangun balik.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahya):

Minta laluan, sikit sahaja! Sebenarnya masalah bayaran sebenarnya Kerajaan Persekutuan tidak pernah menyekat terutamanya yang Negeri Pulau Pinang sila *check* balik bayaran-bayaran termasuk kepada sekolah-sekolah Agama Rakyat Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terlibat dalam sekatan ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan Y.B. Dato' Speaker. Nak tambah sikit. Saya bermula di Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam, Ahli Yang Berhormat pernah jadi yang di pertua Majlis Agama Islam yang kami tahu dan saya pernah jadi beberapa penggal dah tak pernah ada kerajaan *stop* kan bantuan kepada program-program agama tak pernah tipu kenyataan la. Kita tak mahu cerita yang pelik-pelik ni.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini bukan kenyataan pelik-pelik tapi insya-Allah saya akan keluarkan kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Pusat di mana memberhentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat. Kalau Yang Berhormat Permatang Pasir pun boleh mengesahkan perkara ini berlaku lama dahulu.

Belanjawan tahun ini juga menambah usaha ini dengan bantuan kepada OKU dan Ibu tunggal dan projek-projek infrastruktur ini membuktikan bahawa pendekatan CAT yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Rakyat mampu mentadbir Pulau Pinang dengan lebih berkesan. Saya tidak hairan dengan pandangan sinis pihak pembangkang yang menyifatkan Belanjawan 2011 ini tidak mendatangkan faedah kepada rakyat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ini kerana, pembangkang gerun dengan kebijaksanaan dan kebaikan Kerajaan Negeri menerusi Bajet Belanjawan 2011. Sebab itulah kita dapat lihat isu-isu yang tidak ada diada-adakan kerana gerunnya pihak pembangkang dengan usaha Kerajaan Negeri saya menganggap perkara ini sebagai amalan biasa pihak pembangkang yang sentiasa memburukkan amal baik Kerajaan Negeri. Saya percaya ini membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat sememangnya menekan tentang pembelaan terhadap rakyat dan akan terus berbuat demikian. Seperti biasa pembangkang gerun dengan kebijaksanaan Pakatan Rakyat lantas menuduh perkara yang tidak ada langsung dan diada-adakan seperti masalah seperti kes ataupun hasil judi yang dibangkitkan oleh pihak UMNO. Mula-mula sekali isu ini dibangkitkan oleh Pemuda UMNO Kepala Batas tak salah saya yang juga biasa menjadi setiausaha politik kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan ini adalah satu pembohongan yang ketara di mana isu yang tidak ada diadakan. Ini adalah satu pengetahuan umum yang mana Kerajaan Negeri tidak ada hasil judi. Hasil judi hanya adalah di Kerajaan Persekutuan .

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan. Macam mana Y.B. daripada Batu Maung mengatakan tidak ada, Ketua Menteri sendiri mengaku menerima sumbangan daripada Kelab Lumba Kuda. Macam mana Ketua Menteri sendiri terima. Saya belum habis bertanya lagi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Inilah yang saya katakan tadi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Ketua Menteri sendiri.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Inilah yang saya katakan tadi, oleh sebab dengan gerunnya dengan kebijaksanaan Kerajaan Negeri pembangkang....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Macam mana.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Terpaksa mengada-adakan, itu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya belum habis tanya lagi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abdul Kassim):

Yang terhormat itu bukan hasil...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Saya belum habis tanya lagi, kenapa Yang terhormat nak melenting. Saya kata yang menyebut tentang hasil judi selepas didedahkan oleh Ketua Pemuda Kepala Batas, Ketua Menteri mula-mula kata tak ada, kemudian ditunjukkan keratan surat kata ada sumbangan daripada Kelab Lumba Kuda, Ketua Menteri sendiri mengaku bahawa memang ada terima, bila kata Lumba Kuda orang memang mentafsirkan itu duitnya. Janganlah marah pagi-pagi ini turun darah tu duk naik, sebab itu kata, Ketua Menteri yang kata, kata ada terima sumbangan daripada Kelab Lumba Kuda, ini menggambarkan hasil daripada perjudian, pasal apa nak menafikan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Sambung-sambung sikit saja. Saya ingat Ahli Batu Maung ini dia Exco tapi dia mungkin tak tahu sikit prosedur, kurang faham sikit tentang prosedur kewangan ini, dia pendapatan negeri, dia ada hasil cukai hasil bukan cukai, terimaan berkenaan hasil, so yang judi ini masuk dalam terimaan ukuran hasil lah, duit-duit yang daripada Lumba Kuda ini, so hasil jugalah, so digunakan untuk apa sajalah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang yang biasa di Kementerian Kewangan dulu. Terima kasih atas apa-apa tunjuk ajar itu tetapi kita faham, kita tau yang ingin diputarbelitkan oleh pihak UMNO sumbangan Kelab Lumba Kuda ini adalah dimasukkan dalam akaun miskin tegar, iaitu *people again priority* ...(dengan izin), dan ini pengetahuan umum tetapi apabila diputarbelitkan sehingga ada warga emas yang tua yang susah menyebabkan mereka mempunyai perasaan yang gundah-gulana ini adalah satu pembohongan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Penjelasan. Saya cuma nak dapat pengesahan Yang Berhormat kata tadi bahawa duit itu untuk miskin tegar, duit judi itu untuk miskin tegar?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

No, duit yang dikutip itu yang diterima adalah untuk dalam tabung miskin tegar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

So, duit judi itu adalah untuk bagi kat orang miskin?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Okey, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini kalau kita nak cakap pasal fatwa, Y.B. daripada Permatang Pasir, Y.B. tidak ada dalam itu telah memberi satu penerangan yang lengkap, kami semua di sini, termasuk Y.B. Phee Boon Poh yang bukan orang Islam faham iaitu ialah kalau sungguhpun daripada tauke judi, dia tauke judi, hasil judi, dia keluarkan beri kepada orang miskin, orang miskin yang menerima itu adalah duit halal bagi dia, ini bukan ustaz bawa fatwa, pasal itulah Y.B. Sungai Dua kalau tak bertanggungjawab, duduk dalam dewan sampai habis, dengar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed):

Dia buat fatwa, jawab di sana. Saya balik awal kerana saya ada kerja, saya menyelesaikan masalah dalam kawasan saya, jangan cakap pasal saya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya bagi habis, saya tidak benarkan. Duduk, saya tidak benar, saya hendak bagi habis, saya tidak benarkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Minta laluan. Nak jelaskan sat lagi pi isu lain, nak jelaskan yang tadi itu. Saya nak jelaskan balik, kalau tidak nanti kekeliruan itu jadi berterusan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tak benarkan, bagi saya habis dulu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Sebab itu saya hendak jelaskan, takut...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya nak katakan, Y.B. Permatang Pasir bukan mengeluarkan fatwa tetapi ustaz apa Y.B. Permatang Pasir telah memberitahu beberapa fatwa termasuk Jawatankuasa sendiri termasuk Jawatankuasa fatwa sendiri yang telah memberitahu memetik, ya silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Batu Maung sedarkah bahawa ada satu hadis yang berbunyi ...(membaca hadis). "Apabila kita berada dalam keadaan subahat maka kita berada dalam keadaan haram." Jadi isu yang timbul hari itu ialah satu suasana di mana rakyat rasa was-was, subahat itu adalah was-was dan kekeliruan-kekeliruan kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.B. Ketua Menteri yang telah juga menunjukkan bahawa seperti wujudnya unsur-unsur yang meragukan dalam sumber pendapatan negeri yang diberikan kepada rakyat-rakyat yang dimaksudkan sebagai warga emas tadi dan mereka timbul dalam diri mereka rasa was-was, bila rasa was-was, mereka pun pergi mengaji juga di masjid was-was membawa kepada ...(membaca firman Quran), jatuh kepada haram. Jadi apakah salah apabila mereka merasai dengan sebabnya timbul itu maka berlakulah itu sebagai satu perkara yang pada diri mereka haram sebagaimana yang dimaksudkan oleh hadis tadi.

Jadi dalam hal ini dalam hal ini apa yang dikeluarkan oleh Y.B. daripada Permatang Pasir, itu merupakan sebahagian daripada pandangan-pandangan dan fatwa dan kita juga ada pandangan kita iaitu daripada sumber hadis ini, jadi tidak boleh dipersalahkan atau dikatakan bahawa penerima-penerima tadi adalah orang yang layak terima sedangkan mereka adalah orang yang beragama Islam dan mereka merasa sebagai suatu perkara yang was-was jadi mereka menolak mereka menolak dengan kerelaan hati dengan kepercayaan dan ilmu yang mereka ada berdasarkan kepada sumber hadis ini, jadi kita tak boleh nafikan hak-hak mereka yang sedemikian, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tidak menafikan hak-hak mereka tapi siapakah yang menimbulkan ini. Silakan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Salleh bin Man):

Perkara yang menimbulkan was-was paling saya ingin menyentuh di sini untuk menyelesaikan lagi masalah yang kemungkinan yang timbul banyak lagi was-was ini. Saya petiklah juga suatu hadis, daripada Permatang Berangan(membaca hadis), ini nak menutupkan apa yang ditimbulkan. Saya ingin menyeru khususnya di kalangan warga emas yang Islam ...(membaca hadis), yang ditimbulkan ini untuk nak menyekat, membendung supaya tidak ada lagi dalam pemikiran kita bahawa was-was itu akan mendatangkan satu perkara yang tidak dapat nak diselesaikan saya rasa Permatang Berangan pun boleh terjemah maknanya was-was ialah satu perbuatan ataupun amalan syaitan, jadi bagi kita bawa jangan ada unsur-unsur yang dipengaruhi oleh syaitan yang menimbulkan was-was bila was-was ini timbulkan oleh pihak pembangkang maka inilah keadaan yang banyak yang kita rasa yang tak sepatutnya berlaku.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Perkara ini, ini perkara yang kalau nak berdebat perkara ini kerana saya nak teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya):

Saya nak jelaskan sedikit saja, saya nak jelaskan pentakrifan daripada penterjemahan yang diberikan oleh Ahli daripada Permatang Pasir sudah menyeleweng daripada tafsiran sebenar, memang was-was itu adalah daripada syaitan, was-was ialah daripada syaitan, kerana syaitan akan membawa manusia untuk rasa was-was, was-was juga timbul daripada ilmu pengetahuan dan juga maklumat, apabila ilmu pengetahuan dan juga maklumat yang memberikan satu pandangan kepada seseorang bahawa keadaan itu sudah menjadi tidak betul atau meragui kebenarannya maka kita kena pegang kepada mengelakkan was-was, sebab was-was itu adalah suatu perkara yang haram jadi sekarang ini apabila perkara ini was-was timbul. Maka seorang Islam dinasihatkan untuk lari daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan daripada was-was sebab sekiranya ianya diteruskan ia akan menyebabkan yang jadi haram. Jadi hal ini rakyat rasa was-was daripada maklumat dan pengetahuan mereka, sumber yang mereka dapat itu mereka rasa macam was-was jadi mereka mengelakkan diri mereka kerana takut terjebak kepada suatu yang haram sebab itu berlakunya fenomena ini dan bukannya dimulakan oleh UMNO tapi ia adalah disebabkan daripada kesedaran rakyat, kita memberi maklumat dan maklumat bukan hanya sekadar datang daripada UMNO, maklumat juga datang daripada sumber-sumber lain, kita tak boleh nafikan, malah Y.A.B. Ketua Menteri sendiri pun memberikan maklumat bahawa wujudnya sumber daripada yang diragui tadi jadi apa salahnya kalau orang meragui dan mereka mengelakkan diri mereka daripada keraguan kerana takut mereka terjebak daripada perkara haram itu bukan salah mereka, itu satu fenomena yang positif.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. Permatang Berangan, di sini saya ingin menyatakan kepada masyarakat rakyat Pulau Pinang yang hasil Pulau Pinang yang diberi kepada warga emas ialah bukan daripada hasil sumber judi, nombor satu. Nombor dua kalau ada rakyat-rakyat di Pulau Pinang yang termakan dengan tohmahan-tohmahan pihak UMNO kalau dah rasa was-was, kalau termakan dengan sudah diberi penjelasan berkali-kali tak apa, pergi ke Pejabat Daerah, isi borang, bagi betul-betul jangan bagi tangan orang UMNO, so ini adalah kenyataan saya, iaitu tidak ada hasil judi jangan ada was-was, *clear* kan dan kalau ada jangan bagi kepada pemimpin UMNO, terus ke Pejabat Daerah kerana kita ada *accounting system*. Saya nak teruskan. Saya juga cukup yakin dengan gabungan konsep CAT dan 3P Kerajaan Negeri yang akan berjaya mentransformasikan segala kekuatan kita dan akan meletakkan dan memantapkan Pulau Pinang sebagai satu *silicon valley* dalam R&D Industri dalam Hab-Halal Perdagangan, Pendidikan sebagai Pusat Kecemerlangan, *centre accelent* pelancongan dan lain-lain bidang yang terkemuka di pentas persada dunia yang mempunyai *World Class*.

Y.B. Dato' Speaker, Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Berangan yang menimbulkan tentang persoalan belanjawan Pakatan Rakyat Pulau Pinang yang tidak menyentuh tentang penjana ekonomi dan meningkatkan pendapatan. Y.B. Telok Bahang juga membangkitkan tentang pembangunan usahawan dan peluang perniagaan. Dalam usaha memacu dan

memberangsangkan dan mempertingkatkan daya saing ekonomi, usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan rangkaian berkala yang mana usaha ini akan berupaya mengenal pasti syarikat-syarikat tempatan dan institusi-institusi dan industri-industri kecil dan sederhana SME yang berupaya untuk menjadi pembekal kepada syarikat-syarikat Multinational Corporation kita sepatutnya telah melaksanakan program dan juga kajian ini dahulu untuk menerokai apabila Pulau Pinang menerokai taman-taman industri Pulau Pinang.

Menurut laporan tahunan SME 2006 industri kecil dan sederhana meliputi 99.2% daripada jumlah perniagaan yang ditubuhkan, namun begitu ia hanya menyumbang 32% kepada KDNK Negara, *Gross Domestic Product* ataupun GDP dan 19% kepada total eksport, statistik ini menunjukkan bahawa terdapat peluang yang besar dan perlu diambil bagi mempertingkatkan lagi sumbangan SME kepada ekonomi domestik sehubungan dengan itu Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan khas kepada pembangunan SME di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri bersama Invest Penang telah mewujudkan *small medium enterprise business advisory resource and training center* atau SMART di mana ianya akan menjadi pusat sehenti, *one stop center* bagi semua syarikat industri SME di Pulau Pinang. Dalam usaha membangun syarikat-syarikat SME kita dapati bahawa di kalangan syarikat-syarikat SME ini terdapat syarikat-syarikat bumiputera yang kecil yang memerlukan tumpuan yang lebih.

Oleh itu Kerajaan Negeri melalui PDC telah melaksanakan beberapa program pembudayaan usahawan antaranya adalah program latihan keusahawanan, program motivasi diri, program promosi perdagangan, program kemudahan infrastruktur. Dalam program promosi perdagangan melalui PDC, Halal Penang dan investPenang kita telah mengambil bahagian dalam Medan Fair dan kita telah mewujudkan satu produk baru iaitu Penang Fair in Medan selama dua tahun berturut-turut, 2009 hingga 2010 kita telah mewujudkan satu produk satu *event* di Medan semasa Medan Fair. Karnival dan ekspo perdagangan di wilayah Patani, Ekspo *change gold* di Kelantan, Expo lima dasar di Wilayah Satun dan sebagainya. Program-program infrastruktur juga telah melibatkan penyediaan gerai-gerai, perniagaan kepada usahawan kecil, *rebranding* dan *relocation* untuk gerai-gerai kecil dan sederhana. Melalui pembentangan bajet yang dibuat usaha Kerajaan Negeri untuk mempergiat cergas.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan. Tentang industri tadi. Saya tidak tahu sama ada Batu Maung atau Penanti yang *incharge* industri ini? Exco siapa yang sudah tambah portfolio Batu Maung. Tentang industri kecil, industri teruskan. Kita memang menyokong usaha kerajaan pelbagai cara dan sebagainya tapi kita kena juga *identify* bidang-bidang baru. *Need market* sekarang saya pastikan ialah tentang pembuatan mesin. Pembuatan mesin *very important*. Kalau kita lihat wajibnya tiap-tiap proses yang kita buat di kilang mesti ada mesin. Hari ini sudah ada kepakaran di Pulau Pinang yang buat mesin kepakaran ini satu mesin keperluan dalam mungkin 20 *expertise* dalam itu daripada *meter stamping*, *electronic system*, *graphic system*, *hydraulic system* berbagai-bagai dalam satu mesin itu. Sudah ada *expertise* di dalam Pulau Pinang kalau Y.B. Batu Maung pergi *round*, saya sudah

pergi *round* tengok dan banyak kepakaran di sini yang boleh kita terokai dan boleh kita *promote*. Masalah mereka hari ini yang saya dengar masalah mereka ialah kurang *skills workers* dalam bidang ini yang dilatih di PSDC di mana-mana institusi pendidikan ini *they don't believe* di bidang ini dan terpaksa dilatih semula. Ini perkara yang serius dan sebenarnya kita kalau ada banyak *skills workers* dalam bidang ini, banyak lagi kerja yang boleh dapat dan saya lihat mesin-mesin yang dibuat di sini di Penang canggih dan boleh dibuat *export* di mana-mana pun di seluruh dunia. B. Brown pun saya difahamkan B. Brown pun kilang Jerman tetapi dalam *proses production* dia, dia beli mesin daripada sini dan kita bagi mereka yang mahir bidang ini. Saya harap Kerajaan Negeri akan terokai dan bantu mereka supaya mereka ini dapat berkembang lagi.

Kedua, dalam Penang ini *very strategic position*. Hari ini kita cakap tentang NCER dan sebagainya kita juga perlu *promote*, saya tidak dengar lagi Y.B. Batu Maung cakap tentang promosi bidang perkhidmatan. Kita sedang perbesar *double tracking* mungkin siap dalam tahun 2013, ini semua peluang-peluang dalam bidang perkhidmatan. *Transportation*, perkhidmatan bila kita besarkan dan sebagainya. Jadi bidang ini *poverty agent* adakan latihan dalam *poverty agent* dan sebagainya supaya rakyat kita boleh masuk dalam bidang ini secara meluas. Ini perkara-perkara yang patut kerajaan tengok. NCER contohnya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Ini kita panggil konstruktif *opposition* yang memberikan pandangan dan pendapat bukan tohmahan-tohmahan kosong. Terima kasih. Memang kita dalam persoalan pertama kami Kerajaan Pakatan Rakyat kita bekerja bersama sebagai satu *team* yang kuat dan kita berganding bahu membuatkan kerja-kerja kita. Tentang cadangan-cadangan dua cadangan itu yang saya terutama sekali di bidang pelabuhan dan juga *airport* memang kita memberi perhatian tentang pembangunan *hub-hub logistic* di kedua-dua tempat ini. Insya Allah. Melalui pembentangan bajet yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri bergiat cergas dan memperkukuhkan perdagangan Pulau Pinang dalam Indonesia, Thailand, Malaysia Golden Triangle (ITMGT) dan juga sekarang ini telah ada lima dasar satu kumpulan lima dasar lima wilayah dan lima *area* dalam pembangunan perniagaan. Usaha ini akan memantapkan lagi sektor perdagangan kerana kita tahu dua buah negara jiran kita Indonesia dan Thailand merupakan satu pasaran yang sangat besar sehingga presiden Amerika turun ke Indonesia untuk mengembangkan *market American product* di Indonesia. Indonesia dan Thailand merupakan satu pasaran yang sangat besar dan berpotensi untuk diterokai.

Semasa kerajaan BN Pulau Pinang tidak mengambil peluang ini dengan serius. Sehubungan dengan itu Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengorak langkah untuk menyertai dan pada tahun hadapan kita akan lebih bergiat cergas dalam setiap aktiviti yang dianjurkan dan Pulau Pinang akan berusaha menjadi *host* bagi beberapa program yang dianjurkan. Kita akan cuba untuk melobi agar Pulau Pinang menjadi destinasi-destinasi pilihan dalam setiap mesyuarat, persidangan dan ekspo untuk IMT-GT dan hubungan-hubungan serantau yang akan diadakan pada tahun hadapan. Kita akan mencuba menyertai setiap acara pameran perdagangan yang akan diadakan di sekitar dengan negara yang

terlibat. Semenjak dahulu lagi sejarah membuktikan sektor perdagangan merupakan salah satu daripada aktiviti penting bagi ekonomi Pulau Pinang. Kita mahu mengembalikan zaman kegemilangan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan yang strategik dan termasyhur di dunia ini. Kita mahu kedudukan kita ini setanding dengan negara jiran seperti Singapura. Dahulu Jawatankuasa MMK Perdagangan dan Perniagaan akan memainkan peranan dalam merancang dan merancang strategi-strategi tentang aktiviti untuk pembangunan dan kemajuan sektor ini.

Objektif utama adalah untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat wilayah bagi aktiviti perdagangan, pengedaran dan perkhidmatan yang efektif dan efisien yang menguntungkan seperti cadangan Y.B. Telok Bahang tadi. Objektif ini boleh dicapai dengan mengeksploitasikan secara positif kedudukan strategik Pulau Pinang dengan kerjasama dengan negara di kawasan ASEAN Utara. Secara langsung akan membuka peluang-peluang pekerjaan yang boleh dikecapi oleh rakyat. Pembangunan kemudahan infrastruktur pelabuhan dalam lapangan terbang yang efisien menjadi faktor penting. Faktor penting untuk mendorong dan menarik lebih banyak aktiviti perdagangan, penambahan bilangan penerbangan domestik dan antarabangsa akan melicinkan lagi perjalanan perdagangan dua hala ini.

Bagi Pulau Pinang mengguna serantau terutama sekali inisiatif rantau kecil dalam Asian iaitu penubuhan 3G, IMTGT perlu diperkukuhkan dan sekarang kita telah menubuhkan satu sekretariat di Pulau Pinang untuk kita giatkan usaha IMTGT ini. Melalui kerjasama ekonomi yang lebih erat penglibatan pihak swasta untuk mengenal pasti program-program dan forum kerjasama ekonomi perlu dipergiatkan. Walaupun pihak swasta telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui kerjasama dalam perdagangan dan perniagaan namun hasilnya tidak begitu memberangsangkan.

Satu mekanisme yang lebih cepat perlu di rangka untuk memberangsangkan dan menggalakkan pertumbuhan IMT-GT. Kerajaan Negeri di bawah portfolio perdagangan telah memulakan inisiatif meletakkan Pulau Pinang sebagai pusat *event center* atau MICE bagi aktiviti *trade*, ekspo dalam negeri *regional* dan juga internasional. Usaha ini telah dimulakan dalam tahun 2008 dan kerajaan telah dapat mengumpul *event* dan melancarkan *trade event calendar* pada bulan Jun 2009. Bagi separuh tahun kedua 2009 dan bulan Disember 2009 telah melancarkan bagi tahun 2010. Insya-Allah 17 Disember 2010 kita akan melancarkan Penang *event calendar* untuk 2011 dan pada 8 Disember 2010 dengan izin Allah kita akan menganjurkan seminar antarabangsa pertama meletakkan Penang MICE-Nation yang akan memulakan bidang beberapa *international event* dan ini kita dapat melihat bagaimana PISA yang sekarang menjadi satu-satu *center* untuk *event* dan ekspo sudah lagi tidak dapat ada ruang untuk ditempah penuh 2011, sudah penuh sehingga kita terpaksa menyewa beberapa tempat yang lain untuk mengadakan *event*. Kerajaan Negeri juga meneroka usaha membawa balik kegemilangan pelabuhan Pulau Pinang dalam bidang *barter trade*. Usaha ini sedang diusahakan bersama *players-players* dalam bidang ini bersama pelabuhan di pesisiran(gangguan), aktiviti Thailand, Indonesia, Mynmar dan India.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y. B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan sikit. Kita pernah mendengar tentang sistem *barter trade* yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak daripada tahun 2008. Bolehkah Ahli Batu Maung memberikan agak terperinci sedikit tentang perjanjian-perjanjian, dengan siapa yang telah pun kita buat dan apa pencapaian yang telah dapat dibuat selama 2008 ini dari segi hasilnya agaknya terperinci.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih. Saya telah mengatakan di sini iaitu Kerajaan Negeri bermula dari 2008 lagi itu fakta yang betul. Kita telah mula dari 2008 lagi untuk menerokai bidang ini dan mengembalikan kegemilangan pelabuhan Pulau Pinang sebagai *barter trade center* tetapi malangnya kita mendapat beberapa masalah tentang perundangan pihak Imigresen, Polis dan sebagainya. Ini kita sedang cuba atasi dan kita telah mulakan perjanjian dengan Aceh pada 2009 untuk mengadakan satu jaringan *network* perkapalan antara Pelabuhan Lords Mavi ke Pulau Pinang, tetapi setelah berjalan agak lebih kurang beberapa bulan usaha ini tidak dapat diteruskan oleh sebab-sebab perundangan di Indonesia. Sekarang ini kita telah mulakan kembali untuk bincang dengan Pelabuhan Lords Mavi supaya dapat mengadakan jaringan ini kerana kita tahu Aceh mempunyai bahan-bahan *resources* yang kaya dengan *resources* dan di mana bahan-bahan mentah ini sangat diperlukan di Pulau Pinang terutama sekali dalam bidang industri halal dan di Pulau Pinang pula kita mempunyai barangan-barangan elektronik, elektrik dan seterusnya yang dapat memberi satu rangsangan ekonomi kepada Aceh kerana kalau barang-barang ini dimasukkan hendak di *export* ke Indonesia dia akan masuk pada Pelabuhan dan jauh untuk ke Aceh so mereka lebih suka untuk masukkan barangan Pulau Pinang melalui Pelabuhan Lords Mavi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan. Saya sudah dengar penjelasan yang berhormat ini sudah tiga kali bersidang. Saya harap penggal depan kita letak apakah *outcome*. Bukan kita rancang, kita rancang tapi apa dia *outcome* dia. Kita hendak tahu itu sebenarnya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Betul. Kita mesti faham Y.B. juga sebagai Setiausaha Politik di Pusat Setiausaha Politik pula kepada Menteri EPU. Bagi saya cakap.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Jawab la soalan saya.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya hendak jawab la ni, dengar dulu. Tak dan saya hendak cakap. Bila jadi sebagai Setiausaha Politik dalam kementerian yang begitu mustahak mesti faham yang *barter trade* ini saya ingat Y.B. Telok Bahang lebih faham kerana

menjadi Pengerusi Pelaburan Pulau Pinang. Bila *barter trade* ini dia bukan pihak Kerajaan Negeri hanya mencetuskan idea ini dan juga cuba merangsangkan dan menghidupkan *players* dan autoriti-autoritinya *department-department* nya adalah semuanya *department* Pusat. Banyak masalah-masalah yang mungkin timbul sebab itu dia memakan masa untuk kita menjayakan sistem *barter trade* ini di Pulau Pinang insya-Allah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan sikit,

Y.A.B. Ketua Menteri:

Peraturan 46 boleh bahas kerana semalam apabila saya menggulung iaitu Ahli Pembangkang tidak ada dan saya ingin menarik perhatian ke atas satu laporan dalam Utusan Malaysia hari ini yang memetik ucapan daripada Y.B. Permatang Berangan tentang kediaman rasmi saya dan saya ingin mendapat kesahihan daripada beliau, kerana bila saya semak hansard Yang Berhormat tidak menyebutkan apa yang didakwa oleh Utusan Malaysia iaitu sebuah surat khabar milikan parti Yang Berhormat sendiri iaitu UMNO bahawa dalam kenyataan Yang Berhormat Permatang Berangan tentang kediaman rasmi Seri Teratai di mana Yang Berhormat menghebohkan hujah-hujah dan telah dijawab oleh saya semalam, tetapi kerana Yang Berhormat tiada itu sebab kita tidak boleh dapat kepastian tetapi dalam laporan yang dibuat oleh Utusan Malaysia dinyatakan bahawa Yang Berhormat menyebut kos pengubahsuaian banglo sewa tersebut pada asalnya hanya sebuah banglo biasa kepada banglo mewah dikatakan melebihi RM1.5 juta, ada yang disebut oleh Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya tidak ada menyebut begitu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih, itu pun telah dipastikan bahawa tidak disebut dalam hansard tetapi ini saya hendak buat kepastian dalam itu Utusan Malaysia sekali lagi telah membuat satu laporan yang palsu dan fitnah dan kalau tidak saya rasa mungkin kurang adil kepada Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat dan saya rasa itu untuk menyerikan sebahagian ucapan dalam ucapan Yang Berhormat adalah tidak benar sekali dan juga tidak *professional* sekali daripada pihak Utusan Malaysia kerana itu banglo yang saya sewa, bukan saya yang mengubahsuaikan kosnya kerana saya sewa dan saya tidak belanjakan sebarang perbelanjaan, hanya saya sewa sahaja tetapi seperti yang saya sebut semalam saya tidak tahu, mengapa bila saya sewa pun jadi isu sedangkan menteri-menteri lain mereka memiliki rumah tidak jadi isu termasuk tentulah Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang miliki rumah, yang membeli rumah kita tidak jadikan ia sebagai isu tapi Utusan nampaknya hendak ungu-ungkitkan perkara yang bukan-bukan sewa rumah pun jadi isu dan saya rasa itu satu taktik kotor yang kita kecam seratus peratus, saya ucapkan terima kasih kepada Y.B. Permatang Berangan yang tidak pernah sebut tentang perkara ini betul tak, tidak, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan dengan *barter trade* itu tadi, *barter trade* ini sebenarnya sudah lama di Pulau Pinang, dahulu Pulau Pinang ada *barter trade* dengan Myanmar dan juga dengan Indonesia ini lama, tetapi saya lihat bahawa *barter trade* yang berjaya sekali yang saya melihatnya adalah di Selangor, kalau boleh Yang Berhormat pergi Selangor belajar dengan mereka macam mana untuk menghidupkan kembali *barter trade* seperti mana yang telah lama hidup di Pulau Pinang

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Okey, terima kasih Y.B. Sungai Dua, inilah satu-satunya cadangan yang bernas, satu-satunya daripada Sungai Dua terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tentang *barter trade* juga memang telah lama sebenarnya sekarang ini pun yang aktif di jeti, Weld Quay satu, sebenarnya patutnya pergi ke pelabuhan dan semasa ini kita ada pun peruntukan satu kawasan di Pelabuhan Sungai Perai lama jeti itu, memang sesuai dan cukup cantik jadi saya harap Kerajaan Negeri Bantu kita untuk merealisasikan *barter trade* ini dengan Aceh dan berbagai-bagailah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Insyallah, terima kasih. Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon di bawah peraturan 46 (13) dalam penggulungan Y.A.B. Ketua Menteri semalam dia telah menyebut bahawa saya telah menjadi agen kepada tuan tanah dari syarikat yang mengusahakan lombong pasir di Seberang Perai Selatan, saya menafikan saya tidak ada kena mengena dengan syarikat berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Penjelasan daripada Y.B. Sungai Dua kalau anda bukan bukanlah okey, baiklah tapi macam saja, itulah yang saya sebut semalam macam saja, tapi bila dengan maklumat yang diberikan kerana itulah Yang Berhormat semalam tidak ada, saya cakap *you* punya rupa tentu tahu selok-belok tahu segala dokumen-dokumen rasmi secara perincian itu sebab hanya boleh dapat daripada syarikat tersebut daripada sumber lain mana ada, hanya daripada syarikat tersebut itulah sebab saya cakap macamlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tarik balik apa yang Y.A.B. Ketua Menteri cakap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tarik balik apa, saya cakap macam.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tuduhan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau tak ada, tak adalah, tadi sudah okey, sekarang cakap tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tarik balik lah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tarik balik apa, saya cakap macam, kalau bukan macam, bukanlah.....
(ketawa).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya ingin meneruskan penggulungan saya banyak persoalan telah ditimbulkan berhubung dengan industri halal di Pulau Pinang, di sini saya ingin merumuskan oleh sebab saya nampak Y.B. Dato' Speaker sudah mula melihat pada jam di dinding. Tentang *index* inisiatif halal di Pulau Pinang ini *alhamdulillah* lah kita telah memulakan usaha ini bermula dengan pada tahun 2008. Usaha kita adalah usaha holistik di mana satu, kita telah berjaya, Pulau Pinang telah berjaya adalah untuk *brand* kan Pulau Pinang, kita mengambil contoh *silicon valley*, *silicon valley* ini pada tahun 1969 apabila mula diutarakan, dicadangkan malahan pada masa itu tidak apa-apa atau pun kurang sekali industri-industri elektronik pada masa itu.

Apabila mula diutarakan, diusahakan maka Pulau Pinang berjaya menjadi *silicon valley*, hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk mem *brand* kan Pulau Pinang sebagai halal *centre*, International Center bukan setakat industri tapi Halal International Centre dan sebab itulah Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu agensi di bawah Kerajaan Negeri dinamakan Halal Penang dan agensi ini menerajui inisiatif ini untuk *brand* kan Pulau Pinang dengan nilai *cluster*. Saya telah memberi penggulungan saya di beberapa sesi yang lepas dalam usaha ini, kejayaan yang kita telah menempah ialah Alhamdulillah, Negara-negara luar telah mula mengiktiraf Pulau Pinang sebagai International Center ini dan telah mula menjemput Pulau Pinang untuk menyediakan kertas-kertas kerja, memberi ucapan-ucap utama dan merasmikan Persidangan-persidangan Halal di seluruh dunia, alhamdulillahlah, ini adalah satu petanda yang menunjukkan *brand* kita Pulau Pinang, telah mula berada di persada dunia.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Batu Maung mengatakan bahawa Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan Antarabangsa boleh beri secara spesifik Negara mana yang telah mengiktiraf kita.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bila saya kata pengiktirafan, Pulau Pinang ini dulunya sinonim dengan elektronik tapi sekarang ini apabila Negara-negara Luar telah mula menjemput Pulau Pinang untuk menjadi *consultant* kepada Industri Halal mereka telah mula menjemput Pulau Pinang memberi ucap utama Persidangan-persidangan Halal siapalah Pulau Pinang ini kalau elektronik mereka menjemput ia sebab itulah saya kata pengiktirafan Pulau Pinang *branding* yang kita telah mulakan pada tahun 2008 telah dapat nampak kejayaan di antaranya ialah di mana Pulau Pinang telah menandatangani dengan United Kingdom dengan sebuah agensi, dengan sebuah badan di United Kingdom, United Kingdom untuk kita menubuhkan Halal Industrial Park. Pulau Pinang juga diminta untuk memberi *consultancy* dalam penubuhan satu *faculty Halal Catering, Halal Food Catering faculty* di dua Universiti di UK dan juga di Yamen satu agensi di Yamen telah menandatangani dengan Pulau Pinang untuk memberi *consultancy* kepada *set up of halal industry park*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan, Y.B. Batu Maung menyatakan meminta Pulau Pinang. Adakah dimaksudkan Exco Pulau Pinang, Negeri Pulau Pinang atau mana-mana Badan dalam Pulau Pinang

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, di mana *Halal Penang* menerajui inisiatif ini.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan, tadi Y.B. Batu Maung ada menyebutkan tentang perjanjian dengan Yaman dan sebagainya, bolehkah Dewan diperjelaskan bilakah perjanjian atau pun persefahaman itu dibuat dan berapakah ahli rombongan atau pun mesyuarat manakah yang merealisasikan apa nama dakwaan tadi, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Pada persidangan yang lepas kita telah memberi jawapan bertulis kepada saya, saya rasa Y.B. Pulau Betong kalau tidak salah saya dengan senarai perjanjian-perjanjian persefahaman yang telah kita adakan dan dalam itu ada yang berjaya sedang dilaksanakan ada yang belum dapat kita laksanakan dan saya rasa insya-Allah kalau diberi masa *Rome is not built in overnight so*, kita akan usahakan untuk kita meletakkan Pulau Pinang di persada antarabangsa

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan, cuma tambah sahaja apabila saya ada perbincangan dengan *Penang Science Council* yang telah ditubuhkan. Y.B. Dato' Speaker, memang ada dua *high tech* dari segi *high-tech industry* Singapura dikenalkan sebagai masyhur dalam R&D tetapi Pulau Pinang R&D bukan sebagai *list, manufacturing high procession product* dan ini saya ingat banyak yang tidak tahu bahawa Pulau Pinang ini dia mengeluarkan, bukan elektronik, elektronik ini cerita lama, apa yang saya penting pada hari ini *high procession product* oleh syarikat-syarikat *multinational* tertentu ini, saya rasa tidak diketahui cara umumlah, saya rasa satu sumbangan Pulau Pinang dari segi antarabangsa lah cuma mahu tambahan sedikitlah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Y.B. daripada Perai, dan beberapa persoalan spesifik yang telah dibangkitkan oleh Y.B. daripada Telok Bahang berhubung dengan kontrak yang telah ditandatangani oleh Halal Penang. Ingin saya maklumkan pihak (PIHH Development) atau pun Halal Penang telah menandatangani satu kontrak perniagaan *business contract* dengan Syarikat Jen Huat Hot Stuff Industries Sdn. Bhd. yang mana syarikat ini ialah sebuah syarikat *biotech* yang mengeluarkan makanan laut sejuk beku dengan kerjasama Fujian Dongshan Haikui Aquatic Products Group. Ini adalah satu untuk mewujudkan syarikat *biotech* negeri yang pertama di Taman Industri Halal dan jumlah pelaburannya adalah RM150 Juta.

Tentang soalan K-Halal *workers* ini adalah juga satu pencapaian kita ini kita ada dua aspek, satu aspeknya ialah di mana Pulau Pinang telah mula meneroka bidang di mana kita hendak mewujudkan satu Halal Audit di mana kita sedang berusaha dan telah menandatangani satu perjanjian dengan (IHI) International Halal Integrity Alliance iaitu sebuah agensi terkemuka dunia yang berpusat di Kuala Lumpur sebuah agensi Malaysia untuk merangka modul halal *auditor* ini dan ini kita ingin menegaskan supaya setiap syarikat insya-Allah apabila diberi pengiktirafan pensijilan halal mereka terpaksa mengambil seorang halal *auditor* ini sebagai pekerja mereka, halal *auditor* ini kita hendak mewujudkan seperti sistem *professional* iaitu mereka *certify* dan jikalau syarikat itu menyalahi undang-undang pensijilan itu bukan sahaja syarikat itu akan diambil tindakan malahan halal *auditor* ini akan di *strike out* daripada *certification*. So ini adalah usaha kita yang baru kita mulakan, insya-Allah. Aspek kedua dalam kes *workers* ini juga kejayaan *branding* kita, Alhamdulillahlah beberapa-beberapa syarikat dan agensi di Eropah sedang berhubungan dengan kita untuk mendapatkan *human resources, qualified human resources* dalam halal *industries* ini ataupun *k-worker* ini.

Insya-Allah kita akan berusaha dengan beberapa agensi di Eropah terutama sekali untuk mewujudkan usaha ini, dan ini adalah usaha di mana *the substance ability of halal industry* akan menjadi baik dan dalam usaha ini juga pihak halal Penang sedang berusaha untuk mewujudkan Syariah *exchange* di London, dan Syariah *exchange* di London ini adalah satu *exchange* di mana dia ialah satu sosial *exchange*. Dan daripada sosial *exchange*, pendapatan daripada

exchange ini akan dimasukkan dalam dua tabungan, satu tabungan untuk kita beri *microcredit* kepada syarikat-syarikat SME dalam industri halal dan satu tabungan lagi adalah untuk kita bagi biasiswa dalam bidang-bidang teknologi halal, insya-Allah.

Isu kedua yang dibangkitkan, ialah berhubung dengan Taman Perindustrian Bukit Minyak, *alhamdulillah* lah sejak ianya dilancarkan pada bulan November 2008. Kita telah mendapat *the first tenants* iaitu JEFI ini, dan dalam senarai syarikat-syarikat yang telah membuat permohonan dan sedang diproses ialah lebih kurang 10 syarikat yang lain, yang jumlah pelaburan anggarannya 373.78 juta dengan lebih kurang 58.2 ekar, dan lebih 40 ekar lagi sedang kita usaha pihak PDC untuk menyiapkan kawasan perindustrian ini, dan kita telah dapat melihat yang pertama dan yang kedua, iaitu gelatin, yang kita telah pun mengumumkan dalam bulan November 2008 seperti ada soalan daripada ADUN Bertam, yang menanyakan tentang halal gelatin. *Announcement* kita pada November 2008 hari itu, dengan sebuah syarikat tidak berjaya. Ini adalah syarikat itu tidak mendapat pinjaman bank oleh yang demikian pihak Kerajaan Negeri halal Penang, kerana kita tahu halal gelatin ini, hanya ada 0.7% dalam dunia ini, *gelatin produce* 0.7% sahaja ialah halal sebab itu kita mengambil alih inisiatif program ini kita telah ada persefahaman dengan sebuah syarikat di Iran yang berjaya mengeluarkan halal gelatin sedang berbincang dengan sebuah syarikat di Pakistan yang mempunyai pusat penyembelihan yang besar yang dapat *supply* kita tulang-tulang dan juga kulit-kulit untuk kita *produce palette* dan di import ke Pulau Pinang insya-Allah gelatin ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat boleh menutup... (gangguan), sudah sejam lebih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Yang Berhormat yang telah, dan satu lagi adalah halal *industry park*. (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Sat *last one*. halal park ini , kita juga telah memohon daripada HDC untuk mendapat status HALMAS ini, dan kita punya permohonan pertama ada sedikit masalah teknikal oleh sebab saiz, dia orang hendakkan 100 ekar lebih dan kita masukkan permohonan kedua untuk kita selesaikan untuk mendapatkan status HALMAS ini. Silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, berkenaan dengan Halal Hab ini saya ingin dapatkan sedikit penjelasan daripada Ahli Batu Maung, syarikat PIHH ini telah mencatat ada atau tidak mencatat keuntungan tahun dalam tempoh

semasa 2 tahun ini. Dan yang keduanya ialah, segala usaha yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat Batu Maung ini, yang kita tengok satu dunia punya *approachment* jadi sumber pendapatan atau sumber pembiayaan kepada operasi yang dijalankan oleh Y.B. Batu Maung datang daripada mana?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim) :

Terima kasih, kita kena realistik sebuah agensi kerajaan yang ditubuh untuk inisiatif halal ini tidak mungkin dapat keuntungan dan juga agensi ini, ditubuhkan sebagai *non-profit* seperti InvestPenang, tujuan kita adalah bukan untuk membuat keuntungan tetapi untuk meneroka dan *provide this* inisiatif menjayakan inisiatif seperti InvestPenang. Dan insya-Allah tetapi hasrat saya adalah untuk *self-sustained* sebab itulah kita memasuki beberapa MoU tentang *consultancy* untuk menubuhkan Halal Industry Park, Syariah *Exchange* sebagainya supaya ini kita akan dapat pendapatannya untuk kita *sustained* kita punya inisiatif.

Yang kedua soalan Yang Berhormat Permatang Berangan, sebab itulah pendekatan Pakatan Rakyat ini lain, bila kita cakap rombongan, rombongan ini kadang-kadang kita pergi lima, enam orang, tujuh, lapan orang ada orang pergi untuk makan angin, sebab itu kita cara kita menjalankan operasi kita *very-very thin*. Nombor dua, apabila negara-negara ini menjemput kita, kita *make sure* dia orang ini bayar, bayar *flight* nya, bayar hotelnya, sebab itulah dan apabila kita pergi untuk menyampaikan ucaptama, kita menggunakan peluang ini untuk kita *network* dengan ahli-ahli peniagaan, dan agensi-agensi. Yang satu usaha kita sekarang ini adalah untuk kita memberi pandangan kepada negara-negara luar supaya pensijilan ini mestilah diterajui oleh kerajaan. Sebab integriti pensijilan Pakistan sendiri, apabila barang-barangan mereka ke luar negara, Pakistan negara Islam tetapi pensijilan mereka tidak diterima oleh luar negara, mereka minta JAKIM juga ...(gangguan), sebab itulah kita sedang beri pandangan teknikal dan usaha-usaha kita untuk negara-negara ini juga menggunakan format Malaysia untuk pensijilan diterajui oleh *our* kerajaan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan sikit, okey, tadi Yang Berhormat Batu Maung telah menyebutkan bahawa pihak-pihak luar hanya menerima *certification* ataupun *recognition* daripada kerajaan barulah boleh, boleh dikelaskan kerajaan mana?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Maksud saya Yang Berhormat Permatang Berangan ini nak pusing-pusing dia nak pergi tang situ juga, maksud saya macam ni, Malaysia punya *certification* ini *is very widely accepted* termasuk Penang lah, kerana Penang pensijilan kita daripada JAIPP kita juga telah *rebranding* kan menjadi satu bahagian pengurusan halal supaya lebih efektif, maksud saya ialah di negara-negara seperti Indonesia, Pakistan dan sebagainya, syarikat-syarikat swasta yang mengeluarkan persijilan halal sebab itu produk mereka ke luar negara. Produk mereka menjadi satu *doubt* kepada pembeli-pembelinya. So, mereka tanya kepada Malaysia bagaimanakah *certification* Malaysia ini, ataupun Pulau Pinang

dan JAKIM dan sebagainya diterima begitu baik dan kita sedang memberi ... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan, setujukah ahli Yang Berhormat Batu Maung bahawa *establishment* ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, tentang *certification* halal ini, adalah satu usaha yang telah dan sekarang ini telah diterajui oleh Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tahu dah ini soalan, sepertimana saya katakan tadi yang mustahak adalah kita nak buat, kita jangan politik segala-galanya, okey, dan Pulau Pinang ialah sebuah negeri yang pertama yang menggunakan modul model di mana pihak Bahagian Pengurusan Halal di Pulau Pinang dengan JAKIM, mempunyai satu persefahaman di mana kita proses pengeluaran sijilnya ialah daripada JAKIM *online*, ...(gangguan), ini saya kata satu usaha yang baik dan saya berharap supaya perkara ini dapat berjalan lancar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, terima kasih saya cuma nak dapatkan gambaran yang lebih jelas, kalau usaha Yang Berhormat untuk menjayakan hasrat murni Halal ini, Yang Berhormat saya telah dimaklumkan 7 kali mengadakan lawatan ke luar negara. Negara mana Yang Berhormat pergi dan tujuan dia adakah tujuan halal atau apa?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya ingin mengatakan di sini bahawa pergerakan saya adalah dalam IMTIGT iaitu Indonesia, Thailand dan sebagainya . Dan perjalanan saya yang lain dari segi industri halal. So saya ingin teruskan usaha-usaha...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Sikit lagi, ada lagi pasai industri halal.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Pasal halal kah?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Ada lagi?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ada lagi

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya nak tanya pasal lain.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Dalam usaha kita, usaha Pulau Pinang dalam membantu usahawan-usahawan halal, kita mengadakan program-program seperti *outreach*, kita mengadakan program interaktif niaga, kita telah mengadakan seminar industri halal dalam logistik kita telah mengadakan rangkaian logistik halal kita telah juga program FMB halal, dan sebagainya dan penyertaan halal kita dalam negeri seperti MIHAS seperti di luar negeri seperti Thaifaq, Medan Fair, dan sebagainya kita telah membawa usahawan kita untuk keluar bersama-sama dan *alhamdulillah* lah kita mendapat satu pasaran yang baik. Di antaranya adalah juga kita sedang membina jaringan dengan dua negara, satu ialah dengan Hong Kong, iaitu satu *hypermarket* dan *supermarket chain* yang dinamakan *welcome* bawah *Judymeltason* jaringan *hypermarket* dan *supermarket welcome* ini juga bukan saja besar di Hong Kong tetapi juga besar menjadi *supplier* kepada syarikat-syarikat *hypermarket* dan *supermarket* di China, satu.

Yang kedua adalah apabila kita melawat satu ekspo makanan di France kita telah dapat semula jaringan dengan satu *hypermarket* dan pasar raya terbesar di France dan di Europe. Mereka mempunyai *branding* halal tersendiri iaitu wasilah, tuan-tuan boleh buka dalam *google* cari wasilah France punya *brand* untuk halal dalam *hypermarket* dan *supermarket change* dan kalau dua-dua ini Y.B. Dato' Speaker kita dapat tembusi *alhamdulillah* kita punya SME di Pulau Pinang yang mengeluarkan barangan-barangan halal akan mendapat pasaran antarabangsa.

Persoalan tentang Al Jauharah, Al Jauharah kita telah mengadakan MOU dengan sebuah syarikat besar di Dubai dan syarikat besar di Dubai ini mempunyai *network of Hotel*, rangkaian Hotel Syariah *Compliance* di Europe dan juga di Dubai, dan kita sedang berusaha supaya cita-cita kita untuk mewujudkan satu *area* satu kawasan di Pulau Pinang ini untuk *Family Concept Hospitality*, Syariah *Compliance* atau pun *International Term* dia *Family Concept Hospitality* so kita sedang berusaha untuk mendapat pelabur asing ataupun pelabur tempatan, untuk kita wujudkan hospitaliti *Family Concept Hospitality and Clave* ini dan insya-Allah. Al-Jauharah adalah syarikat yang sedang membantu kita. Tentang Penang Port dan Penang Airport, Penang Port kita semua faham, persidangan-persidangan yang lepas membincang *I mean* kita telah diberitahu saya juga telah menjelaskan usaha kita untuk kita letakkan Penang Port dengan Rotterdam Port sebagai dua *port* untuk *collaborate* tetapi malangnya Penang Port sungguhpun sudah mendapat Syariah *Compliance* pada Mei 2009 atas usaha kita bersama setakat ini Penang Port tidak lagi bergerak ke tahap yang kedua sehingga baru-baru ini kita buat lawatan kedua Rotterdam Port agak kecewa dengan lewatnya Penang Port untuk bersama-sama menjayakan

network of Halal Port ini, kerana Rotterdam Port ada satu tempat *halal port* dan mereka juga berminat untuk bersama-sama dengan *Penang Port* untuk pergi bersama-sama di dunia dan mereka sudah *identify* satu *port* di Oman dan Shoah namanya. Di Oman untuk diadakan *halal port* kerana Shoah ini *corner the tip before* masuk kepada Dubai Port of Dubai itu sebelum itu kita ada Shoah Port ini adalah satu usaha yang perlu *Penang Port* meneruskan dan satu lagi pelabuhan di France iaitu masih berminat dengan *Penang Port* supaya dapat kita mewujudkan jaringan pelabuhan halal.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih kerana *halal hab* di Pulau Pinang kalau boleh memang *Penang Port* kita memang merancanglah peruntukan satu kawasan 100 ekar untuk buat *Penang halal hab* ini dalam proseslah. Tapi yang Berhormat mengenai lawatan ke Rotterdam Port dan sebagainya ini tak ada tak bincang dengan port ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Penang Port diwakili Yang Berhormat di wakili...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tak ada *sign* pun apa.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Sebab itu saya kata kita mintalah sebab itulah *Penang Port* saya mintalah jasa baik Yang Berhormat tolong minta *Penang Port* kerana dia *win-win situation* tidak rugi ke mana kerana kalau kita ada persefahaman kita dapat *branding all it takes* macam *Penang* kita *brand* kan sebagai Halal International Centre tetapi yang lain-lainnya belum lagi kita dapat wujudkan dan majukan *branding* itu mustahak dan satu lagi pihak Yang terhormat Telok Bahang *tentang Marcil's Port* ini dia adalah satu *very important port the other port of Europe* di mana port ini dia *cover* Morocco dia *cover* Tunisia so kalau boleh *Penang Port* juga melihat *Marcil's Port France, they are very interested*, minat untuk *Penang Port* kerana oleh sebab *branding* *Penang* sebagai Halal International Centre.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bercakap tentang *Penang Port* saya memang berasa *quite convincing* dengan langkah-langkah yang diambil oleh hal-hal menyentuh dengan *halal projek* *halal hab* ini. Saya lihat dalam bajet yang telah dinyatakan oleh Ketua Menteri dalam muka surat 14 perkara 30,....(dengan izin), kalau saya boleh memetik dengan projek *capital Dredging* yang dianggarkan bernilai RM320 juta melibatkan kerja-kerja mendalamkan Selat Utara daripada paras 11 meter kepada 14.5 meter bagi laluan utama kapal-kapal masuk ke Pelabuhan Pulau Pinang masih diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan.

Adakah ini menunjukkan respons dari pihak Penang Port mungkin mereka juga tidak begitu membantu kerana dalam konteks itu juga kita lihat dalam satu *statement* yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang sendiri ini menunjukkan gambar beliau dan Tan Cheng Liang makan durian, jadi adakah mereka sebenarnya menumpukan perhatian kerja-kerja Penang Port? Ini menunjukkan cuma saya ingin tanya kalau beliau melibatkan diri secara aktif dalam kerja-kerja yang dilakukan. Cuma saya hendak tahu adakah beliau melibatkan diri dalam kerja-kerja tersebut.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Cuma apa jawapan apa yang dibangkit oleh Telok Bahang tadi memang betul memang saya tahu *planning* Penang Port untuk *reclaim* tanah, untuk wujudkan satu halam hab betul, tapi kita kena tengok apa yang paling rendah sekali dan cepat sekali dan kita dapat syariah *compliance* kita. *Dedicated warehouse* dah ada *bila dedicated warehouse* ini kosong sahaja. So saya nak beritahu Penang Port iaitu cuma sedikit sahaja kita nak buat *do up the flooring* sahaja.

Kalau kita dah buat *flooring* atau satu syarikat besar antarabangsa telah datang untuk melihat halam *dedicated zone* kat Penang Port dan mereka tidak mahu dan mereka terus ke Port Klang dan tempat itu tidak dapat disesuaikan. Saya minta supaya Penang Port dapat bersama-sama kita buat *business thinking* iaitu tak apa kita *sign*.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Batu Maung, yang makan durian pun jadi isu ka? ... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Pasal durian tak apa.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Wakil rakyat pun hendak makan durian dengan rakyat tak apa. Y.B. Dato' Speaker memang la tak betul tu apa yang baca tadi tu tak betul. Peruntukan sebenarnya itu *priority* dalam RMKe-10 dan memanglah kalau kita nak usahakan *port* lebih besar dan kena koreklah. Dan Kerajaan Pusat sudah bagi dalam RMKe-10 *priority given* dan kita akan teruskan. Tentang halam ini memanglah setakat ini ialah Yang Berhormat sebut dalam hubungan bukan main hebatlah kena ada hubungan rapat dengan pelabuhan ini. Setakat ini hal ini tidak dibawa ke pengetahuan saya di antara Kerajaan Negeri dan pelabuhan belum lagi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya mengucapkan ribuan terima kasihlah Ahli Yang Berhormat dari Telok Bahang kerana berjaya mendapatkan peruntukkan untuk *dredging* kerana kita amat memerlukan *port* yang dalam supaya kita dapat memajukan kerana kita

takut *double tracking* dan ini ada *disadvantage* dia. Barangan daripada Thailand di mana pihak portfolio saya banyak membuat *Marketing Southern Thailand* untuk menggunakan Penang Port sebagai *the gateway out to the world* takut dengan *double tracking* ini Penang Port tidak berjaya dipertingkatkan maka barang-barang ini akan terus ke Port Klang dan akan terus ke Singapura. So ini mesti diberi perhatian.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat Batu Maung bahawa dengan juga jangan lupa *Port International Carshow* maksudnya Port Rotterdam, Port Marcil ada di barat dan juga di Mediterranean Port yang bagus maksudnya menjadi satu pintu masuk ke China di mana banyak kapal masuk ke China di mana bolehkan satu hab dibinakan di sana dan masuk ke singgah melalui Chian Chiang dan lain-lain.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini satu pandangan yang baik dan memang dalam perancangan kita ada *east and west* dan kita nak Pulau Pinang ini dan Pulau Betong senyum setuju atau sinis kita tak tahu tapi Pulau Pinang ini memang kita nak jadikan *centre* yang dulu kita ada *silk road* iaitu daripada China ke Europe dan *spice route* daripada India ke China so itu memang kita nak wujudkan Pulau Pinang supaya *continue* dalam kegemilangan atau kita wujudkan kembali kegemilangan pelabuhan kita.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat satu jam setengah, hanya Ketua Menteri sahaja dapat panjang ni. Saya bagi sikit sahaja.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya ada dua lagi topik yang besar iaitu satu adalah tentang kontraktor Kelas F banyak diperkatakan Kerajaan Negeri tidak membantu usahawan-usahawan kontraktor saya nak katakan di sini iaitu pada awal tahun ini 2010 buat pertama kali Kelas F kontraktor telah mula dapat cabutan undi dari Januari. Saya juga dulu kontraktor, malahan kita mula bulan 3 sebab bajet dan sebagainya dan insya-Allah pada tahun ini kita sedang berusaha *even* sebut harga kerana kalau kita ikut *routine* proses saya ucap terima kasih kepada Y.B. Dato' PKN kerana banyak membantu tentang memajukan usahawan-usahawan Kelas F ini.

Kita nak mulakan insya-Allah tentang sebut harga ini. Sebut harga selalunya *budgeting process* Yang Berhormat Seberang Jaya, Sungai Dua semua *businessman* tahu kena tunggu sampai bulan 3, bulan 4 tapi tahun ini insya-Allah kita nak usaha sebut harga untuk bulan Januari dan bajet dah kita *approved* so kita nak sebut harga untuk bulan Januari itu kita nak mulakan awal dan *the process and advertisement process* semua kita mulakan *late this year*. So that awal tahun depan *decision can be made*. Segala peruntukkan undang-undang boleh dilaksanakan dan perkara-perkara yang kita sedang berusaha adalah kita sudah pun menubuhkan satu Majlis Rundingan Kontraktor Kelas F ini

cukup punya positif dan kita cuba bulan ini kita lancarkan di Dewan yang mulia ini

juga semasa *break* kita lancarkan Majlis Perundingan Kontraktor Kelas F dan menyampaikan beberapa isu yang besar yang pertama kita selesaikan ialah tentang *charge* pembelian dokumen kita telah kurangkan. Kita juga telah kurangkan tempoh bantahan daripada 14 hari ke 7 hari. Kita juga telah menurunkan harga pendaftaran daripada RM100.00 ke RM50.00 dan banyak lagi kita sedang lakukan dengan 1,000 lebih di bawah kelas F dan satu lagi tuan-tuan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan, terima kasih kepada Ahli Batu Maung saya cuma nak satu pengesahan ada atau tidak satu surat yang dikeluarkan oleh Setiausaha Sulit Kanan kepada Ketua Menteri Pulau Pinang 27 Oktober 2010 dengan nombor rujukan, saya nak kod kan dalam hansard rujukan PSUKPP/21/0752/2 (2787/2010) surat ini tarikh 27 Oktober, saya cuma nak dapatkan pengesahan adakah surat ini benar dikeluarkan oleh Setiausaha Sulit Kanan yang menyenaraikan ataupun yang bertajuk senarai nama kontraktor di Pulau Pinang yang di *address* kan kepada Yang Berhormat Dato, Yang Berhormat Tuan/Puan, saya difahamkan surat-surat ini diedarkan kepada Ketua-Ketua Jabatan Teknikal.

Jadi dalam Lampiran surat ini. *No*, yang ini penting yang ialah senarai kontraktor yang ada hubung kait dengan UMNO Pulau Pinang dan jika kita lihat apa yang dijelaskan oleh Ahli Batu Maung ini cara nak bantu Kontraktor Kelas F dengan cara dengan sistem, nampak teluslah. Tapi *insurface* tapi sebenarnya ada pula dan saya nak sahkan saya takut saya mendapat surat fitnah, jadi saya nak sahkan, kalau surat ini benar kenapakah ada ya, surat sebegini yang memberikan satu sifat yang menunjukkan prejudis Kerajaan Negeri kepada kontraktor-kontraktor yang dikatakan ada hubung kait dengan UMNO sahaja. Jadi nak minta utama sekali disahkan surat ini benar atau tidak? Saya tak menuduh apa-apa tapi nak minta jawapan sama ada surat ini benar atau tidak. Kalau benar bermakna ada keraguan kitalah kepada keikhlasan Ahli Batu Maung seperti Ahli Batu Maung kata tadi.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Kita kena faham, Kelas F ini Y.B. Dato' Speaker, adalah syarikat-syarikat orang Melayu *grass root* syarikat-syarikat yang cari makan, kalau boleh saya katakan kais makan pagi makan pagi. Tapi apa yang telah dibangkitkan oleh kontraktor-kontraktor tulen *genuine* ini ialah adanya kroni-kroni syarikat-syarikat yang lama yang telah pun memonopoli kontrak di bawah Barisan Nasional dahulu yang terus memonopoli tanpa prosedur-prosedur. Ini adalah satu *complaint* yang telah dibangkitkan dan apa yang pihak pejabat, kalau saya minta Yang Berhormat Permatang Berangan, kalau telah tanya soalan, dengarlah, beri saya jawab. Ini kalau duduk bincang itu, mana boleh hendak dengar, masa sedang berjalan.

So, saya katakan tadi yang senarai itu bukan yang disenaraihitamkan. Bila Pejabat Ketua Menteri dan juga pejabat saya dan sebagainya menerima aduan yang ada syarikat-syarikat sungguhpun dua tahun setengah Pakatan

Rakyat memerintah dengan dasar iaitu semua kontrak-kontrak mestilah di tenderkan tetapi masih terdapat lagi telefon-telefon *call* yang kepada agensi-agensi

kerajaan yang membolehkan mereka ini diberi satu layanan yang lain. Sebab itu, syarikat-syarikat ini bukan di *blacklist* kan. Surat itu kata, bukan di *blacklist* cuma dikepilkan senarai. Ini adalah *complaint* daripada Kontraktor-kontraktor Melayu Bumiputera Pulau Pinang dan ini kita ambil penjelasan supaya syarikat-syarikat ini mestilah melalui proses-proses biasa, proses-proses tender bukan pintu belakang. So kita akan memastikan yang semua tender-tender ini mestilah telus seperti mengikut dasar CAT.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Sedikit penjelasan, sambung sedikit penjelasan. Yang Berhormat Batu Maung tadi maknanya Yang Berhormat Batu Maung mengakuilah memang surat ini dikeluarkan. Kemudian yang kedua, saya berpendapatlah sebagai wakil rakyat, saya berpendapat bahawa senarai yang mana di *detail* kan syarikat ini mempunyai hubungan dengan itu, syarikat ini AJK Pemuda UMNO Jelutong dan sebagainya adalah merupakan satu surat yang mempunyai satu niat yang prejudis dan juga satu surat yang mengecil-gecilkan kemampuan dan kebolehan dan keupayaan kontraktor-kontraktor berkenaan serta ada niat jahat. Ya, ada niat jahat untuk mempengaruhi mana-mana pihak supaya tidak memberikan apa lagi apa-apa kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang disenaraikan tadi. Boleh terima itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Itu ialah apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Permatang Berangan, itu yang dinyatakan tetapi suratnya *very simple* kita kepilkan senarai ini untuk pengetahuan pihak-pihak jabatan-jabatan dan agensi-agensi tetapi apa yang Kerajaan Pakatan Rakyat iaitu CAT iaitu kita hendakkan ketelusan. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan ada di sini iaitu kita mahukan segala proses pemberian tender, pemberian kontrak dengan mengikut CAT sebab itulah kita mengepilkan untuk pengetahuan agensi-agensi supaya mereka tahu yang kalau ada *back door, back door arrangement*. Ini kita dah tahu siapa-siapa....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey, ini *last* saya tidak lagi, ini *last* satu berkenaan dengan tajuk ini. Ini *last one*. Kenapa tidak disertakan senarai kontraktor-kontraktor lain kepada ketua-ketua jabatan yang berkenaan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Kontraktor lain pasal apa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kontraktor yang masuk ini bukan ini sahaja, kontraktor-kontrak daripada seluruh Negeri Pulau Pinang, kontraktor daripada semua bangsa kemudian dicatatkan juga dia ada hubungan dengan mana-mana parti politik lain.... (gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Masalah hubungan tidak timbul(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Bukan, bukan, dia masalah kalau hendak buat, dia kena buat semua. Kalau hendak buat, kalau CAT telus (gangguan), sekejap lagi saya habiskan, sekejap lagi Yang Berhormat Batu Maung jawablah. Kalau kita keluarkan yang ini, yang ini semua senarai yang berkait dengan UMNO sahaja dan DTL sahaja. Jadi kenapa tidak ada senarai yang membabitkan daerah-daerah lain yang pertama. Yang kedua, semua kontraktor-kontraktor tidak mengiralah Bumiputera, tidak Bumiputera semua dan apa hubungan mereka ini dengan parti-parti politik lain supaya ketua-ketua jabatan boleh mendapat gambaran yang adil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Insya-Allah, saya akan lihat kalau ada *complaint*. Ini adalah *complaint* daripada syarikat-syarikat Melayu sendiri, syarikat Bumiputera sendiri yang kata tidak dapat kontrak oleh sebab ada unsur-unsur yang tidak sihat. Okey.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Kalau kata telah ada unsur, kita telah buat tender terbuka. Tidak timbul sudah unsur-unsur tidak sihat. Ini bermakna bahawa masih ada unsur-unsur yang tidak sihat berlaku dalam kerajaan sekarang. Makna terpaksa keluarkan surat macam ini. Bermakna tidak CAT lah.

Yang kedua, kita juga telah menuduh bahawa ketua-ketua jabatan kerajaan sendiri.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Siapa tuduh.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini dalam surat ini.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

You tuduh.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Dalam surat ini sendiri kata, Ketua-Ketua Jabatan, kroni ketua-ketua jabatan. Bersama ini dilampirkan sebahagian senarai syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kroni UMNO dan kroni Ketua-ketua Jabatan Negeri.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Itu surat-surat yang atas itu adalah kerajaan tetapi yang lain itu adalah *complaint* yang dilampirkan. Ini *complaint* orang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yalah, kalau kerajaan mengeluarkan surat dan masukkan *complaint* orang, lampirkan *complaint* orang. Bermakna ini satu urusan rasmi. Ini bermakna bahawa Kerajaan Negeri menuduh bahawa Ketua-Ketua Jabatan Negeri ada kroni-kroni. Makna ada ketelusan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Okey, saya minta perkara ini, saya ada beritahu tadi, itu adalah apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sungai Dua dan Permatang Berangan. Apa yang *stand* kerajaan adalah kita mendapat *complaint* ini dan kita edarkan kepada jabatan-jabatan untuk diberi perhatian. Saya akan pergi aspek yang terakhir iaitu Pentadbiran Agama.

Alhamdulillah, Kerajaan Pakatan Rakyat apabila mengambil alih kerajaan, kita telah mula mengorak langkah supaya kita dapat memperkuatkan dan mendirikan masyarakat Pulau Pinang sebagai Khairul Ummah. Dalam usaha ini kita telah menyediakan empat aspek, polisi atau pun dasar yang kita inginkan iaitu mempertingkatkan institusi masjid, menjadi institusi yang membangun ummah bukan sahaja dalam bidang akidah dan fiqah tetapi secara menyeluruh kehidupan menuju ke arah Khairul Ummah.

Kedua, membangun masyarakat muda agar menjadi generasi pewaris yang dapat dibanggakan di masa akan datang dan menghindarkan gejala sosial. Ketiga, institusi keluarga sebagai satu nuklear asas utama pembentukan masyarakat dan keempat, meneruskan dengan gigih dan teratur, efektif usaha dakwah dan menjaga kebajikan saudara-saudara baru. Ini adalah di antara usaha-usaha Kerajaan Negeri dan saya ingin menegaskan di sini iaitu tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang iaitu tentang RM160.00 yang diperuntukkan untuk elaun Guru KAFA. Saya ingin menegaskan di sini Kerajaan Negeri menambah tidak, biasa mengurangkan tetapi apa terjadi pada tahun 2009 iaitu pihak Kementerian Pelajaran telah memasukkan sumbangan RM160.00 ini yang selalunya dimasukkan kepada jabatan untuk diberi elaun kepada Guru KAFA tetapi sejak tahun 2009, RM160.00 ini dimasukkan di dalam akaun sebagai bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama rakyat. So, sekolah-sekolah agama rakyat mestilah mengeluarkan RM160.00 untuk membayar gaji kepada Guru-guru KAFA.

Yang kedua, ialah tentang isu Kalimah Allah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Dua. Saya merasa begitu terkejutlah kerana surat-surat sulit kerajaan dapat keluar dengan begitu senang sekali. Apa yang jadi adalah kerana kita tahu ini adalah satu pendapat umum di Malaysia ini yang kita di Malaysia ini

ada dua *strong opinion*. Pendapat umum yang besar tentang Kalimah Allah ini. Satu adalah pendapat pihak Kerajaan Pusat, Kerajaan Barisan Nasional,

Kerajaan Pusat. Dua adalah pendapat-pendapat daripada ulama-ulama besar dunia yang dipegang oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan Pakatan Rakyat. Apa yang dibangkitkan ialah cara perkara ini dijalankan. Oleh sebab perkara ini dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, saya terpaksa memberi jawapan cara perkara ini dijalankan. Apabila proses kalimah Allah ini bermula, dia bermula lebih kurang dua tahun yang lepas, 2007, 2008 dan sebagainya tetapi apabila pada 2010 perkara ini dalam masa dua tiga bulan prosesnya berjalan begitu lancar sekali, nombor satu.

Yang kedua, ialah apa yang kita pertikaikan adalah satu pemberitahuan secara formal kepada Kerajaan Negeri yang perkara ini akan diwartakan. Perkara ini, *I means* telah selesai kerana perkara ini sudah berlaku dan sekarang ini tiada apa-apa masalah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Kerana apa saya timbulkan isu ini, saya timbulkan kerana saya kata soal yang melibatkan fatwa biarlah Mufti yang buat keputusan. Kalau kita asyik berkelahi dengan Mufti tentang fatwa yang telah dibuat(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya mintalah Yang Berhormat Sungai Dua jangan kita gunakan perkataan berkelahi. Saya tidak berkelahi dengan Mufti.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan, kalau berdasarkan kepada surat yang dikeluarkan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Surat yang dikeluarkan itu *very clear*. Yang Berhormat sendiri baca. Saya pertikaikan satu, kenapa *gazet* itu tidak diberitahu kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Benda ini tidak payah guna surat menyurat. Yang Berhormat boleh terus berbincang dengan Mufti. Pergi ke Pejabat Mufti dan bincang.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini *gazet*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya, boleh berbincang. Hari ini kenapa Yang Berhormat keluarkan surat menyatakan saya berasa kesal. Tidak boleh kepada Mufti kita buat macam itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya hendak beritahu di sini. Itu adalah surat-menyurat di antara pejabat saya dan pejabat Dato' Mufti. Perkara ini tidak timbul yang kita tidak menghormati Dato' Mufti. Fatwa adalah bidang kuasa Pejabat Mufti, selesai. *All right*, tetapi pewartaannya adalah mesti melalui dan juga diberitahu kepada Kerajaan Negeri. Itu sahaja. *All right*. Saya tidak mahu teruskan isu ini, apa yang saya ingin bangkitkan adalah saya kesal tentang dua surat rasmi ini telah terkeluar dan surat ini bukan setakat rasmi, ia adalah satu surat yang sensitif bagi saya.

Yang kedua, ialah tentang soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Delima tentang penghargaan kepada Imam Muda. Alhamdulillah, pihak Kerajaan Negeri telah memberi pengiktirafan kepada Imam Muda sebagai Tokoh Hafiz Negeri Pulau Pinang pada tahun 2010 dan beliau telah dianugerahkan dengan pengiktirafan dan juga hadiah wang RM1,000.00 selain daripada hadiah-hadiah yang diberikan oleh Yang Berhormat Seri Delima sendiri dan juga Y.A.B. Ketua Menteri dan Majlis Agama Islam juga telah memutuskan untuk memberi wang tunai sebanyak RM5,000.00 sebagai pengiktirafan kepada Imam Muda ini dan Alhamdulillah, kita akan menjadikan Imam Muda ini sebagai satu mentor, sebagai satu idola kepada orang-orang muda di Pulau Pinang supaya mengikut jejak beliau dan menjadi anak-anak muda yang baik (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat panjang lagi kerana kita hendak berhenti rehat.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Last point.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sedikit sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat dengan izin, saya ingin di sini merakamkan ucapan terima kasih bagi pihak saya sendiri dan sumbangan-sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan penganugerahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menunjukkan dengan jelas. Kalau boleh saya menyatakan Syiar Islam bukan sahaja boleh ditegakkan oleh UMNO sahaja. DAP, PKR dan PAS atau Pakatan Rakyat boleh menegakkan Syiar Islam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Saya ingin menegaskan di sini iaitu kalau kita lihat program-program Kerajaan Negeri, Pakatan Rakyat selama dua tahun ini selama terutama sekali 2009, 2010 ini jauh berbeza, jauh lebih baik, jauh lebih banyak daripada program-program yang dijalankan, ya, terima kasih yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang lepas. Saya tidak ada masa(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tidak, saya tidak bincang ini cuma hendak minta laluan sedikit sebelum Ahli Yang Berhormat Batu Maung tamat. Saya pun tidak mahu bincang isu aktiviti ini, dah semua pakat hendak buat, buatlah cuma adakah Ahli daripada Batu Maung sedia untuk menjawab soalan lain. Yang pertama sekali saya timbulkan kariah dan yang kedua adalah khutbah.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ada, jangan susah, saya tidak lari.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tidak mengapalah sebab tadi kata masa tidak cukup, takut saya tidak sempat dapat jawapan.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya hendak berhenti sekejap.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, habis *point* ini, selepas itu habis, senang sedikit. Tidak payah *continue* lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Berapa minit, tiga minit boleh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Ahli Batu Maung, sebelum hendak digulung itu, saya hendak juga boleh selesaikan berkenaan dengan masalah maksiat dan juga masalah tanah wakaf dan sebagainya. So, boleh dalam masa tiga minit itu semua.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Masalah yang dibangkitkan tentang maksiat ini, memang kita telah mempertingkatkan usaha kita dan juga banyak kes-kes yang telah kita dapat menanganinya tetapi yang mustahak adalah apa yang kita hendak ialah kita tidak mahukan memberi perhatian langsung banyak terhadap penguatkuasaan ini. Kita hendakkan supaya kita dapat memupuk dan membina generasi yang akan takut dan segan dengan maksiat, yang pertama.

Yang kedua adalah, kita juga membina masjid-masjid dan surau-surau di mana mereka ini dapat aktifkan diri untuk memberi nasihat tentang keadaan-keadaan maksiat ini dan ini kita melakukan beberapa program dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid supaya dapat mempertingkatkan usaha mereka ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Masalah dia, dia masih tidak dapat diselesaikan seperti tengok di Seberang Jaya, Bandar PERDA dan sebagainya. Jadi kalau *you* hendak digunakan *Carrot and Cane* sekali pun kalau hendak diberikan *carrot*, hendak berikan pengajaran dan sebagainya, *cane* kena jalan juga sebab bajet pun telah kata, telah ada tambah penguatkuasaan dan sebagainya.

Yang kedua berkenaan dengan tanah-tanah wakaf ini, saya rasa takut nanti terlupa. Kalau boleh minta beri sedikit kelonggaran sebab banyak tanah-tanah wakaf yang kecil-kecil ini yang kita harus beri pembelaan pasal dia orang ada 1/8, 1/4, sikit-sikit kita bagi itu.

Ahli kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

So, tentang maksiat ini betul apa yang dikatakan oleh Y.B. Seberang Jaya, selain daripada usaha kita untuk menggunakan *cane* ini kita juga sedang menitikberatkan tentang usaha kita untuk membina dan memupuk masyarakat, yang kedua tentang tanah wakaf ini memang satu perkara yang semua kita faham yang mempunyai satu masalah yang besar dan masalah rumit seperti pembinaan semula tanah wakaf yang mereka enggan keluar dan tanah yang mahal dan sebagainya yang boleh kita menempatkan seperti 52 buah rumah yang duduk, tak mahu keluar yang boleh menempatkan 500 orang Islam di kawasan itu dan mereka membayar sewa RM1.50 sebulan tak salah saya, tapi mereka sewakan RM25.00 tapi mereka sewakan beribu-ribu ringgit, beratus-ratus ringgit ini adalah masalah yang kita mesti menangani...(gangguan).

Ahli kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang saya minta itu tanah kecil-kecil sebab sekanggang kera ini bagilah balik kepada...(gangguan).

Ahli kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Yang itu kita terpaksa melihat secara amnya *last point* Y.B. Dato' Speaker, *last point* tentang qariah ini saya ingin tegaskan sekali lagi iaitu tentang kita cukup terkilan dengan Y.B. Permatang Berangan selaku YDP MAINPP pada yang lepas bekas YDP beliau dan MAINPP akan berakhir pada 31 Disember 2009 sebab apakah yang Y.B. menggunakan kuasa pada masa itu untuk menyambung ahli dan pengerusi jawatankuasa qariah selama 2 tahun dan ini memporak-perandakan...(gangguan), bagi saya habis dahulu memporak-perandakan keadaan sungguhpun saya setuju tentang segi undang-undang beliau ahli MAINPP pada masa itu mempunyai kuasa tetapi *where is your moral standing?* Kita kena ingat *something which you do according to law...*(dengan izin) tidak semestinya dia baik kita kena ingat kita dah nak pergi dah lagi sebulan orang yang nak mai nak duduk lagi 2 tahun ini bagilah peluang pada mereka kalau nak *extend* pun *extend* lah lagi 3 bulan, sebab itulah banyaknya ada di antara *statement* Y.B. Permatang Berangan *very miss leading* dalam persoalan tentang qariah, bukan tidak ada orang yang dirampas kuasa tidak ada, okey, apa

yang terjadi ialah apabila adanya masjid dan surau-surau yang mana dia punya jawatankuasanya, pengerusinya ada yang pengerusi dah meninggal ada

jawatankuasa yang tak aktif ada qariah yang tidak aktif langsung, hilang langsung, tapi di beri *renewal* oleh Y.B. Permatang Berangan semasa jadi YDP sebab itulah kita apa ni MAINPP dalam usaha kita setelah kita mengambil alih apa yang kita buat ialah kita buat kita mengkategorikan 3 kategori satu. Kategori Yang Pertama apa yang telah kita lakukan ialah di mana Pengerusi atau Jawatankuasa yang sudah hilang, ada yang tak ada, ada yang hilang dan sebagainya...(gangguan).

Ahli kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Peraturan-peraturan 46, saya tadi ada mendengar Ahli Y.B. Seri Delima menyebut dan menuduhkan saya gila kuasa saya minta tarik balik perkataan itu sekarang terima kasih....(gangguan). Siapa gila kuasa sekarang?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Seri Delima kata saya.

Ahli kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Siapa gila kuasa sekarang Seri Delima. Seri Delima kata Batu Maung atau kata pada saya. Sila jelaskan. Buka hansard, kelmarin Ahli daripada Dato' Keramat juga *question* saya ada saya kata sebut tengok..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Boleh *check* balik hansard tengok, kata Yang Berhormat gila kuasa.

Ahli kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kalau cakap tanggungjawablah, kalau tidak *you don't be a coward, you know*.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, so, ini yang saya katakan yang tidak ada yang masih qariah yang perlu dibuat demikian kategori pertama ialah kategori di mana bila terdapat yang dipengerusikan oleh Y.B. Permatang Pasir jawatankuasa dalam MAINPP yang melihat ini kategori yang pertama, ini jawatankuasa qariahnya sudah pun tidak efektif lagi tidak ada lagi pengerusi ada yang meninggal inilah yang baru kita dapat dalam proses penyelesaian. Kategori kedua ialah di mana adanya qariah-qariah yang bertembung di antara 2 golongan, 2 kumpulan kategori ini kita belum lagi dapat menyelesaikan lagi kategori pertama sudah dalam proses, kategori kedua inilah saya timbulkan banyak bagi kami di MAINPP dan juga portfolio agama kerana kedua-duanya *complaint* dan dua-dua belah mempunyai masalah dan kategori kedua membentangkan usul apabila sampai masa pada 2011 nanti kita ingin melihat satu jawatankuasa qariah yang baik yang tidak berbaur politik dan tidak memainkan politik dalam masjid dan surau dengan itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Nanti dulu, saya nak beri penjelasan ...(dengan izin), Y.B. Dato' Speaker, saya melihat di sini Exco Agama iaitu Ahli Y.B. Batu Maung itu tidak begitu arif dan tak menyelami apa sebenarnya pentadbiran dan penyusunan enakmen pentadbiran MAINPP dan kaedah-kaedah pelantikan jawatankuasa qariah. Saya nak menjelaskan pada Dewan bahawa yang pertama tadi Y.B. Batu Maung menggunakan kuasa dan kuasa memanglah dalam *period* saya jadi YDP saya menggunakan kuasa dan kuasa kena faham, Y.B. Batu Maung kena faham YDP bukan *the executive power*, okey, YDP Majlis menguruskan mesyuarat Majlis dan keputusan adalah dibuat oleh mesyuarat Majlis itu kena faham ya.

Yang kedua prosiding pelantikan dan pembentukan jawatankuasa qariah masjid adalah bermula daripada bulan Jun untuk kita memproses pelantikan bagi bulan Januari pada tahun di mana pelantikan perlu berlaku jadi kalaulah katakan kita perlu buat pelantikan pada tahun 2009 maknanya proses pelantikan mestilah bermula daripada bulan Jun 2008 ya bulan Jun....(gangguan), nanti dulu, saya tak habis lagi bulan Jun 2008 dalam pada masa bulan Jun 2008 pihak Majlis telah pun membuat satu keputusan bahawa kita bersetuju ini bukan *concensus* ini mesyuarat Majlis okey mesyuarat Majlis berkata kita bersetuju untuk mengemukakan cadangan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selaku Ketua Agama mengikut enakmen yang kita guna pakai bagi kita menyambung jawatankuasa qariah masjid yang sedia ada yang akan tamat pada 31 Disember 2008 contohnya.

Jadi bermakna di sini apabila mesyuarat penuh Majlis bersetuju untuk melantik atau menyambung semula dan apabila perkara ini dibawa kepada pengetahuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan di atas kebijaksanaan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan apa yang dicadangkan oleh mesyuarat penuh Majlis jadi apa yang kita nak pertikaikan. Kemudian yang kedua, tadi Y.B. Batu Maung kata, tidak berlaku pengambilan alih masjid-masjid secara tidak sah, saya bagi satu contoh bagi Masjid Sungai Dua Pekan contohnya yang meletakkan jawatan 3 orang saja yang baki ahli jawatankuasa tak letak jawatan pun tetapi pihak Majlis telah membuat satu pelantikan keseluruhan jawatankuasa.

Soalan saya. Apakah kedudukan ahli jawatankuasa yang menerima tauliah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang tidak meletakkan jawatan sekarang ini mereka disisihkan dan jawatankuasa yang baru dilantik itu pula sudah bertindih dan tak ada tauliah? Itu satu contoh baik ada lagi ya jadi dalam hal ini saya nak tanya apakah pendirian Kerajaan Negeri atau MAINPP terhadap kewujudan 2 jawatankuasa qariah di dalam 1 qariah, yang mana yang sah? Saya nak jawapan dalam Dewan yang mulia ini yang mana satu sah. Yang pertama yang dilantik oleh tauliah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sehingga tahun 2011 ataupun yang datang kemudian selepas itu.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Tunggu sat tunggu sat, tadi saya dah kata tadi memanglah apa yang Y.B. Permatang Berangan kata tadi semua Ahli Majlis mempunyai kuasa, memang proses dia bermula dari awal saya telah mula berhubung melalui JAINPP untuk meminta supaya Yang Berhormat jangan *renew* sehingga 2 tahun, minta bagi peluang kepada MAINPP yang apa ini Ahli-ahli MAINPP yang baru untuk membuat keputusan, kita faham memang proses tak apa tak apa ...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Itu pelantikan bukan makan masa sehari kita nak pilih nak so kami semasa itu kami kena menjalankan tugas-tugas kami ...(gangguan). Selepas itu kalau Kerajaan Negeri sekarang tak setuju Kerajaan Negeri kenapa tak kemukakan cadangan dalam mesyuarat Majlis penuh daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya memang kita faham proses dia prosedurnya tapi ini adalah satu mainan politik mainan politik yang cuba untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Adakah melibatkan kebenaran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong minta penjelasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :

Saya percaya Y.B. Batu Maung tak perlu jawab soalan yang ditanya Y.B. Permatang Berangan kerana ia melanggar Peraturan 46 (15) nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuan Yang Terutama dan sebagainya tidak boleh digunakan untuk mempengaruhi dewan jadi perkara-perkara ini yang dibangkitkan itu saya rasa tak perlu dijawab tak perlu dijawab.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Okey, tak apa, tak apa, tak apa, okey, saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Agama Islam di Negeri Pulau Pinang dan membicarakan hal ini dalam proses bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya...(gangguan), sebab apa? Takkan tak reti sangat.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk, soalan yang dibangkitkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang di-Pertuan Agong bagi keputusan kita terima sajalah....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya nak bagi tahu....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Batu Maung.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya nak bagi tahu sini apa yang kita cakap di sini adalah Yang Di-Pertua MAINPP dan MAINPP, kita tak sangkut paut dengan kita tak mahu babitkan istana, kita tak mahu babitkan istana....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Pasal apa tak sangkut ini enakmen....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya kata ...(gangguan), dalam keputusan MAINPP, Yang Berhormat tak buat dalam MAINPP tak hantar ke istana...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Itu tugas saya sebagai YDP Majlis masa itu memang saya..(gangguan). bulan 6.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Permatang Berangan, Y.B. Permatang Berangan sila duduk.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Dalam undang-undang memang Yang Berhormat betul tepi yang menyebabkan keadaan yang berlaku hari ini adalah kerana sebab dah tahu, kata nak pi, saja nak tambah bagi dua tahun. Okey satu lagi...(gangguan, bising).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Okey saya nak tanya satu perkara...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Permatang Berangan cukuplah, cukuplah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Jawatankuasa yang sedia ada ini, semuanya tidak boleh pakai kah?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tak kata...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Kalau tak boleh pakai kenapa kita hendak besar semua....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tak kata, itu Yang Berhormat yang kata.

Y.B. Dato' Speaker:

Permatang Berangan, cukup, sila duduk.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Sebab cara Yang terhormat cakap tadi...(gangguan)

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Apa yang saya kata adalah satu kategori pertama di mana ada orang yang sudah letak jawatan ataupun yang sudah mati...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tolong buktikan?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Okey.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tolong buktikan mana yang kita lantik pegawai-pegawai yang dah mati jadi Pengerusi Masjid, tolong buktikan?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya ada...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Jangan sebut saja.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya akan siasat, tentang masjid yang dibangkitkan. Saya akan siasat tentang kes itu okey, tetapi apa yang ingin mengatakan di sini iaitu kita mesti menyelesaikan masalah kategori pertama ini oleh sebab dia akan menyebabkan masalah timbul di kariah itu. Soalan yang kedua oleh Yang Berhormat tentang wujudnya dua, ini pihak MAIPP akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah, tanggungjawab MAIPP kita menyelesaikan. Tentang kes isu yang akhir, isu khutbah, ini lagi satu masalah yang ditimbulkan, perkara ini berlaku yang dikatakan oleh Permatang Berangan bulan Februari, sebab apakah dibangkitkan dalam bulan Ogos, dalam bulan Ramadhan, orang berpuasa.... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Macam ni, ada yang....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bagi saya habis.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Ada yang bulan Februari dan ada yang bulan Ogos.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Bagi saya habis okey, saya hendak mengatakan di sini iaitu ini adalah satu mainan politik kotor UMNO dan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan. Saya bagi kelmarin ialah contoh, satu kes berlaku bulan Februari, satu kes dalam bulan Jun, satu kes dalam bulan Ogos.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya faham, saya faham, tak payah hendak mengatakan di dalam Dewan ini. Kerajaan Negeri berpegang dengan kenyataannya iaitu tidak ada mana-mana khatib yang menukar nama Duli Yang Maha Mulia dengan TYT Tuan Yang Terutama kepada nama Lim Guan Eng, Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Telok Ayer Tawar, kalau hendak cakap bangkit.

Y.B. Dato' Speaker:

Duduk-duduk, semua duduk, bagi Y.B. Batu Maung cakap.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Ini saya ingin menegaskan di sini, kita pegang kuat dengan kenyataan itu tiada ada Khatib yang siuman otaknya yang boleh mendoakan tempat Duli Yang Maha Mulia, kalau siapa yang pergi sembahyang Jumaat dia tahu, tempat yang *last* dia baca doa itu dia tahu, doa itu ditukarkan dengan nama Ketua Menteri. Tidak ada Khatib yang siuman yang akan berbuat demikian dan saya ingin menegaskan di sini iaitu Ustaz Zakaria Ahmad mempunyai tauliah untuk menyampaikan khutbah dan ceramah agama, nombor satu.

Nombor dua, kalau masjid itu adalah satu institusi di bawah MAIPp dan jikalau masjid itu menjemput mana-mana Khatib maka Khatib itu mempunyai kuasa atau *local standart* untuk membaca khutbah. Apa yang kita telah buat sekarang ialah cuba untuk menjelaskan bukan untuk mengetatkan, kita ingin menjelaskan cara-cara bagaimana masjid boleh menjemput Khatib-khatib jempunan. Saya ingin jelaskan di sini, iaitu Khatib-khatib ini bukan orang-orang kebanyakan, mereka ini adalah orang-orang ulama yang besar dalam Islam dan mereka ini tahu apa yang mereka lakukan dan kita mesti tahu apa yang mereka bacakan, apa doa yang mereka bacakan.

Di Dewan yang mulia ini saya hendak bagi tahu yang kita akan mempermudah ulama-ulama besar kita, cerdik pandai kita untuk memberi ceramah-ceramah agama dan membaca khutbah-khutbah di Negeri Pulau Pinang, insya-Allah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Sat, sat, saya hendak jelaskan. Pertama tadi Y.B. daripada Batu Maung menafikan bahawa Khatib yang berkenaan meninggalkan doa kepada Agong dengan menggantikan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Saya tak menafikan, meninggalkan, saya kata tadi menukar .

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Sapa yang sebut menukar, ceritanya...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Statement nya keluar kata..(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Statement sapa?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Statement dalam surat khabar kata....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya cakap dalam Dewan macam mana?

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Menggantikan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Dalam cerita dia, menggantikan, maknanya dalam teks khutbah yang rasmi di Negeri Pulau Pinang malah di seluruh Malaysia, di belakang atau di khutbah yang kedua memang meletakkan doa kepada kesejahteraan Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Tun bagi Negeri kita, tetapi khutbah yang berlaku di Padang Menora dan khutbah yang berlaku di Masjid Kubang Buaya, doa kepada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dan juga Tuan Yang Terutama Tun tidak disebutkan langsung malah digantikan dengan doa kepada Lim Guan Eng masa itu dan juga pemimpin-pemimpin bersamanya dan saya mempunyai bukti-bukti daripada saksi-saksi anak qariah yang telah pun membuat laporan Polis dan juga kita mempunyai bukti-bukti yang pada ketika ini dalam siasatan Polis, iaitu rakaman semasa Khatib berkenaan membaca khutbah di Masjid Kubang Buaya. Bukti itu ada pada pihak Polis dalam siasatan sekarang, jadi dalam hal ini saya rasa penafian itu adalah satu yang tidak benar.

Kemudian yang kedua, boleh saya tahu bila Ustaz Zakaria Ahmad ini diberikan tauliah kerana sepanjang saya menjadi Yang di-Pertua Majlis....
(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

29 Mac 2003.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Tak apa, kalau dia ada tauliah itu, nanti saya *check* balikhlah sebab 2003 bukan masa saya. Tauliah ini, tak apa kita akan *check*, kita ada satu sistem, tauliah diperbaharui, tak apa nanti saya *check* balik, tauliah diperbaharui 2009, automatik, tetapi yang ini tidak tahu macam mana, tak apa, tapi selepas ini saya hendak tanya lah, maknanya kalau siapa yang ada tauliah dan dijemput oleh kariah masjid maka boleh menyampaikan khutbah. Bolehnya, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Sikit je, soalan saya berulang tak apa, pertama bolehkah masjid menjemput khatib luar untuk baca khutbah dan perlu atau tidak masjid tersebut mendapat kebenaran daripada Majlis Agama atau Jabatan Agama.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Prosedur dia ataupun cara, kita sedang memperjelaskan cara bagaimana masjid untuk menjemput khatib-khatib jemputan, ini kita dalam *final* proses, kita akan keluarkan. Cara bagaimana masjid menjemput, yang kedua ialah tentang soalan tadi Y.B. Permatang Berangan iaitu kita akan permudahkan pengeluaran tauliah ini insya-Allah dan kita akan cuba, kita hendakkan Pulau Pinang menjadi sebuah negeri yang mana kita tidak ada masalah tentang parti-parti mana, ulama datang dari parti mana gamkan *blacklist* dan sebagainya. Saya ingin menegaskan di sini iaitu pihak Jabatan Agama Islam mengeluarkan teks khutbah dan apabila mengeluarkan teks khutbah dan dalam teks khutbah itu ada dua, itu adalah kewajiban Jabatan Agama mengeluarkan teks khutbah dan tidak semestinya khatib jemputan ini membaca teks-teks khutbah ini, tidak semestinya. Ini adalah satu panduan dan soalan yang kedua tentang Polis kes ini saya tidak mahu sentuh di sini, oleh sebab benda itu sudah pun dilaporkan, tetapi saya ingin menegaskan di sini ialah cara niat buruk untuk memporak-perandakan, sebab apabila Khatib jemputan di dalam masjid terpanggil kita Kerajaan Negeri tidak memberi arahan, siapa pun tidak terlintas untuk beri arahan untuk membaca doa kepada Ketua Menteri, tetapi apabila masyarakat sendiri terpanggil untuk mendoakan. Itu menunjukkan kata penerimaan orang Islam kepada Pakatan Rakyat, ini penyakit orang UMNO, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan. Isu yang kita bangkitkan ialah...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat saya hendak tangguh Dewan....(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Meninggal nama Yang di-Pertuan Agong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat tapi hanya 10 minit sahaja. Kita akan sambung semula pada jam 11.50 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Dewan bersambung semula pada jam 12.00 tengah hari.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.B. Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan bersambung semula. Dipersilakan yang Berhormat Ahli Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota(Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato' Timbalan Speaker kerana memberi kesempatan kepada saya untuk memberi ulasan terhadap isu-isu yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini berhubung dengan bajet dua ribu sebelas yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyuarakan sokongan bagi pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga bahagian kerajaan tempatan dengan unit Pengurusan Lalu lintas, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri terhadap bajet yang di bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang akan membawa negeri untuk menuju mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Bandaraya Antarabangsa di mana saya percaya Majlis Perbandaran atau pihak berkuasa tempatan memainkan peranan yang penting untuk menyokong usaha ini dan memudah cara usaha ke arah menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya dan Negeri Antarabangsa.

Saya juga ambil kesempatan ini untuk memberi komitmen Kerajaan Tempatan juga kepada rakan-rakan Exco saya portfolio-portfolio masing-masing di mana Kerajaan Tempatan dapatlah menyokong usaha dan program-program yang dibawa oleh Exco-exco melalui portfolio-portfolio mereka di mana kerjasama di antara Exco-exco yang memegang portfolio-portfolio yang tidak sama itu dapatlah mencapai sinergi supaya matlamat yang ditetapkan ke arah Kerajaan Negeri dapat dicapai dalam masa yang tersingkat saya juga ambil kesempatan ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menimbulkan beberapa isu berhubung dengan Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu lintas boleh simpulkan bahawa pada sesi ini tak banyak isu berkenaan Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas tetapi pandangan-pandangan ini mahupun kritikan-kritikan akan diambil maklum oleh Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya perkara yang masih belum dapat di perkukuhkan, apa-apa kelemahan pun dapat ditangani dan diatasi.

Bagi mula memberi jawapan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Acheh yang berhubung dengan tapak pasar malam di Sungai Acheh, untuk makluman Dewan ini pasar malam tersebut telah lama wujud sebelum ini tiada isu yang timbul berkenaan dengan kewujudan pasar malam tersebut namun apabila lesen penganjuran diluluskan kepada JKKK tempat wujudnya isu tanah tapak pasar malam berkenaan. Pasar malam berkenaan di jalankan di atas sebahagian kawasan jalan raya dan juga tanah milik PERDA. MPSP memberi kelulusan untuk pasar malam beroperasi di kawasan tanah milik persendirian namun setelah perbincangan diadakan bersama-sama semua pihak yang terlibat isu berkenaan penggunaan tanah milik PERDA dapat di selesaikan

secara bersama. Sehingga kini MPSP tidak menerima sebarang aduan daripada PERDA mengenai perkara ini dan arahan dan dasar terbaru Kerajaan Negeri

yang bermula pada tahun dua ribu lapan di mana semua penganjuran yang lama dibatalkan dan diberikan kepada JKPP yang baru untuk kawasan yang tiada JKPP pula Persatuan Penduduk atau NGO boleh juga menganjurkan pasar malam.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Padang Kota, cuma saya hendak menjelaskan sebenarnya tanah PERDA yang digunakan tidak mendapat kebenaran. Kebetulan pihak PERDA memberi kebenaran kepada Komuniti Bistari Sungai Acheh untuk mengurus dan menagih tapak itu termasuk dewan itu. Sehingga hari ini tidak ada secara rasminya penganjur pasar malam itu mendapat kebenaran menggunakan tanah PERDA yang saya maksudkan dan ini menjadi masalah di antara Komuniti Bistari, JKPP dengan JKPP negeri dalam soal wujudnya pasar malam ini. Saya cuma menyelesaikan sebenarnya, dari awal saya cuba menyelesaikan bawa mereka kedua-dua pihak ke MPSP supaya mereka dapat berpakat. Ada persetujuan peringkat awal JKPP Negeri bersetuju nak bagi sedikit sumbangan kepada Komuniti Bistari dan JKPP kerana menggunakan tanah PERDA. Tapi sehingga hari ini satu sen pun tidak diberi. Jadi sebab itulah mereka timbul perjanjian tidak dapat tunai dan kebenaran secara rasmi juga tidak dilakukan. Itu yang sebenarnya Yang Berhormat Padang kota, Terima kasih Y.B. Dato' speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat. Saya rasa MPSP akan ambil maklum pujian dari Yang Berhormat berhubung dengan isu yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat berhubung dengan bagaimana kawasan sawah padi diberi kebenaran untuk menjalankan perusahaan burung walet di SPS adalah dimaklumkan bahawa dasar sedia ada membenarkan aktiviti perusahaan burung walet dijalankan di kawasan pertanian. Dalam dasar tersebut tidak menyatakan secara khusus bahawa aktiviti perusahaan burung walet tidak boleh dijalankan di kawasan sawah padi bagaimana pun dalam menimbang sesuatu permohonan kebenaran merancang bagi tujuan tersebut yang terletak di kawasan sawah padi MPSP melalui Jawatankuasa OSC mengambil kira beberapa faktor sebagai asas untuk pertimbangan antaranya satu, tapak yang terlibat bukanlah sawah padi yang aktif dan kedua tidak menjejaskan sistem pengairan sedia ada.

Semua kes-kes untuk memperbaharui lesen burung walet adalah di tangguhkan buat sementara waktu sehingga garis panduan baru siap di pinda iaitu walau satu GP sudah pun dibentangkan dan diluluskan oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri masih belum menerima pakai sepenuhnya garis panduan tersebut dan saya rasa Exco pertanian di mana Jabatan Perkhidmatan Veterinar menjadi *lead agency* dalam isu ini akan menjernihkan garis panduan itu dan akan disampaikan kepada pihak berkuasa tempatan

untuk pelaksanaan dan pertimbangan permohonan-permohonan yang akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Bagi sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, bermaksud wujudnya bangunan-bangunan burung walet ini di kawasan sawah setakat ini tidak dapat mana-mana kebenaran maksudnya begitulah.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Seperti mana dikatakan walaupun berada di kawasan sawah pun bangunan masih di benarkan. Bangunan kediaman satu biji boleh dibina jadi perkara ini akan saya rasa JTB yang akan menjadi *lead agency* dalam perkara ini bersama-sama dengan Pejabat Tanah, Jabatan Pertanian dan juga PBT akan menjernihkan garis panduan supaya perusahaan ini yang ingin dipromosikan oleh Kerajaan Pusat sehingga Perdana Menteri sendiri mengambil perhatian terhadap perusahaan ini akan dapat dibenarkan berkembang ataupun di usahakan di dalam zon-zon yang ditetapkan boleh dan bukan membenarkan ianya didirikan di merata-rata khususnya di pusat-pusat bandar di mana penduduk didapati di sekitar rumah-rumah burung walet ini...(celahan, gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Minta laluan, terima kasih. Maksudnya di tanah pertanian ini kalau bangunan kediaman boleh di buat hanya sebuah sahaja tapi kediaman manusia lah, bukan kediaman burung walet jadi bermaksud bangunan burung walet ini sebenarnya tidak mendapat kebenaran daripada mana-mana kebenaran daripada pejabat dan jabatan tertentu dan ini yang di timbulkan oleh petani-petani dan pesawah dan ada juga setengah tempat mendirikan menyebabkan menjadi ganggu gugat kepada pesawah dan bendang. Itu yang kita minta kerjasama Yang Berhormat Padang Kota. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya, Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan berkuasa tempatan sedar akan impak perusahaan burung walit kepada manusia dan oleh itu garis panduan baru sudah pun digubal dan diterima pakai di Majlis Negara Kerajaan Tempatan bagi garis panduan untuk dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang kita perlulah memperhalus butir-butir garis panduan itu dan apabila diperhalusi dan di terima pakai pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi akan membuat keputusan berpandukan garis panduan yang dipakai. Di mana walaupun ada garis panduan itu semua permohonan perlulah diberi pertimbangan kepada Jawatankuasa OSC dan peranan Jabatan Perancangan Bandar akan memastikan zon-zon dan boleh dibenarkan perusahaan ini. Untuk menjawab soalan tentang pemaju yang mendirikan struktur iklan nama Residensi Merbok di bahu jalan MPSP tidak pernah memberi kebenaran pemaju berkenaan untuk membina iklan tersebut. Notis binaan tanpa kebenaran telah dikeluarkan dan tindakan selanjutnya akan diambil setelah tempoh notis berkenaan tamat. Yang

Berhormat Telok Air Tawar menimbulkan isu Clan Jetty?, beca dan program kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia George Town.

Untuk makluman Dewan ini cadangan bagi membangunkan Clan Jetty dan *Muslim on Calif*, sedang dikaji di peringkat penyediaan rancangan kawasan khas atau *special area plan* dan pelan pengurusan pemuliharaan Tapak Warisan George Town yang dijangka siap pada bulan Disember ini. Program-program kebudayaan pelbagai kaum turut diketengahkan semasa George Town *festival* bersempena sambutan kedua George Town sebagai Tapak warisan Dunia, UNESCO yang dianjurkan sepanjang bulan Julai tahun ini. Perlaksanaan program-program kebudayaan ini akan di teruskan bagi perayaan sambutan tahun-tahun seterusnya. Perkhidmatan beca juga turut digunakan di dalam *Program Heritage Trails* yang dianjurkan oleh *George Town World Heritage Incorporated* dan melalui program *George Town Festival* penggunaan beca-beca ini turut membantu meningkatkan pendapatan penarik beca. Berhubung dengan cadangan...(celahan, gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan Yang Berhormat Padang Kota, berkenaan dengan isu Tapak Warisan Dunia George Town, saya juga ada satu penjelasan yang hendak saya minta di mana saya ingin mengutarakan bahawa kepada:

- (1) Soalan yang saya telah tanya berkenaan dengan kelulusan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia ada empat projek yang telah dibangkitkan iaitu cadangan dua belas tingkat hotel di Pengkalan Weld untuk Tetuan Boustead Sdn. Bhd.;
- (2) Cadangan pangsapuri dan pejabat di Pengkalan Weld untuk Tetuan Asia Global Business Sdn. Bhd.;
- (3) Cadangan tujuh belas tingkat hotel di Lebuhraya Farquhar untuk Tetuan E&O Sdn.Bhd; dan
- (4) Cadangan dua puluh tiga tingkat hotel di Jalan Sultan Ahmad Syah untuk Bintang Holding Sdn. Bhd.

Saya ada dua soalan berkenaan dengan empat projek ini. Nombor satu ada *height distraction* yang dinyatakan oleh pihak UNESCO untuk kelulusan itu sebagai satu tempat Tapak Warisan Dunia dan saya ingin tahu sama ada apabila dikemukakan permohonan untuk Pulau Pinang di jadikan sebagai Tapak Warisan Dunia pelan-pelan itu telah diluluskan nombor satu oleh pihak berkuasa tempatan dan nombor dua sama ada ia telah di *disclose was there disclosure* dan sekiranya tiada *disclosure* adakah *non-disclosure* itu *deliberate* dan ini adalah soalan pertama saya.

Soalan kedua dan soalan sampingan saya adalah sekiranya akibat tidak mematuhi *height distraction* tersebut kita terpaksa sekarang membuat rundingan dengan pihak-pihak pemaju tersebut apakah status rundingan tersebut dan

berapakah ganti rugi pampasan yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri sekarang akibat apa yang telah berlaku sebelum ini. Sekian.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Dato' juga, Datok Keramat. Berhubung dengan isu empat buah bangunan iaitu dua di kawasan teras dan dua di kawasan penampian, George Town Heritage Site itu, sukacita dimaklumkan bahawa setelah isu ini dibangkitkan dan setelah lawatan dan laporan daripada wakil-wakil daripada UNESCO dan ICOMOS, saya ingin maklumkan bahawa bagi dua projek di *buffer zone* itu mereka perlu diarahkan untuk melakukan pindaan-pindaan tertentu terhadap *design* dan *facade* mereka dan memandangkan ianya diletak di *buffer zone* UNESCO membenarkan ketinggian bangunan yang diluluskan. Sementara dua bangunan di kawasan teras sukacita saya pun ingin maklumkan bahawa walaupun kedua-dua projek ini sudah pun diberi kelulusan pelan kebenaran merancang oleh MPPP namun atas semangat untuk menjaga pembangunan warisan di George Town ini kedua-dua pemaju sedia untuk mematuhi arahan daripada UNESCO dan mengurangkan ketinggian bangunan-bangunan mereka yang sudah pun diberikan kelulusan.

Jadi bagi satu projek, saya rasa yang nombor dua yang disenaraikan, tidak ada isu-isu pampasan sebab kerja-kerja tidak dimulakan, jadi pemaju rela untuk membuat pindaan dan oleh kerana belum memerlukan projek itu mereka tidak timbul isu tuntutan pampasan manakala projek yang terlibat dalam isu pampasan adalah cuma *boustead project* di mana hotel yang sepatutnya ketinggiannya 17 tingkat diperintah untuk dikurangkan sehingga 18 meter, lebih-lebih itu pun 5 atau 6 tingkat sahaja. Jadi setelah mengadakan rundingan dengan pemaju ini, kita pun sudah menyelesaikan dan persetujuan *point of agreement* di mana undang-undang tidak akan digunakan, perkara ini tidak perlu dibawa ke mahkamah di mana rundingan dijalankan untuk mencapai satu persetujuan sekiranya ada tuntutan, tuntutan akan diberikan bukan dalam bentuk tunai, tetapi dalam bentuk *in kind* iaitu dalam kes ini mungkin kita meneliti sama ada mereka diberi hak untuk tebus guna tanah yang tapak dicapai nilai sehingga kos-kos *abortive* atau *modification* yang perlu ditanggung oleh pemaju itu dapat diberi ganti rugi dalam hab untuk tebus guna lautlah. Jadi dijangkakan kita berharap perkara ini dapat dimaterai antara pihak Kerajaan Negeri, Pihak MPPP dengan pemaju ini menjelang hujung bulan Disember supaya pemaju dapat meneruskan pembinaan dan perobohan juga bahagian-bahagian yang sudah pun tidak sesuai lagi sebab ketinggian hotel sudah diperturunkan. Jadi itu kedudukan sekarang, cuma satu membabitkan isu pampasan, tiga yang lain tidak membabitkan isu pampasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Penjelasan, *just one small question*, tadi Yang Berhormat Padang Kota ada mengatakan isu tanah tebus guna tanah sebagai *in kind* pampasan kepada Tetuan Boustead Holding ini melibatkan mengambil kira kos *abortive*. Di peringkat ini adakah kita tahu apakah kos *abortive* itu, sekian?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Kos *abortive* sudah pun dikemukakan oleh pemaju dan diteliti oleh MPPP. Peringkat ini pelantikan satu *independence consultant* untuk *verify* kos-kos *abortive* dan *modification* akibat pematuhan arahan daripada UNESCO. Itu dalam peringkat verifikasi oleh konsultan yang bebaslah sebab pemaju buat tuntutan, MPPP menilai tuntutan dan akhirnya kita memutuskan konsultan yang bebas, yang ketiga dilantik untuk *verify* butir-butir setiap tuntutan itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Berapa kos-kos yang dituntut oleh pemaju?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Kos-kos yang dituntut saya rasa kita membiarkan *independence consultant* menjalankan kerja dengan bebas dan adil tanpa apa-apa tekanan dari luar atau dari dalam.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya percaya kita berhak tahu, ini akan diversifikasi oleh konsultan *anyway, but what is their claim?*

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Setelah rundingan saya rasa kita dapat tuntutan asal mereka adalah dalam lingkungan RM50 juta lebih akibat dari pematuhan arahan daripada UNESCO tetapi setelah 1 tahun rundingan, kita dapat meyakinkan pemaju untuk menggugurkan tuntutan-tuntutan berhubung dengan *loss of future earning* yang tidak akan diambil kira dalam tuntutan, jadi tuntutan adalah wang yang mereka belanjakan untuk mendirikan bangunan itu sehingga diarahkan untuk henti, itu kos kalau mereka buat pindaan untuk mendirikan 5 tingkat sahaja, apa yang sudah buat *piling* dan sebagainya tidak guna lagi dan perlu dibuat semula. Itu kos yang dilayani oleh pihak Kerajaan Negeri. Kos sebenar untuk *actual cost* untuk roboh dan *modify*. Berhubung dengan tuntutan-tuntutan yang lain iaitu *loss of future earning* tidak dilayan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, apa pula dengan projek E&O di mana saya nampak sekarang bangunan cukup tinggi lebih daripada 18 meter? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sepertimana saya jelaskan tadi, pakar daripada UNESCO telah memutuskan cuma mengarahkan pemaju Hotel E&O melakukan pindaan-

pindaan kepada *facade* mereka dan tidak ada arahan berhubung dengan ketinggian, *they need to do the modification to the facade to friend with the surrounding heritage value.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Satu penjelasan ataupun pengesahan daripada Y.B. dari Padang Kota. Kita tahu sekarang tuntutan yang dibuat oleh Tetuan Boustead Holding ini adalah RM50 juta setakat ini tertakluk kepada verifikasi tidak termasuk *loss of future earnings.*

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

RM50 juta lebih itu termasuk, sudah masuk. Kita sudah dapat menggugurkan tuntutan itulah. Yang menjadi satu bahagian yang lebih besar daripada *abortive cost.*

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Ingin tahu, saya dapat jawapan kepada soalan ini, *last point sorry* bahawa Kerajaan Negeri lepas telah memberi jaminan kepada UNESCO akan menghadkan ketinggian kepada 18 meter tetapi kegagalan Kerajaan Negeri lepas mengotai janjinya kepada UNESCO tidak diketahui oleh Kerajaan baru yang tidak dimaklumkan langsung oleh Kerajaan Negeri yang lepas yang berdegil enggan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri baru untuk memelihara dan melindungi warisan. Ini adalah satu kes yang sama dengan kalau kita hendak bandingkan dengan kes Tang Hack Ju di mana Kerajaan Negeri terpaksa menanggung liabiliti daripada Kerajaan Negeri yang lalu, sekian.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya pernah membawa perkara ini ke Parlimen, sebab saya pun Ahli Parlimen, jawapan yang saya terima adalah pihak Kerajaan Persekutuan tidak bercadang untuk memikul tanggung jawab ini atau membantu Kerajaan Negeri menghadapi tuntutan ini. Itulah pendirian Kerajaan Pusat.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, berhubung dengan *park and ride* yang disentuh oleh beberapa Ahli Dewan ini, sukacita dimaklumkan Rapid Penang telah kemukakan cadangan ini dan Kerajaan Negeri bersetuju dengan cadangan dan sebuah Pasukan Task Force sudah pun ditubuhkan dan sudah dua mesyuarat diadakan dan beberapa lawatan tapak telah diadakan untuk mengenal pasti tempat-tempat sesuai untuk dijadikan terminal supaya orang yang ingin menyertai perkhidmatan *park and ride* dapatlah meletakkan kereta di tapak-tapak yang disediakan. Antara tapak-tapak yang kita kenal pasti adalah di Sunway Carnival Mall, di Ampang Jajar dan juga di kawasan Casting Yard di depan

Penang Bridge tetapi di peringkat ini bukan semua tapak yang dikenal pasti ini sesuai. *Task Force* kita akan terus mengenal pasti tempat-tempat yang sesuai supaya program *bridge express shuttle transit* ini atau *park and ride* dapat dilaksanakan sebagai projek perintis. Kalau didapati berkesan untuk menangani

isu kesesakan lalu lintas khususnya di atas jambatan ianya akan diperluaskan sepertimana di minta oleh beberapa Ahli Yang Berhormat supaya diperluaskan sistem *park and ride* ke lokasi-lokasi yang lain di Pulau Pinang. Kita sudah pun menerima cadangan ini dan jurutera-jurutera sudah pun mengenal pasti Sungai Nibong, Tanjung Tokong, Air Itam. Kalau boleh dikaji kesesuaiannya untuk dijadikan stesen *park and ride* ini tetapi saya harus ingatkan bahawa ini cuma dalam peringkat *feasibility study*. Walau bagaimanapun kita ucapkan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana menyokong cadangan ini dan di dalam bajet ini pun sudah memperuntukkan satu jumlah untuk *kick start* perkhidmatan yang percuma ini supaya untuk menggalakkan lebih ramai membuat pengalihan daripada penggunaan kenderaan sendiri kepada penggunaan pengangkutan awam. Itulah usaha yang kita adakan untuk menggalakkan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, berkenaan dengan *park and ride* ini adalah satu inisiatif baik, walaupun pembangkang kita sokong tetapi cuma hendak tahu dia menggunakan *open area* kah atau akan dibina tempat meletak kereta bertingkat-tingkat dan seterusnya menjadikan terminal bas semua berada di situ dan sebagainya sebab kalau di kawasan Sunway Carnival amat kecil dan sempit dan tidak mempunyai ruang yang lebih besar. Adakah cadangan yang sedemikian?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Cadangan tidak membabitkan pembinaan terminal yang besar-besar. Kita cuba bagi projek perintis menggunakan *shopping mall* yang sudah pun ada tempat-tempat letak kereta sebab pada hari kerja Isnin hingga Jumaat, siang hari kebanyakan Mall tidak ramai pengunjung jadi tempat-tempat meletak kereta boleh digunakan untuk melaksanakan sistem *park and ride* dan juga ianya mungkin membawa kepada aliran trafik dan pengguna-pengguna ke *shopping mall-shopping mall* yang semestinya akan memberi impak sampingan kepada *shopping mall-shopping mall* ini tetapi selain daripada itu kalau dikatakan di tapak-tapak yang kosong misalnya di Ampang Jajar kemudahan-kemudahan asas perlu disediakan supaya penumpang-penumpang akan merasa selesa untuk tunggu bas sekejap dalam 10 minit dapat meninggalkan kereta itu dengan keadaan selamat supaya mereka boleh naik bas dan apabila balik tempat itu terang dan keselamatan mereka terjamin. Jadi ini seperti Yang Berhormat kata *stick and carrot*, kita perlu dalam peringkat perintis ini menawarkan *carrot* supaya mereka dapatlah melihat kebaikan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan bersendirian yang sememangnya apabila kira pembayaran tol jambatan dan juga petrol-petrol dan juga *lost of man hour* kalau tersangkut dalam kesesakan lalu lintas, itu pun satu kos kepada ekonomi kita dan kita mulalah dari kerja-kerja kesedaran sehingga mereka menerima pengangkutan awam adalah *the way forward for state light* Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebenarnya, penjelasan sekali lagi. Saya hendak ambil kesempatan ini supaya dia katakan *kill two birds with one stone* maknanya adakah lebih baik kalau kita gunakan tapak ekspo yang ada sekarang ini lebih kurang 29 ekar

supaya rancangan permulaan saja untuk memberikan satu pemajuan yang amat lebih baik sebagai tambah nilai di Seberang Jaya, supaya ia juga menjadi sebagai *integrated bus terminal* di situ dan dia boleh menghala ke utara dan sebagainya dan seterusnya dia boleh menjadi sebagai lokasi *park and ride* dan oleh kerana itu juga, cadangan untuk diadakan sebagai pameran kekal dewan besar seperti Cingu dan sebagainya untuk pertanian juga boleh terus dijalankan secara *integrated* dan kalau boleh saya harap Ahli Padang Kota boleh kemukakan kepada Kerajaan Negeri supaya boleh kemukakan peruntukan khas RM20 juta ke RM30 juta kerana ianya terus boleh dapat menyelesaikan juga kalau esok hendak buat sistem monorel sistem sambungan LRT dan sebagainya ia menjadi satu lokasi amat baik secara tidak langsung membantu Seberang Jaya untuk maju ke hadapan menjelang tahun 2020 menjadi Malaysia negara maju dan Seberang Jaya terus maju.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih. Saya suka cadangan Seberang Jaya. Cadangan Seberang Jaya tetapi tidak suka cadangan bahawa Kerajaan Negeri membiayainya tetapi sukacita saya maklumkan bahawa sebenarnya RapidPenang menerusi pasaran memang berhasrat di Sungai Nibong pun mereka berhasrat untuk memajukan Sungai Nibong sebagai satu *hub terminal* yang bertingkat di mana semua bas yang akan masuk ke Negeri Pulau Pinang ada satu terminal yang sesuai di mana ada *multi-storey bus terminal*. Bas-bas boleh diletakkan di *multi-storey terminal*. Bas sebagai satu *hub* yang amat penting dan saya rasa kita pun sudah juga *identify* tapak ekspo di Seberang Jaya sebagai satu tapak untuk *park and ride* dan kita biayai jurutera-jurutera dan pasukan petugas itu melihat kesesuaian setiap tapak yang dikenal pasti.

Berhubung dengan *bicycle lane* bertaraf antarabangsa yang disentuh oleh Y.B. Tanjong Bunga sukacita dikatakan seperti mana yang berhormat sebutkan tadi di pulau ini MPPP dengan kerjasama NGO telah pun mengambil langkah-langkah tertentu untuk memenuhi hasrat di mana lorong *bicycle* dapat disediakan tetapi di MPSP pula belum dapat dikuatkuasakan syarat bahawa pemaju sediakan *bicycle lane* dalam projek-projek mereka dan MPSP akan mengkaji juga penubuhan kelab basikal untuk kakitangan di masa depan.

Berhubung dengan isu lampu jalan LED di mana dibangkitkan oleh beberapa ahli yang berhormat mengapa penggunaan lampu LED perlu ditangguhkan. Sukacita dimaklumkan majlis mesyuarat Kerajaan Negeri telah menerima pengakuan daripada jawatankuasa teknikal, berhubung dengan isu ini di mana jawatan teknikal ini menjemput lebih dari sepuluh syarikat untuk membentangkan cadangan berhubung dengan penggunaan lampu jalan LED dan akhirnya kita dapati lampu jalan jenis LED tidak sesuai lagi digunakan untuk lampu jalan oleh agensi Kerajaan Negeri kerana *standard* Malaysia bagi lampu jenis LED belum siap digubal dan dilaksanakan lagi serta kos permulaannya yang tinggi. *Return on Investment (ROI)* serta penjimatan tenaga elektrik bagi LED *street lamp* ini adalah tidak sepadan dengan model yang dilaporkan untuk

memasang lampu LED. LED ini boleh digunakan secara meluas apabila ada turun sehingga tahap ROI adalah positif.

Walau bagaimanapun LED adalah sesuai dan digalakkan untuk lampu-lampu di pejabat kerajaan dan lampu di tempat-tempat *indoor* untuk mencahayakan bangunan di luar pada masa kini setelah diambil kira faktor penjimatan elektrik dan kos penyelenggaraan. Walau bagaimanapun, memandangkan masih ada banyak cadangan dan minat ditunjukkan oleh syarikat-syarikat LED dan juga pandangan-pandangan dari yang berhormat berhubung penggunaan LED ini Kerajaan Negeri sedia untuk meneliti semula dan melihat semula cadangan-cadangan untuk menggunakan lampu LED ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan. Terima kasih kepada Padang Kota. Adakah Kerajaan Negeri sedang memandang kita guna secara sistem solar untuk menjimatkan kewangan atau pun *maintenance* atau pun penyelarasan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Setiap kaedah baru, teknologi baru memang ada kebaikan dan keburukan dari segi keburukan solar panel ialah bateri itu perlu ditukar dan senang rosak. Itu satu pertimbangan yang kita harus lihat tetapi pemasangan lampu LED boleh dijalankan serentak dengan solar panel juga. Itu pun satu perkara yang perlu diteliti sama kes tahap kesesuaiannya.

Berhubung dengan status permohonan taraf Bandar Raya George Town. Sukacita dimaklumkan bahawa kertas kerja untuk memohon taraf bandar raya bagi George Town telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kerajaan Negeri sedang menunggu jawapan. Kerajaan Negeri memohon agar pemberian status bandar raya bagi George Town boleh diberikan dengan segera supaya George Town sempat diisytiharkan sebagai bandar raya pada 1 Januari sebab pada tahun 1957, 1 Januari pun George Town sudah pun diisytiharkan *city* oleh Queen Elizabeth Second, jadi kita berharap walaupun kemungkinan kelulusan diberi mungkin lewat sikit tetapi kita masih menetapkan 1 Januari sebagai hari Bandaraya George Town.

Berhubung dengan satu projek yang terbengkalai kompleks Adona yang dikemukakan oleh ADUN Komtar. Untuk makluman, kompleks ini setakat ini pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan satu perbincangan di antara jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan termasuk wakil pemaju iaitu Harta Intan. Di dalam perbincangan yang diadakan itu adalah diputuskan bahawa pihak perunding *consultant* perlu hadir di sesi perjumpaan di mesyuarat Jawatankuasa Tetap OSC untuk mengemukakan pelan *identical* serta pengecualian bayaran pemajuan yang masih belum dijelaskan melalui syarat kelulusan pelan bangunan asal.

Berhubung dengan *high risk* di lereng bukit di Tanjong Bunga yang dibangkitkan oleh ADUN Tanjong Bunga. Kerajaan Negeri menggalakkan

pembangunan tetapi pembangun di kawasan sensitif seperti di kawasan lereng bukit perlu diberi perhatian dan dipantau dengan rapi supaya tidak berlaku tanah runtuh dan sebagainya. KPKT telah mengeluarkan panduan mengenai peraturan pembinaan di kawasan lereng bukit dan garis panduan ini diluluskan dalam Majlis

Mesyuarat Kerajaan Tempatan ke 62. Namun demikian Kerajaan Negeri mengadakan garis panduan sendiri yang lebih ketat untuk mengawal pembangunan projek *high risk* di lereng bukit. Bagi tujuan meluluskan projek di kawasan berisiko tinggi satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh EXCO Kerja Raya dengan ahli-ahli yang terdiri daripada jabatan teknikal seperti JKR, JPBD dan PBT akan meneliti setiap permohonan sebelum projek diluluskan. Isu pembangunan lereng bukit dan kawasan tadahan hujan di kawasan Batu Uban mengapa kelulusan boleh diberikan. Permohonan kebenaran merancang dikemukakan melalui OSC diproses dan dirujuk untuk ulasan jabatan-jabatan teknikal. Permohonan kebenaran merancang tersebut dibawa untuk pertimbangan Jawatankuasa MPPP setelah ulasan dan kehendak jabatan teknikal dipatuhi.

Satu perkara yang dibangkitkan mungkin tidak ramai yang tahu Y.B. Batu Uban tanya mengapa taman permainan menjadi kolam apabila hujan. Sebenarnya ini adalah syarat JPS di mana taman permainan memang direka bentuk untuk dijadikan kolam tadahan apabila hujan supaya untuk memenuhi syarat tanah-tanah lapang di dalam satu-satu projek dan juga syarat-syarat menyediakan tadahan air dalam satu-satu kawasan. Itu maksudnya dia ada dua dalam musim hujan ia akan takung air sebelum dilepaskan untuk memastikan tidak banjir. Taman permainan itu perlu dibanjirkan supaya untuk menyelamatkan perumahan sebab ianya direka bentuk untuk dijadikan kolam takungan. Itu kaedah yang diguna pakai sekarang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Seperti kita lihat di Eropah. Kawasan-kawasan yang kita mengikut kaedah stor *management system* ini bermakna kawasan-kawasan sedemikian walaupun dijadikan sebagai kawasan tadahan rendah sepatutnya mereka kena ikut kaedah yang sedemikian. Maknanya ia ada lebih kurang dua atau tiga meter *perforated block* supaya walaupun hujan tidak hujan padang masih kering. Air bertakung masih di bawah dan air itu pula boleh diguna semula dengan *system store management* yang ada. Saya pernah kemukakan dalam dewan ini pada tahun yang lalu, saya harap kalau boleh padang kota tekankan semua pemaju harus menggunakan banyak kaedah-kaedah *store management system*.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Dalam sepuluh minit dapat meninggalkan kereta itu dalam keadaan cadangan yang berhormat saya rasa JKPT, JPS akan ambil maklum, JPBD pun ambil maklum dan rakan saya EXCO pun cadangkan *tank below the ground* untuk *store water*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan *tank* dia ada sistem dia sekarang ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Isu-isu yang akan diambil kira oleh jabatan-jabatan teknikal yang lebih arif dalam isu ini. Lebih arif dari Arif.

Y.B. Datok Keramat juga membangkitkan berhubung dengan PGCC atau tanah turf club walaupun sudah pun disentuh oleh Y.A.B. sukacita dimaklumkan bahawa projek lain yang dikemukakan oleh Penang Turf Club kepada MPPP pada 21 Mei tahun ini ialah cadangan mendirikan 17 unit rumah sesebuah tiga tingkat di atas lot 395 dan lain-lain Jalan Brook, Jalan Scotland Pulau Pinang. Permohonan merancang ini masih dalam pertimbangan MPPP. Cadangan pemajuan *Penang Global City Center* yang dikemukakan oleh Abad Nuri Sdn. Bhd., telah ditolak oleh MPPP pada 6 Ogos 2008. Setakat ini tiada permohonan merancang baru dikemukakan di atas tapak pemajuan ini. Kelulusan padang lumba kuda masih kekal sama tiada permohonan merancang baru dikemukakan untuk cadangan mengurangkan kawasan *green lung*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Adakah dulu ada satu perjanjian berkenaan tanah ini ada hubung kait dengan satu lagi tanah lumba kuda di kawasan Batu Kawan dan sebagainya? Adakah perjanjian itu masih terikat atau pun ianya telah pun diselesaikan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Itu saya rasa *private arrangement* antara Penang Turf Club dengan Abad Naluri itu saya tidak *preview* kepada maklumat-maklumat itu.

Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan saya tadi saya risau kalau ada esok berlaku *caveat* dan sebagainya yang mungkin akan membantutkan perancangan seterusnya oleh kerajaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tanah milikan bersendirian saya rasa kepentingan negeri tidak ada. Tidak terjejas. Berhubung dengan isu pemindahan dan pengusiran keluar penduduk di beberapa tempat yang disebut oleh Y.B. Datok Keramat, Kampung Binjai, Kampung Pokok Asam dan sebagainya dan isu Tanjong Tokong. MPPP tidak mengenakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan gantian unit-unit setingan di dalam kelulusan pelan kebenaran merancang. Walau bagaimanapun pihak Majlis ada memohon kepada pemaju kaedah untuk menyelesaikan isu setingan. Untuk makluman adalah menjadi tanggungjawab pemaju di dalam menyelesaikan masalah setingan di tapak. Penyelesaian

adalah melalui gantian unit-unit kepada rumah setinggan atau pun melalui bayaran wang pampasan. Penyelesaian ini adalah berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak.

Bagi kes Tanjung Tokong, UDA sebagai pihak pemaju perlu menyelesaikan masalah penduduk melalui kaedah pindah sementara ke rumah panjang dan menyewa di tempat lain. Walau bagaimanapun, MPPP tiada maklumat tentang perjanjian antara penduduk tempatan dengan pihak UDA untuk penempatan semula penduduk yang terlibat dalam projek ini. Tanjung Bunga juga menanyakan berhubung dengan

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Minta laluan Y.B. Padang Kota, berkenaan isu fasa 4A Tanjung Tokong apa yang saya cadangkan walaupun berkenaan Pokok Asam, Kampung Binjai dan sebagainya di mana ia adalah pihak swasta dan tiada pelan rancangan atau plan bangunan yang telah dikemukakan tetapi di Tanjung Tokong sepertimana yang Y.B. nyatakan tadi apa majlis boleh buat, memastikan supaya ada satu penempatan semula dan sementara itu mereka akan di tempatkan di sesuatu tempat sementara menunggu pembinaan pangsapuri penempatan semula tersebut, tetapi kerisauan dan kekhuatiran penduduk-penduduk yang terpaksa ditempatkan semula ialah iaitu sekarang mereka berada di tapak rumah-rumah, kampung mereka ada di situ. Kalau setuju mereka akan pergi ke *temporary site* yang terletak di sebelah Island Plaza E&O itu. Usul UDA Land apabila di *temporary site* kampung mereka akan di roboh lagi isu dan *forcers* kebimbangan mereka ialah sekiranya apabila itu berlaku pemaju berasa tidak perlulah kita *develop* biarkan tempat itu yang telah roboh begitu sahaja untuk satu masa yang begitu panjang yang menyebabkan penduduk-penduduk di *temporary site* *infinitely*.

Ini telah berlaku ada kes di Pulau Pinang sebelum ini, ini telah berlaku di Lorong Kulit penempatan semula di Lorong Kulit sampai hari mereka masih di situ, belum pergi ke tempat yang mereka dijanjikan akan ditempatkan semula *thats is a very good example, ...*(dengan izin), yang kita cuba elakkan daripada berlaku, kita ada cara kerana sekarang saya percaya UDA telah masuk pelan rancangan, pelan rancangan *I thinks* sudah dimasukkan atau pelan sekarang pelan pembangunan akan dikemukakan *I thinks that is the* peringkat sekarang, *now* apa yang majlis boleh buat, ialah majlis boleh mensyaratkan kelulusan pelan bangunan tersebut tertakluk kepada pembinaan pangsapuri penempatan semula di dalam sesuatu *period* yang ditentukan. Sekiranya tidak berlaku dan kita tidak akan *entertain* apa-apa pelan yang lain kerana ini adalah fasa 4A berkenaan penempatan semula, kalau mereka hendak menempatkan semula sudah semestinya mereka ada pelan-pelan pada masa hadapan iaitu pelan-pelan untuk mereka *make money ...*(dengan izin), *other wise they will not* menempatkan semula sekarang *so what we can do commit and tied them down, ...*(dengan izin ialah syaratkan kalau awak tidak buat macam ini *the next fasa all don't ever come and see us. So they will have to do that first...*(dengan izin), kemudian baru boleh ingat tentang yang lain, kita tidak mahu satu keadaan lorong kulit minta

pergi ke *country site* roboh dan mereka kata tak apalah saya tidak mahu bina kita akan ada masalah begitu.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Pandangan dan cadangan Yang Berhormat akan diambil kira dan sebenarnya Kerajaan Negeri sejak beberapa bulan ini memandangkan banyak isu berhubung dengan setinggan yang terlibat dalam cadangan-cadangan pembangunan di pulau ini sedang memikirkan satu dasar setinggan negeri supaya kita dapat menangani isu ini dengan cara yang terbaik sekalilah. Berhubung dengan *speaker corner*

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Penjelasan, saya difahamkan oleh Exco bahawa ada cadangan dasar untuk memastikan pemaju-pemaju menyelesaikan masalah setinggan sebelum mereka boleh mendapatkan *building plan, building approval* adakah itu benar.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sepertimana saya nyatakan syarat sedemikian dikenakan tetapi di peringkat kelulusan kebenaran apabila meluluskan plan itu boleh disyaratkan mereka perlu menangani isu-isu setinggan sebelum *certificate commend of work* (COW) boleh diberikan kepada pemaju kalau setinggan masih lagi ada di tapak mereka pun tidak boleh mula kerja jadi syarat itu boleh dikenakan apabila permohonan *command of work* oleh pemaju syarat itu pun boleh diletakkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Padang Kota, adakah maksudnya ini adalah *ad-hoc bases* dan juga kalau mereka dapat *court order* untuk menghalau tanpa *negotiation* dan sebagainya seperti yang berlaku di beberapa tempat di Pulau Pinang ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai satu dasar untuk menghalang kerja-kerja pemaju yang tidak berperikemanusiaan ini berlaku.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Sebab saya terangkan tadi memandangkan isu-isu ini selama ini ditangani secara *ad-hoc* terpulang kepada kebijaksanaan pemaju untuk menyelesaikan masalah dengan setinggan dan kadang kala kebijaksanaan pun tidak boleh selesai isu-isu setinggan oleh itu Kerajaan Negeri pandang serius terhadap isu ini jadi kita hendak lihat secara *holistic* bagaimana isu setinggan dalam projek pembangunan itu dapat ditangani untuk memastikan hak-hak semua pihak dapat dijamin hak untuk memajukan tanah sendiri. Hak setinggan yang duduk walaupun secara haram dan di atas tanah orang lain tetapi bagi menjaga kepentingan semua pihak termasuk setinggan kita sedang berikhtiar untuk melihat bagaimana kita boleh menggubal satu dasar untuk mengawal keadaan atau membantu pihak-pihak yang terlibat.

Berhubung dengan *speaker corner* Kerajaan Negeri memang menyediakan *speaker corner* untuk tujuan memberikan peluang kepada rakyat bersuara dan mengikut laporan daripada pihak penganjur NGO bilangan yang hadir selama ini adalah dalam lingkungan 80 sehingga 400 dan segala cadangan dan kritikan akan diambil serius oleh Kerajaan Negeri dalam pembentukan dasar

untuk kebaikan rakyat, *speaker corner* ini juga merupakan satu punca penting bagi Kerajaan Negeri untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat untuk penambahbaikan pentadbiran kerajaan. Berhubung dengan permintaan Ahli Yang Berhormat meminta Kerajaan Negeri mencari jalan penyelesaian berkaitan Pilihanraya Kerajaan Tempatan sepertimana diumumkan Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat cadangan kepada Kementerian dan setakat ini Kementerian masih belum memberi jawapan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun kita pun menyusuli perkara ini dan baru-baru ini kita memutuskan untuk merujuk perkara ini kepada Mahkamah Persekutuan untuk penentuan dengan cara mengemukakan satu tindakan guaman persahabatan atau *family suite*.

Menurut artikel 128 Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan Kerajaan Negeri mengetepikan Mahkamah Rendah dan terus ke Mahkamah Persekutuan, ini bukan Kerajaan Negeri ingin mencabar atau melawan Suruhanjaya Pilihanraya tetapi ingin memohon bantuan SPR ini untuk menjelaskan perkara ini berhubung dengan sama ada Kerajaan Negeri berhak untuk mengadakan Pilihanraya bagi PBT dan kita berharaplah SPR *respond* dengan positif supaya perkara ini dapat diselesaikan di peringkat mahkamah persekutuan melalui satu *judicial pronouncement, road signage* yang dikemukakan oleh Y.B. Datok Keramat supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk menamakan beberapa jalan raya di atas nama pemimpin-pemimpin veteran pakatan rakyat sebagai pengiktirafan ke atas jasa mereka, adalah dimaklumkan bahawa nama untuk jalan-jalan di kawasan perumahan baru ditentukan di peringkat PBT.

Sementara bagi jalan sedia ada dalam negeri sebarang permohonan untuk tukar nama contohnya kepada nama seorang tokoh perlu melalui jawatankuasa negeri nama *geography* yang diketuai Y.B. EXCO Kerja Raya Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan cadangan nama tokoh untuk nama jalan sekiranya menerima permohonan secara bertulis daripada mana-mana pertubuhan atau agensi mungkin kita pun perlu mendapat persetujuan daripada waris, orang yang ingin dinamakan itu, sebab pernah berlaku waris tidak setuju pun. Isu dibangkitkan Pembangunan Bandar PERDA MPSP, bangunan MPSP dan sebagainya.

Yang Arif Ahli Seberang Jaya amat bangga sebab MPSP mendirikan *headquarters* mereka, tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa pembangunan itu menjadi satu bebanan kewangan kepada MPSP sehingga hari ini dan dalam bajet ini ada satu peruntukan RM40 juta dari Kerajaan Negeri kepada MPSP bukan secara langsung untuk bayar gaji tetapi berhubung dengan perlu bayar pinjaman yang dibuat oleh MPSP sebanyak RM50 juta untuk membina bangunan itu jadi MPSP mengambil pinjaman bank sebanyak RM50 juta bagi membiayai kos pembinaan ibu pejabat MPSP pada tahun 2003 pada masa ini baki pinjaman masih ada RM38 juta dan kos untuk membayar pinjaman itu *interests* atau termasuk itu RM6 juta setahun atau pun RM50 ribu satu bulan kalau satu hari

berapa YDP MPSP bangun dari tidur kena bayar berapa satu hari RM30 ribu lebih untuk *interests* atas bangunan yang dibangga-banggakan itu, ibu pejabat MPSP jadi dengan kedudukan kewangan yang mencabar ini ada dua opsyen bagi MPSP satu *restructure loan* dengan bank itu lanjutkan tempoh dan bayar juga.

Opsyen yang kedua kita mengucapkan terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri kerana memahami keadaan MPSP dan memperuntukkan RM40 juta sebagai pinjaman kepada MPSP untuk bayar sekali gus kepada bank untuk selesaikan pinjaman itu dan bayar balik kepada Kerajaan Negerilah kan melainkan kita usul tidak perlu bayarlah. Bayaran itu RM3 juta setahun, MPSP perlu bayar RM3 juta kepada Kerajaan Negeri maksudnya beban itu dikurangkan 50% dan wang itu bolehlah disalurkan kepada perkhidmatan yang menjadi isu aduan beberapa Ahli Yang Berhormat perkhidmatan, pembersihan, penjagaan longkang dan landskap dan sebagainya. Jadi itulah keadaan sebenarnya di MPSP mereka hadapi banyak isu tetapi melalui ikhtiar YDP dan pasukan dia dengan sokongan Kerajaan Negeri kita ambil langkah-langkah yang tertentu untuk membantu MPSP keluar daripada kelompok kewangan dahulu supaya tidak menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat jelata yang kita sayangi itu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Y.B. Padang Kota, panjang lagikah? Dewan ditangguhkan sekarang dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.15 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Dewan disambung semula dipersilakan Ahli Padang Kota

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)

Terima kasih Dato Speaker, saya bercadang untuk habis.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Beri laluan..

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Ya, beberapa ahli Yang Berhormat dari parti pembangkang telah membangkitkan tentang isu-isu berhubung dengan perkhidmatan kebersihan,

pungutan sampah dan sebagainya. Mendakwa bahawa MPSP tidak memberi perhatian kepada keindahan dan kehijauan. Saya rasa dakwaan ini tidak betul sebab Kerajaan Negeri telah melancarkan inisiatif *greener, cleaner Penang* pada 22 Mei tahun ini, bagi menangani satu daripada masalah utama iaitu isu kebersihan. Visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah untuk mengubah keadaan

sedua ada untuk menjadi sebuah bandar antarabangsa yang merupakan lokasi pilihan pelabur dan juga pelancong dan habitat terpilih untuk kehidupan mampan. Inisiatif ini adalah petunjuk kepada Kerajaan Negeri bagi memulihkan persekitaran hidup ke arah bandar raya bersih dan hijau serta meningkatkan kualiti hidup. MPSP memang memberi perhatian kepada dasar *greener, cleaner, Penang* kerana ia merupakan dasar Kerajaan Negeri pelaksanaan dasar ini berlandaskan kepada kemampuan kewangan MPSP, dan penglibatan sektor korporat dan komuniti dalam tahun ini peruntukan penyelenggaraan untuk lanskap adalah berjumlah RM2.5 juta, pihak MPSP juga telah menjalankan program gotong-royong bersama-sama dengan warga Seberang Perai, mengenai dakwaan MPSP hanya mampu mengutip 72% daripada sampah, peratusan tersebut adalah diragui kerana MPSP tidak mengeluarkan sebarang data berkaitan kutipan sampah. MPSP telah membuat...(gangguan), struktur semula.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah) :

Ahli Yang Berhormat daripada Padang Kota, terima kasihlah bercakap tentang kebersihan dan sebagainya, kita bagi ini adalah berdasarkan laporan daripada *Penang Economic Monthly*, dia mengatakan di sini bahawa daripada 25,000 tan sampah satu Malaysia yang duk ada ni, Pulau Pinang MPSP masih gagal menyelesaikan 10% dan MPPP 70%, jadi tujuan yang kita kemukakan semalam ialah kita bagi pujian kepada YDP. MPSP, YDP. MPPP, kita minta kalau boleh diberikan sokongan lebih masalah sampah ini adalah sangat penting, tadi ada dinyatakan RM2.5 juta untuk landskap sebab itu, kalau nak buat landskap kita tengok, kita ikut macam Bandaraya Majlis Perbandaran Seremban, macam Melaka, kehijauan dia punya landskap itu, ayunya kita tengok sedap di jalan, lepas itu kalau kita tengok di Seberang Perai *especially* tak elok, tak cantik sangat tak apa lah masih ada masa *greener, cleaner* maknanya kita kena ke arah yang sedemikian dan saya faham duit tak cukup dan sebagainya tak apa. Lepas ini, lepas tadi pagi tadi cerita duit nak bayar bangunan dan sebagainya, *after this*, sebab MPSP, ada lagi lebih RM18 juta yang boleh dikutip melalui ruang-ruang kosong yang boleh dibagi sewa termasuk di Damansara ada 2 unit lagi, MPSP punya rumah di Jalan Samanthen kan, dan kalau dah dijual dan sebagainya itu adalah hasil tambahan yang boleh membantu kami ni rakyat, bukan wakil rakyat yang nak rasa kehijauan di Seberang Perai. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Cuma menambah saja Y.B. Dato' Speaker, di pintu masuk di antara negeri Perak dan Penang, terutamanya di kawasan Permatang Kling dekat USM, ada perbezaan dekat situ landskapnya, mana di Perak terlalu indah kalau nak bandingkan dengan Pulau Pinang sedangkan kita nak tarik ramai pelancong datang ke tempat kita, tapi kalau depa nampak awal-awal keadaan begitu comot dan tidak menjadi tarikan kepada mereka untuk masuk ke Pulau Pinang saya

pohon lah saya ingat tiap-tiap kali mesyuarat Dewan saya timbul soalan ini, mintalah kita perelokkan kawasan-kawasan nak masuk ke Pulau Pinang ini supaya nampak cantik dan menarik, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan sedikit, ekoran daripada dua-dua perkara ini, selagi MPSP tidak ada usaha menambahkan hasilnya maka sudah tentulah keadaan kebersihan di Majlis Perbandaran terutamanya menjadi masalah, longkang, rumput, sampah tak angkut. Kerana kita lihat pendapatan MPSP bagi tahun 2009 RM157 juta , tetapi tahun 2010 ini RM150 juta baru, makna ada kekurangan yang banyak, dan perbelanjaan MPSP dah meningkat. Tahun 2009, RM142 juta dan tahun 2010, RM161 juta makna peningkatan jadi defisit. Makna ini berlaku nak bayar gaji pun tak boleh, maka macam mana nak jaga sampah, parit, longkang, kebersihan keseluruhannya.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat *just leave it to us ...*(ketawa). Seperti mana yang saya terangkan Yang Berhormat Speaker, pelaksanaan dasar untuk kebersihan kehijauan di MPSP telah berlandaskan kemampuan kewangan MPSP. Sekarang MPSP memang berusaha untuk menambahkan hasil termasuk cara yang tak bagus juga kerana ambil seperti menjualkan bangunan-bangunan yang tidak digunakan lagi dan melalui pelan transformasi memang banyak usaha untuk kutip hasil-hasil dan permohonan dengan cepat supaya hasil dapat masuk. Jadi kita perlulah membahagi sedikit masa kepada MPSP nampaknya, Kerajaan Negeri banyak sokong sampai berpuluh ribu juta disalurkan untuk membantu MPSP menanganinya. Satu proses pengalihan kalau boleh dalam satu dua tahun kita nampaklah hasil daripada transformasi ini dengan suntikan sumber-sumber baru daripada Kerajaan Negeri dan harapan jugalah daripada Kerajaan Persekutuan. MPSP telah membuat struktur semula mengenai kerja-kerja berkaitan dengan pembersihan dengan menubuhkan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Untuk melihat isu pembersihan secara menyeluruh, sebelum ini tidak ada ketetapan sama ada untuk meminda tanggungjawab ini, kepada Kerajaan Persekutuan dalam tempoh ini MPSP telah dinasihatkan oleh KPKT supaya tidak memberi peralatan jentera baru tidak panggil tender-tender baru dan juga tidak buat pengambilan kakitangan dalam masa yang sama pembangunan baru semakin bertambah dan perkhidmatan terpaksa diteruskan dengan menggunakan peralatan jentera yang semakin usang dan bilangan kakitangan yang semakin berkurangan akibat dari persaraan dan sebagainya. Namun begitu, tak sama dakwaan Yang Berhormat Seberang Jaya bangunan itu sudah beranai-anai tak buat apa, tunggu runtuh itu dakwaan tak betul, seperti mana diterangkan banyak usaha dijalankan untuk menyelamatkan keadaan dan Kerajaan Negeri pun beri bantuan pinjaman kewangan kepada MPSP bagi tujuan pembelian 5 buah lori *compact* dan sebuah *sky lift*. Kerajaan Negeri juga telah membenarkan MPSP menguruskan tender baru, menambah kakitangan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan maksudnya tidak mematuhi arahan daripada

Kerajaan Persekutuan sebab tak tahu bilakah pengambilalihan itu akan dilakukan. Jadi kita, macam Seberang Jaya tidak boleh tunggu lah anai-anai makan seluruh bangunan, sebelum ambil tindakan, kita pun sudah ambil tindakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, pendek saja. Adakah benar *statement* yang mengatakan *Penang however is resisting the take over by the Federal Government under the Solid Waste and Public Principle Act 2007*, betul kah? *Are you resisting?*

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Itu benar dan kita sudah sampaikan pendirian Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat kita boleh terima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tetapi kita tak boleh terima modul penswastaan iaitu bagi Wilayah Utara dibagikan kepada e-Idaman itu kita tak setuju, kita boleh setuju dengan Akta memang peranan kerajaan pusat untuk meletakkan dasar, meletakkan KPI pemantauan *financing* dan sebagainya dan peranan Kerajaan Negeri, peranan PBT adalah berlainan itu kita boleh setuju tapi mengapa nak melantik sebuah syarikat konsesi untuk menjalankan tugas sedangkan PBT pun boleh mampu melakukan kerja-kerja sedemikian yang memang menjadi *core business* kepada PBT.

Seterusnya kerajaan negeri memperuntukkan RM5 juta untuk MPSP untuk tahun yang akan datang ini menyelenggarakan pasar-pasar di Seberang Perai. Inilah sumbangan Kerajaan Negeri kepada MPSP supaya kita dapat *transform*. Kerajaan Negeri tidak bercadang menggunakan *incinerator* kerana kosnya banyak tinggi dan membebankan pembayar cukai nanti. Di samping itu, untuk kaedah *incinerator* tidak mesra alam dan kebanyakan NGO akan membantah penggunaannya. Mengenai cadangan untuk membina MRF saya berharap pada awal tahun depan *request for proposal* usaha untuk membina MRF dapat dilakukan supaya dengan adanya kemudahan MRF kita dapat mencapai kadar *recycle* yang tinggi, mengurangkan dan memanjangkan hayat *landfield* dan mencapai satu *resources* dengan sebaiknya dalam beberapa bulan ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Haji Omar Shah):

Terima kasih Y.B. Padang Kota, pasal MRF tadi ada saya tanya pasal peruntukan RM80 juta tu datang dari mana atau pun telah kah dikenal pasti syarikat berkenaan yang hendak diberikan tanggungjawab. Baguslah kalau dah ada MRF walau tak guna *incinerator* sebab sekarang ini *recycle* yang dilakukan hanya hendak kurang 5% walhal kita boleh pergi sehingga 50%.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Seperti mana yang saya terangkan *request for proposal* ini akan menjemputlah syarikat-syarikat yang boleh menawarkan teknologi (MBT) *Mechanical Biotechnical Treatment* supaya membina MRF ini dan sememangnya

kaedah *financing* perlulah BFI di mana sumbangan PBT adalah dari segi *tipping fees* dan hasil daripada *recycling* atau kalau dapat menjana elektrik dan sebagainya adalah pulang kepada syarikat konsesi yang membina MRF. Akhirnya saya cuma hendak...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)

Saya cuma ingin bertanya pada persidangan yang lalu saya telah membangkitkan isu berkenaan dengan Kem Pusat Khidmat Negara di Pulau Pinang di kawasan Balik Pulau di mana kem tersebut saya difahamkan tidak mendapat sijil kelayakan menduduki, *occupation fitness*. Baru-baru ini kita mendapati terdapat lagi kontroversi tercetus iaitu di Kawasan Botanical Garden yang menjadi tempat tumpuan warga Pulau Pinang untuk pergi menjalankan aktiviti sukan dan sebagainya di mana kita mendapati satu projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dengan membina pintu gerbang telah menimbulkan macam-macam kontroversi. Bukan sahaja wang dibelanjakan nombor satu, keduanya ia menimbulkan kontroversi di mana peniaga-peniaga kecil-kecilan telah sedikit sebanyak menyalahkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dan selepas itu, selepas kita mengalami semua kontroversi tersebut, kita mendapati wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk meruntuhkan gerbang putih. Soalan pertama saya, adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai kelulusan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang sebelum gerbang itu dibina? Kedua bayangkan memandangkan mereka sendiri sedar bahawa gerbang itu kemungkinan mempunyai *defect technical* mengambil langkah untuk meruntuhkannya. Kalau gerbang itu dibenarkan berdiri di situ dan warga Pulau Pinang pergi ke situ untuk bersukan dan sebagainya, jikalau berlaku apa-apa runtuh dan sebagainya siapakah yang akan mengalami masalah.

Persoalan saya ialah mengapakah berlakunya sikap Kerajaan Persekutuan ini yang langsung tidak mempedulikan sama ada perlukan kelulusan dan sebagainya daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum membina bangunan-bangunan sebegitu dan adakah apa-apa Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberhentikan perkara-perkara ini dari terus berlaku. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Memandangkan ini projek Kerajaan Persekutuan dan bukan oleh MPPP, saya cuma jawab dari sudut MPPP dari segi kelulusan perbendaharaan, merancang dan pelan bangunan, sukacita dimaklumkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa memang sesiapa sahaja selain daripada PBT sendiri perlulah mengemukakan permohonan kepada yang merancang untuk apa-apa projek pun. Tetapi kita tahu amalan pada masa dahulu sebab abang dan adik dalam satu kerajaan banyak projek Persekutuan tidak mohon kebenaran kepada PBT dalam keadaan ini agensi yang melaksanakan projek itu perlulah bertanggungjawab atas pembinaan itu sama ada JPS, JKR atau lain-lain agensi. Itu memang disyaratkan oleh undang-undang tambahan pula Kabinet pada satu ketika buat satu keputusan untuk mengarahkan semua agensi

Persekutuan perlulah mematuhi Town and Country Planning Act dan memohon kebenaran daripada PBT. Baru-baru ini JKR telah memohon restu dari Kabinet dan telah diberi kelulusan MNKT bahawa JKR diberi pengecualian dan kelonggaran daripada memohon kebenaran merancang, tetapi masih perlu melalui satu proses permohonan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa di mana Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan berhubung semua agensi-

agensi teknikal untuk ulas rancangan yang dikemukakan oleh JKR selepas ulasan ianya disampai State Planning Community untuk *fast track* projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR. Maksudnya JKR akan memberi akur janji terhadap projek mereka, ianya tidak melalui PBT misalnya projek-projek sekolah ianya akan ditanggung oleh JKR sendiri, jambatan, jalan dan sebagainya, sebab pada pandangan Kerajaan Pusat mungkin PBT dilihat sebagai satu batu halangan kepada kemajuan-kemajuan projek dan ingin dilaksanakan secara cepat dan kalau ikut amalan Town and Country Planning Act masuk OSC dan sebagainya memang kadang kala secepat-cepat pun empat bulan bagi *high impact project*, tetapi kalau melalui atur cara yang baru ini mungkin dalam satu bulan kelulusan boleh diberikan oleh PBT dan *State Planning Community*. Jadi itulah keadaan yang kita hadapi berhubung dengan projek seperti projek pintu gerbang di Kebun Bunga itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)

Sedikit lagi Yang terhormat, boleh saya mengambil kesempatan di sini untuk mencadangkan dalam projek-projek Kerajaan Persekutuan ini kita dapati ada papan tanda diletakkan, satu lagi temberang....*sorry*. Satu lagi projek Kerajaan Barisan Nasional. Dalam keadaan begitu boleh kita meletakkan satu *disclaimer*, papan tanda *disclaimer* "Ini adalah projek Kerajaan Persekutuan bukan Kerajaan Negeri tidak ada penglibatan" kerana bagi rakyat jelata yang ada di situ mereka kurang memahami, bila kita pergi di sini, ada persoalan ditujukan kepada kita, mengapakah perkara ini dilakukan kesusahan kita meletakkan kenderaan, peniaga-peniaga diusir keluar dari tempat situ, ke tempat yang lain.

Jadi perkara-perkara perbezaan di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mereka kurang fahami. Kalau boleh saya mencadangkan supaya kita Majlis Perbandaran Pulau Pinang meletakkan papan tanda memberi tahu notis kepada rakyat jelata, bahawa ini adalah satu projek oleh Kerajaan Barisan Nasional dan juga memberi anggaran kos wang yang dibelanjakan untuk, kalau boleh sekarang pun boleh didirikan, wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan yang dibazirkan oleh mereka untuk membina pintu gerbang tersebut dan wang yang dibelanjakan untuk meruntuhkannya kembali, kerana perkara-perkara ini langsung tidak boleh difahami. Kita lihat di sini juga di Dewan yang mulia ini tidak ada bantahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Barisan Nasional, mungkin apa tujuan mereka, kita tidak tahulah. Kalau mereka betul-betul ingin membela nasib rakyat pastikan wang rakyat tidak dibazirkan dan sekurang-kurangnya soalan itu akan dibangkitkan, tetapi langsung tidak dibangkitkan. Ini cadangan saya, kalau boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Mungkin mereka pilih mana-mana yang sokong dan mana-mana yang bangkang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Penjelasan, pagi ini saya jarang bangkit, bangun, Y.B. Dato' Speaker, kawan saya Seri Delima ini, dia makan buah Delima banyak kut, dia tak makan buah durian. Dia tengok satu saja, projek kecil satu itu saja, yang beratus million dan berjuta million dia tidak tengok pun. Itu projek Kerajaan Pusat, semuanya untuk kebaikan rakyat Pulau Pinang, sepatutnya Ahli Seri Delima, sepatutnya dia *appreciate* lah, kata terima kasih kepada Kerajaan Pusat bagi projek begitu banyak, lebih daripada pendapatan yang diterima daripada rakyat Pulau Pinang. Ini patut, kerana sikit itu jadi nampak Kerajaan Pusat dah jadi jahat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya meneruskan dan membiarkan pertikaian ini dihakimi oleh rakyatlah. Cuma isu yang dibangkitkan oleh Padang Lalang, satu mengenai Ahli Majlis yang hendak disaman oleh tuan tanah kuari pasir di Lima Kongsi Valdor, kehadiran Ahli-ahli Majlis MPSP ke lokasi adalah untuk membuat lawatan tapak saja atas aduan yang dibangkitkan oleh orang ramai. Pita yang diletakkan adalah untuk memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menghampiri kawasan tersebut kerana keadaan lot yang mungkin membahayakan, tidak timbul isu saman kerana tiada arahan penutupan kuari oleh Ahli Majlis berkenaan.

Mengenai isu JPP Taman Kota Permai, JPP telah melantik semula pihak Ikram bagi membuat penilaian semula atas rumah yang tidak dinilai pada peringkat awal, iaitu sebanyak 35 buah, manakala 42 rumah dalam senarai asal akan diperiksa semula dan akan dibandingkan dengan penilaian yang asal. Bagi 21 buah rumah yang mendakwa terdapat mendapan jalan juga akan dijalankan kajian oleh pihak Ikram. Jadi dengan ini Y.B. Dato' Speaker saya mohon menyokong dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang memberi pandangan...(gangguan)

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Penjelasan, Yang Berhormat ada sikit je, Yang terhormat boleh, berkenaan dengan JPP ini ada tambahan lagi, di fasa dua ada terlibat 46 buah rumah, tapi sesi mesyuarat yang akhir sekali dia tidak diberi perhatian seluruh kita dan sudah lari daripada IKRAM. Saya menyeru kalau boleh memanggil IKRAM masuk untuk buat siasatan kepada yang fasa kedua, yang di bawah *impact* JPP kerja, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa jawapan itu jelas, walau bagaimanapun saya berharap MPSP akan mengambil maklum tentang kerisauan Yang Berhormat tentang isu ini yang

sudah berlarutan beberapa tahun. Jadi sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan menyokong bajet 2011. Sekian.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Persilakan Ahli Perai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Dato Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat pertama sekali saya ingin mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua, Selamat Hari Raya Haji. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini atas kesempatan ruang dan peluang yang diberi kepada saya untuk turut mengambil bahagian menyampaikan ucapan penggulungan berkaitan dengan portfolio Perancangan Ekonomi, Pembangunan Sumber Manusia dan Pendidikan Sains, Teknologi dan Inovasi yang berbangkit sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2011.

Yang Berhormat Dato Speaker, Yang Berhormat Telok Bahang dan Yang Berhormat Telok Air Tawar telah membangkitkan isu pengambilan tanah penduduk yang terlibat dengan Projek Hab Pendidikan di Kawasan Pondok Upeh dan Genting, Balik Pulau. Persoalan yang dibangkitkan menunjukkan seolah-olah Kerajaan Negeri telah bertindak membelakangkan rakyat dalam menjalankan proses pengambilan tanah penduduk-penduduk di kawasan terbabit. Sebagai wakil kerajaan yang menjunjung tinggi prinsip (CAT) Cekap, Akauntabiliti, Telus, maka wajarlah saya memberi penjelasan di sini bagi merungkai sebarang kerisauan yang wujud di kalangan rakyat negeri ini.

Projek Pembangunan Hab Pendidikan seluas 200 ekar di Balik Pulau melibatkan dua fasa pengambilan tanah iaitu fasa yang pertama terletak di Mukim 6, Pondok Upeh dan fasa yang kedua terletak di Mukim J dan Mukim 7, Genting. Pengambilan tanah seluas 103.2 ekar di Mukim 6, Pondok Upeh, proses siasatan telah selesai dan Kerajaan Negeri menyalurkan waran berjumlah RM40.16 juta (RM40,161,639.50) sebagai bayaran pampasan bagi fasa pertama ini. Bagi pengambilan tanah di Mukim J dan Mukim 7, Genting pula, proses siasatan masih belum dimulakan dan kawasan ini baru diwartakan pada bulan Ogos 2010. Bagi kawasan Pondok Upeh, tiada struktur bangunan yang terlibat dan tanah seluas 103.2 ekar ini dimiliki oleh sebuah syarikat. Bagi kawasan Genting pula, bilangan rumah-rumah yang terlibat adalah sangat minimum dengan mengambil kira keadaan perkampungan tersebut. Hanya sembilan buah rumah sahaja yang terlibat dalam pengambilan tanah seluas 98.7 ekar itu. Satu dimiliki penduduk berbangsa Melayu dan selebihnya dimiliki penduduk berbangsa Cina.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Memang sebelah sini memang saya sendiri menyokong usaha baik untuk menjadikan Balik Pulau sebagai Hab Pendidikan memang kita naklah dan hari itu saya tahu tempat itu memang cantik dan sesuai aman dan damai. Jadi persoalannya bukan pengambilan, tetapi kos. Kalau macam kalau di Pondok Upeh memang tak ada orang kita tak pertikai ambillah kalau di Sungai Kuala

Pinang tak ada orang kawasan luas di Air Puteh tak ada orang boleh ambil, di Pulau Betong kawasan bukit boleh ambil, tapi yang ini kawasan orang dia tuan tanah Melayu, tuan tanah Cina, tanah kecil-kecil 10 ekar, tanah Melayu sampai 1 ekar sampai 20 orang. Dia punya tuan tanah. Jadi buat apa mereka nak ambil tanah kecil itu?

Itu sahaja yang dia ada. Kalau ambil hilanglah hak milik dia. Jadi *why not* kerajaan timbang semula dan dalam peringkat penyiasatan dan belum digazet lagi dan kalau dalam seksyen 4 boleh siasat. Kalau 8 boleh ambil dah. Kalau Seksyen 8 dah gazet dah. Mungkin seksyen 4 *intention* belum ambil lagi. Saya harap kalau boleh ubah kita buat lain. Kuala Sungai Pinang boleh Air Puteh boleh di Pulau Betong kawasan bukit itu boleh ambil. Jadi *please* itu sahaja dan saya tak kira itu saja tanah orang Melayu itu saja yang sokong saya semua bukan penyokong Yang Berhormat depan saya. Pertimbangkan dan ubah tempat itu. Ini adalah *appeal* dari orang kampung dari tuan tanah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Jawapan saya mungkin terkandung dalam ucapan, saya rasa masalah ini adalah masalah fasa pertama tak ada masalah dan hari ini fasa kedua saya rasa fasa kedua ini kita tak buat secara betul-betul mungkin saya dah buat perbincangan dengan Yang Berhormat dari Penanti juga dan isu yang dibangkitkan bahawa bukan sahaja dibangkitkan dari pihak UMNO tetapi juga pihak yang lain. Jadi saya rasa ini dalam memang proses, maka proses ini memberi ruang kepada kita untuk mendengar betul-betul apakah masalah yang dihadapi, sama ada ini perlu untuk diteruskan atau tidak. So, kita buat bukan tak mahu dengarlah apa pandangan itu. Jadi pihak saya akan teruskan. Dari segi fakta keluasan tanah yang diambil pula, 36.73 ekar adalah milikan penduduk berbangsa Melayu, 33.47 ekar milikan penduduk berbangsa Cina, 6.83 ekar milikan bersama penduduk berbangsa Melayu dan Cina dan baki 21.74 ekar adalah milikan syarikat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya nyatakan di awal penjelasan mengenai isu Hab Pendidikan ini, bagi fasa kedua pengambilan tanah, proses siasatan masih belum dimulakan lagi dan kawasan ini baru sahaja diwartakan pada bulan Ogos 2010. Ini bermakna ruang untuk perbincangan antara penduduk yang terlibat dengan pihak Kerajaan Negeri masih terbuka kerana sebarang keputusan muktamad masih belum dibuat. Justeru, gambaran Kerajaan Negeri membelakangkan rakyat dalam hal ini adalah tidak tepat sama sekali. Yang Berhormat Telok Bahang juga mencadangkan supaya satu keluasan tanah di Sungai Pinang diambil bagi tujuan Projek Hab Pendidikan. Walau bagaimanapun, cadangan ini adalah kurang sesuai kerana tanah itu didapati rendah, berpaya dan kos untuk melakukan pembangunan tanah tersebut adalah tinggi. Oleh itu cadangan tersebut tidak dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pulau Tikus telah mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menambah peluang bagi mendapatkan pendidikan di universiti kepada pelajar-pelajar di Pulau Pinang bagi mengekalkan sumber tenaga manusia. Atas kesedaran inilah Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menubuhkan Hab Pendidikan di Balik Pulau bagi membolehkan

anak-anak Pulau Pinang menerima pendidikan bertaraf antarabangsa untuk melahirkan graduan yang mampu bersaing di pasaran global. Selain itu, usaha ini juga adalah sebagai langkah jangka masa panjang untuk memastikan keseimbangan rantai pembekalan, permintaan “*supply-demand chain*” antara penghasilan graduan oleh universiti dan keperluan tenaga kerja oleh industri-industri yang wujud di Pulau Pinang.

Yang Berhormat Pulau Tikus, juga turut menyentuh tentang bantuan kewangan yang dihulurkan oleh Kerajaan Negeri kepada pelajar-pelajar di Pulau Pinang. Sukacita saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan sentiasa menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa kepada semua pelajar Pulau Pinang yang layak. Biasiswa Kecil Negeri sebanyak RM480.00 setahun diberi kepada pelajar-pelajar menengah rendah manakala pelajar-pelajar menengah atas pula menerima RM720.00 setahun. Pinjaman pendidikan juga diberikan kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan, ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran. Sebagai galakan untuk para pelajar mencapai kecemerlangan, status pinjaman pendidikan kepada pelajar ijazah sarjana muda ditukarkan menjadi biasiswa pendidikan sekiranya tahap ijazah kelas pertama berjaya diperolehi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan, tentang Hab Pendidikan tadi, Kerajaan Negeri telah merancang untuk tubuh Hab Pendidikan dan kita semua sokong tetapi adakah Kerajaan Negeri telah membuat permohonan rasmi kepada Kerajaan Pusat ataupun dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk membina atau untuk mengubah atau membuka Hab Pendidikan ini untuk ke Pusat Pengajian Tinggi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Setakat ini isu ini tak timbul. Pertama pengambilan tanah kemudian perancangan akan dilakukan oleh PDC, jadi isu permit atau lesen ini bukan tanggungjawab Kerajaan Negeri sendiri asalkan Kerajaan Negeri sendiri melibatkan dalam penubuhan universiti ini dan kalau pihak swasta itu tanggungjawab oleh pihak swasta bukan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Dan kita perlukan lesen untuk Pusat Pengajian Tinggi....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato’ Haji Jasmin bin Mohamed):

Tapi jika kita melihat cadangan pengambilan tanah kita, di bawah Akta 31A untuk tujuan awam kalau di bawah pihak swasta ia di bawah Akta yang lain.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Katakanlah semua ini selesai dan kita tengok cara penduduk dan sebagainya maka kita akan masuk pada fasa kedua iaitu perancangan. Ini akan diusahakan oleh PDC kemudian kita akan minta siapa-siapa ingin melaburlah dari segi siapa yang ingin melabur institusi-institusi di sini. Saya rasa kita galakkan dan mungkin kalau apa-apa bantuan minta kita akan bagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bermakna Kerajaan Negeri akan menyerahkan tanah kepada PDC?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memperuntukkan RM11.3 juta kepada sekolah-sekolah Cina, Tamil, Agama Rakyat dan Mubaligh di Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2010. Kesan positifnya peruntukkan Kerajaan Negeri pada tahun 2009 dan 2010 amat ketara dalam kesemua 28 buah Sekolah Tamil di Negeri. Peruntukan telah digunakan untuk pelbagai tujuan termasuk menaik taraf sekolah, pembelian peralatan, pembinaan fasilitet asas dan sebagainya. Peruntukkan ini telah membawa kesan-kesan positif kepada sekolah-sekolah Cina, Agama Rakyat dan Mubaligh.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sikit penjelasan, kalau kita tengok agihan daripada peruntukan ini kita tengok tak tetap dan seimbang di mana bahawa kita dapati bahawa Sekolah Agama Rakyat diperuntukkan RM1.7 juta Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil RM1.7 juta manakala Sekolah Persendirian Cina diperuntukkan sebanyak RM2 juta, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina dan Mubaligh diperuntukkan sebanyak RM5.8 juta. Makna peruntukkan ini tak seimbang. Berdasarkan dengan komposisi kaum yang ada di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ahli daripada Kawasan Sungai Dua ini saya rasa perkara ini mengikut keperluan sebab itu saya rasa Ahli Sungai Dua juga pernah tanya sesi yang lepas ini kenapa semua ini tidak disalurkan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan ini dibayar penuh oleh Kerajaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tak menyentuh tentang Sekolah Kebangsaan. Saya menyentuh tentang peruntukkan yang sedia ada yang telah diagihkan. Sekolah Agama Rakyat contohnya lebih banyak dari Sekolah Rendah dari Kebangsaan Cina. Tetapi sekolah-sekolah Agama Rakyat hanya diperuntukkan RM2,000.00, RM3,000.00 manakala Sekolah Rendah Kebangsaan Cina RM30,000.00 hingga RM40,000.00, Sekolah Cina Persendirian RM400,000.00, Sekolah Tamil RM20,000.00 hingga RM30,000.00. Jadi tidak ada perseimbangan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kita tak ikut bilangan, kita ikut keperluan. Mungkin Sekolah Tamil dapat RM100,000.00, contohnya di Nibong Tebal ada Sekolah Tamil yang dapat RM20,000.00. Misalnya sekolah ini tidak ada infrastruktur langsung. Kita bagi lebih so itulah kriteria yang kita gunakan untuk semua sekolah di mana Kerajaan

Negeri dapat salurkan bantuan ini. Sekolah Tamil, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama. Jadi saya rasa isu ini pada tahun yang akan datang kita lihatlah macam mana. Dan perbetulkan kalau ada apa-apa kekurangan. Yang Berhormat Seri Delima dan Datok Keramat ada bertanyakan tentang pengurangan peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Sekolah Ramakrishna. Saya juga tidak faham apakah rasional Kerajaan Persekutuan untuk mengurangkan peruntukan daripada RM170,000.00 ke RM70,000.00 Adakah diskriminasi atau berdasarkan faktor-faktor lain, saya pun tidak pasti.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, ribu ke juta?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ribu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya tidak boleh jawab tetapi saya biasa kena, saya pun NGO juga, Kadang-kadang peruntukan diberikan berdasarkan kepada bilangan penghuni di suatu tempat. Kalau dahulu ada 100 lebih kali dengan 70 *percent times* RM8.00. Mungkin tempat itu sekarang ini telah tinggal 50 lebih orang kali RM8.00 kali 70 percent, so dia kurang. Dia berdasarkan garis panduan kalau ikut pengalaman saya, jadi dia bukan ada diskriminasi, sebab guna diskriminasi tadi.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan di sini, Ahli Seberang Jaya, kenapa dia beri RM170,000.00 dan kemudian kurangkan kepada RM70,000.00. Itu yang sebenarnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukan, kerana dahulu penghuni di satu tempat itu sekian banyak. Sekarang telah kurang dan yang ini yang boleh jawab Jabatan Kebajikan tetapi mengikut pengalaman, kurang. Kalau tidak percaya suruh pegawai jawab.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengan izin Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Seberang Jaya menyatakan bahawa kekurangan ini disebabkan oleh kekurangan penghuni di asrama tersebut. Sebenarnya saya dan Yang Berhormat Datok Keramat telah pun baru-baru ini telah menghadiri satu majlis di situ di mana kita mendapati bahawa bukan sahaja penuntut di situ telah meningkat tetapi kos untuk makan, minum, tinggal dan

sebagainya telah meningkat. Kemungkinan saya percaya ini adalah pandangan sayalah, sebab itu saya telah baca surat khabar ini pada pagi tadi. Mungkin Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional fikir orang Cina dan orang India telah tidak begitu patriotik. Ini adalah(gangguan). Saya belum habis lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya memohon jangan buat tuduhan macam ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Lihat surat khabar sendiri. Lihat surat khabar The Sun sendiri, Zahid Hamidi, siapa dia? (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kalau lihat balik Berita Harian, Zahid Hamidi telah menafikan... (gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Biar saya habis dahulu. Ini adalah kenyataan Menteri Pertahanan di Parlimen. Dia kata orang India dan orang Cina tidak begitu patriotik. Ini adalah kenyataan beliau. Adakah Yang Berhormat berani nafikan di sini. Ini adalah kenyataan beliau yang diberi liputan luar. Inikah laungan 1 Malaysia? Mungkin itu adalah(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan. Okey minta laluan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya belum habis lagi, tunggu dahulu, sabar. Ini adalah sebabnya mengapa Kerajaan Barisan Nasional yang selalu asyik melaungkan 1 Malaysia, tipu Malaysia, tipu Malaysia atau 1 Malaysia, mengurangkan pembayaran wang itu kepada Sekolah Ramakrishna. Ini adalah jawapannya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

ADUN Perai, mohon laluan sedikit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Boleh tidak saya minta laluan untuk memberi sedikit penjelasan kepada dia. Jika tidak, tidak adil. Dia membuat tuduhan. Saya ingat Yang Berhormat Seri Delima baca The Star, dia kata macam itu tetapi bacalah balik Berita Harian hari ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi The Sun tidak betul atau pemberita The Sun di sini tidak betul. Habis, hendak ikut Yang Berhormat Penaga juga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan The Sun tidak betul, saya kata baca balik Berita Harian hari ini. Y.B. Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan telah menafikan dia kata macam itu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak menafikan, dia tidak menafikan langsung.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Dalam Berita Harian hari ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak menafikan, Berita Harian itu *paper* UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan *paper* UMNO, maka berita telah menyatakan dia buat penafian. Saya ingat (gangguan)

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Bolehkah saya sambung? Saya akan ambil ini *respons* apabila saya pergi ke Parlimen minggu hadapan. Saya akan *check hansard* tetapi fahaman saya daripada *member* Parlimen, dia kata memang dia sebut. Apabila ditanya, apabila dikritik, beliau dikatakan itu bukan maksud saya tetapi memang dia ada sebut tetapi kata itu bukan maksud saya. Bukan saya mempertikaikan kesetiaan dan sebagainya. Itu selepas itu faktalah. Jadi ini yang isu jadi timbul. Jadi saya tengok *hansard* di Parlimen macam mana dan saya rasa saya tidak tahu. Saya tidak baca Berita Harian tetapi semua *paper*. The Star ini ia lebih *pro* kepada Barisan Nasional, kenapa dia buat itu. The Sun lebih *pro* daripada Barisan Nasional, tidak akan dia mahu putar belitkan, tidaklah. Memang dia ada sebut tetapi cuma dia kata itu bukan maksud saya tetapi itulah saya rasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seri Delima, tetapi saya rasakan Parlimen ini kenapa bila ditimbulkan isu kesetiaan ini. Ini sebenarnya saya rasa susah mahu terimalah dan sama ada isu ini(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Okey, ADUN Perai, saya memohon buat laluan. Saya terpaksa bangun sebab apabila kata kita ada diskriminasi, kita tidak ada. Bila kita cakap ikhlas 1 Malaysia, Melayu, Cina, India, semua sama cuma DKK (Darah Keturunan Kita). Jadi, dalam keadaan demikian, sebagai seorang profesor, orang akademi *back*

ground, fakta kena *check* dahulu sebelum buat tuduhan. Kalau boleh tolong dapat tahu, berapa orangkah penghuni yang ada di dalam rumah itu, dahulu dan sekarang sebelum kita kata ada berlaku diskriminasi dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Seberang Jaya, ini saya kata sama ada ini diskriminasi atau pun berdasarkan faktor lain. Saya tidak kata diskriminasi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sekarang saya kata adalah berdasarkan fakta yang bercakap atas dasar fakta. Saya terbaca dalam internet kebetulan.....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang jadi persoalan di sini, kenapa dia bagi satu amaun dan kurangkan itu amaun. Kalau dia bagi RM70,000 sudahlah RM70,000. Dia bagi RM170,000 kemudian kurangkan kepada RM70,000 ini akan menimbulkan implikasi apakah maksud, tujuan dan sebagainya. Was-was, jadi, betulkah ahli sama ada ini diskriminasi atau pun berdasarkan faktor lain. Saya pun tidak tahu. Ini satu *respons* kepada Ahli Seri Delima.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Yang Berhormat Seberang Jaya, minta laluan. Tadi Yang Berhormat Seberang Jaya ada menyatakan 1 Malaysia semuanya sama, semuanya adil. Okey, sekarang saya hendak katakan di Berita Harian, merujuk kepada Berita Harian, *sorry* The Sun. Ini komponen parti Gerakan ambil slogan menyatakan jangan mempertikaikan semangat patriotisme kaum Cina dan India, adakah ini satu Malaysia, minta dia jawab.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya teruskan. Yang Berhormat Komtar dan Yang Berhormat Seri Delima juga menyatakan tentang isu pemberian tanah dan pembinaan baru bagi sekolah-sekolah Tamil di Nibong Tebal dan Batu Kawan. Bagi sekolah Tamil di Batu Kawan, Kerajaan Negeri telah pun memberi sebidang tanah berukuran dua ekar melalui PDC dan telah lama memohon kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Yang Berhormat, sedikit sahaja lagi sebab takut Yang Berhormat Perai pergi tempat lain. Fasal itu tadi, sedikit sahaja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak mengapa, saya habiskan perenggan ini. *I just finish.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Nanti panggil ya, sebab saya hendak *explain*.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya akan panggil semua. Untuk membina bangunan sekolah baru di tapak tanah ini, Okey, silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya secara kebetulan, saya tidak tahu fasal apa. Saya tengok Ramakrishna asrama ini, saya terdapat maklumat ini penghuni asal adalah seramai 91 orang, peratusan telah diluluskan oleh Panel Penilai Jawatankuasa pada 2009 adalah sebanyak 70%. Pada 2010, penghuni adalah seramai 50 orang dan dikira RM8.00 satu kepala. 400 kali 365 hari dan sekian jadi RM73,000.00 berbanding dengan asal bukan RM100,000.00. Asal ialah RM186,004.00. Ini kebetulan sahaja kerana saya tadi dapat maklumat.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya sebenarnya apa ini mempertikaikan bilangan pelajar dan sebagainya cuma ini kenapa satu amaun diberi kemudian dikurangkan. Itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Jaya untuk memberi maklumat tersebut, tetapi walau pun ada 50, sekiranya itu maklumat yang betul yang dinyatakan. Saya dimaklumkan oleh Ahli Jawatankuasa di Sekolah Asrama Ramakrishna itu iaitu sekolah yatim piatu itu tidak cukup langsung dan ini cuma untuk penyelenggaraan *offer niche* tersebut, *the offer niche*. Selain daripada sekolah di mana antara lain *orphan-orphan* pergi untuk bersekolahlah dan adakah Yang Berhormat tahu atau tidak peruntukan telah diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk memberi dua kabin iaitu kontena, dua kontena kerana kekusangan bangunan yang sedia ada. Sudah berapa lama kita hendak macam itu pun, kita boleh cakap. Ada lain isu di situ, perhatian yang lebih teliti. Perhatian yang lebih terperinci mesti diberikan kerana golongan ini adalah anak-anak yatim piatu sehinggakan perlu Kerajaan Negeri beri dua kabinet. *Yes, one thing yes*, kalau *you* hendak beri *figure* itu, okey *I accept*. Kalau betul tetapi *even though* kalau betul, saya telah menerima aduan tidak cukup. Adakah kita prihatin kepada jawatankuasa terima dan peka kepada aduan tersebut. Itu dia yang masalahnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Terima kasihlah, saya pun bila dengar fasal anak yatim, tidak kiralah Melayu, Cina, India, Ramakrishna asrama ini. Jadi minta jawatankuasanya berhubung dengan saya, saya hendak beri derma RM2,000.00 untuk mereka sebagai tambahan selepas ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya ucapkan tahniah kepada Ahli Seberang Jaya yang selalu prihatin tentang sekolah-sekolah Tamil dan sebagainya. Dialah Ahli Seberang Jaya bangkit isu Sekolah Azad dahulu(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Just one small thing, sebagai ADUN Datok Keramat, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seberang Jaya. *Thank you very much*.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ini mengenai pembinaan sekolah di Batu Kawan. Jadi baru-baru ini ada sebuah organisasi nama HRP, dia bagi memorandum kepada United Nation. Saya pun tidak tahu apa United Nation kena mengenai dengan ini. Dia bohong, dia kata tiada tanah untuk sekolah itu. Dia salahkan Kerajaan Negeri dan salahkan Kerajaan Persekutuan tetapi kita telah beri tanah, cuma ini pembinaan bangunan sahaja. So, adakah ini kuasa Bangsa-bangsa Bersatu untuk campur tangan. Saya pun tidak pastilah. Ini mungkin parti ini, apa parti panggil dia, *Hooligan Rasis* parti ke atau *Humanrise* parti, *which one*, mana satu (gangguan).

Yang Berhormat Sungai Aceh juga meminta kerjasama saya untuk memperuntukkan tapak tanah bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Transkrian. Kerajaan Negeri sudah pasti akan mempertimbangkan untuk memberi tanah kepada sekolah ini sekiranya Kerajaan Persekutuan sudi memberi dana untuk pembinaan baru sekolah ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Minta laluan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya habiskan perenggan ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Tidak, sebab itu sedikit sahaja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak, habiskan. Ya, ini memang tentang Sekolah Transkrian sana. Kerajaan Negeri telah pun memperuntukkan RM20,409.00 dan RM84,750.00 pada tahun 2009 dan 2010 kepada sekolah yang usang ini untuk kerja-kerja membina tandas-tandas baru dan menaik taraf sekolah tersebut. Ya, silakan.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Terima kasih Yang Berhormat Perai. Saya ingat tidak payahlah kita tunggu dapat kelulusan peruntukan Persekutuan untuk buat bangunan. Jadi, sekarang bangunan lama telah ada. Yang Berhormat Perai pun kata telah bantu buat tandas. Memang saya pergi hari itu cuma kita selesai tanah sekarang

dahulu dan tidak payah tunggu peruntukan Persekutuan datang. Selesaikan masalah bangunan yang sedia ada itu supaya ianya tidak melibatkan orang. Jadi, masalah di situ. Itu saya hendak itu. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ahli Sungai Aceh ini tidak faham, isu ini bukan begitu *simple* sahaja. Ini bidang Kerajaan Persekutuan cuma Kerajaan Negeri boleh memberi tanah seperti mana yang kita telah beri kepada Sekolah Valdor baru-baru ini. Ini *acquisition* (dengan izin). Kita memang bersedia tetapi apa-apa kerjasama daripada Persekutuan, inilah yang merumitkan. Jadi kita beri tanah untuk Sekolah Transkrian dan seperti mana Sungai Aceh sendiri tau rakyat Pulau Pinang terutama ini golongan pekerja kecil ini mereka telah dipinggirkan apabila *low cost* dibina di tempat USM, jadi saya pun tak faham kenapa pekerja-pekerja estet ini dipinggirkan di bawah Barisan Nasional satu orang estet pun tak bagi *low cost* di Transkrian jadi itu perkara yang lainlah, jadi kita bersedia kalau Kerajaan Persekutuan bersedia bangunan ini apa peruntukkan dari Negeri ini kita bagi ini tak cukup memang jadi kalau Kerajaan Persekutuan kalau Yang Berhormat sendiri bersedia saya pun bersedia untuk bertemu untuk menyelesaikan masalah sekolah-sekolah.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih cuma saya nak minta tolong kita selesaikan isu tanah dulu isu tanah yang lama dah. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Telok Bahang pula bertanyakan kepada Y.B. Bagan Dalam mengapa sekolah Tamil tidak dibina di Bagan Dalam seperti yang telah dijanjikan sebelum Pilihan Raya selepas itu. Y.B. Dato' Speaker, di sini saya ingin mengatakan bahawa hanya satu perkara yang menghalang pembinaan sekolah baru di Bagan Dalam iaitu Kerajaan Persekutuan dengan memberi lesen bagi tujuan ini saya pernah membangkitkan perkara ini di Parlimen, dua kali di Parlimen secara bertulis meminta Kerajaan Persekutuan supaya membina sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Bagan Dalam memandangkan populasi masyarakat kini ia yang tinggi dan kewujudan satu sekolah Tamil iaitu SJK T Makmandin bagi keseluruhan kawasan Parlimen Bagan di mana sekolah-sekolah Tamil tersebut pun menghadapi masalah *over crowding* ...(dengan izin).

Menteri Pendidikan pada masa itu tersebut membalas bahawa permohonan Sekolah Tamil di Bagan Dalam tidak dapat dipertimbangkan kerana sudah pun terdapat dua buah sekolah Tamil di kawasan Perai bagi saya ini adalah satu alasan yang tidak boleh diterima. Dengan ini meminta Y.B. Telok Bahang untuk membawa isu ini kepada Timbalan Perdana Menteri kerana beliau merupakan Menteri Pelajaran sekarang harap Y.B. Telok Bahang dapat

membawa perkara ini dan memujuk Timbalan Perdana Menteri yang mengamalkan konsep 1 Malaysia.

Pemberian peruntukkan sejumlah RM80,000.00 kepada dua buah sekolah Agama Sik menunjukkan keprihatinan Kerajaan Pakatan Rakyat terhadap golongan etnik minoriti walaupun populasi mereka adalah kecil. Tambahan pula, baru-baru ini Kerajaan Negeri telah memulakan ataupun memberi ruang kepada Agama baik untuk satu kubur di Bukit Mertajam, mereka ini buat satu aduan bahawa di Pulau Pinang tidak ada kubur kepada mereka jadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini memang memberi ruang kepada mereka supaya mereka mohon untuk membina satu kubur di Bukit Mertajam, saya ingat populasi mereka adalah 15,000 di Pulau Pinang.

Y.B. Padang telah menyatakan masalah kekurangan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina di Seberang Perai di mana hanya wujud dua buah sekolah menengah, Kerajaan Persekutuan juga mengabaikan Sekolah-sekolah Menengah Cina di Negeri Pulau Pinang. Kita memang memerlukan lesen Kerajaan Persekutuan untuk pembinaan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina ini baru. Y.B. Padang Lalang cerdas mempersoalkan Y.B. Seberang Jaya yang telah mengatakan Kerajaan Persekutuan amat prihatin dalam peruntukkan bagi Sekolah-sekolah Cina dan Tamil di mana jumlah ini adalah 1% daripada jumlah peruntukkan bagi tahun bajet nasional mengapa begini?

Y.B. Permatang Berangan menyatakan bahawa kadar pengagihan sebegini telah dipersetujui sejak penubuhan kewujudan penyata dan kadar pengagihan sekitar 1% bagi sekolah-sekolah Cina dan Tamil adalah sekarang adil. Di sini Y.B. Seberang Jaya dan Y.B. Permatang Berangan harus sedar bahawa amalan-amalan yang telah dipraktikkan semasa Penyata Razak telah lapuk sekarang dan pengagihan peruntukkan bagi ke semua sekolah patut diagihkan mengikut keperluan semua kaum hakikatnya Sekolah-sekolah Cina dan Tamil baru amat diperlukan memandangkan peningkatan populasi masyarakat India dan Cina di kawasan bandar sudah berpuluh-puluh tahun berlalu tapi Kerajaan Persekutuan tidak mahu membina Sekolah-sekolah Cina dan Tamil yang baru.

Permohonan Y.B. Padang Lalang untuk membina sekolah menengah di Seberang Perai amatlah dialu-alukan dua buah sekolah ini memanglah tidak mencukupi untuk menampung pelajar-pelajar dari lepasan keperluan sekolah-sekolah rendah kebangsaan Cina di kawasan Seberang Perai. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Sungai Dua ada mempersoalkan...

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan ada sedikit saja sebelum pergi ke tajuk lain. Terima kasih. Untuk bajet nasional yang kata tahun depan 1% saja daripada peruntukkan dan seluruh negara kita dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina semua penuntutnya ada lebih 20%, daripada semua 100% dan daripada sekolah jenis dari Tamil ada 7% dan yang lain adalah sekolah jenis Sekolah Menengah Rendah Jenis Kebangsaan ada 68% dan bayangkan 1% daripada semua bajet peruntukkan daripada segi pendidikan dan 68% untuk sekolah jenis kebangsaan tetapi dia

mendapatkan lebih kurang daripada 99% bajet dan ini adalah panggilan 1 Malaysia adalah satu agihan yang adil dan saya tak faham mungkin matematik daripada Barisan Nasional kurang pandai atau mereka tak tau kira dari memang satu yang

amat tidak adil bayangkan daripada penduduk daripada sekolah Cina dan Tamil adalah lebih kurang 28% dan cuma 1% saja dan saya kalau boleh minta jawablah adakah ini betul-betul 1 Malaysia atau *double standard*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Hj. Omar Shah):

Minta laluanlah. Sebenarnya benda-benda ini kira kena jawab di Parlimen cuma yang nak bagi tahu tadi RM250 juta adalah untuk sekolah-sekolah vernakular adalah lebih khusus tetapi di dalam Kementerian Pendidikan Kementerian Pelajaran ada RM29.3 billion jadi masih boleh dilakukan RM29.3 billion ada di dalam *Ministry of Education* maknanya masih ada ruang-ruang tertentu, jadi jangan cakap maknanya sekurang-kurang spesifik dah bagi RM250 million dia ada fakta di situ.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta sedikit saja daripada Ahli Seberang Jaya, katakan masih ada ruang banyak tapi yang saya minta kalau nak untuk sistematik untuk mencetak di situ bukan kata ada keperluan, mungkin Pilihan Raya sampai okey kita ambil pindah sedikit dikeluarkan, kita mahu sistematik seperti Kerajaan Pulau Pinang kita sistematik bukan seperti ikut bila ada keperluan bagi sedikit gula bukan sistem cara ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Dia ada proses dia iaitu macam saya kata tadi RM29.3 billion *Ministry of Education* dia bagi, kemudian RM250 million adalah untuk vernakular *school* selain itu ada lagi RM6.4 billion di *educated* untuk *approach riding of building* dan sebagainya dan boleh dipohon juga. Tapi ini di Parlimen lah sebab sentuh 1 Malaysia, saya sensitif sebab kita 1 Malaysia.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya tak setuju semua ini dibawa ke Parlimen kalau Parlimen kita mesti bagi di sini jadi saya setuju dengan Y.B. Padang Lalang bahawa bantuan kepada sekolah Cina, Tamil memang kurang memandangkan dalam 50 tahun ini keadaan sekolah terutama sekolah Tamil bukan saja di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. minta maaf saya terpanggil untuk minta laluan atas isu ini saya rasa Y.B. tak perlulah kita menjawab apa-apa yang dikatakan oleh Barisan Nasional ataupun Ahli-ahli daripada Barisan Nasional kata kita dah buat dah, dah buat ini seperti yang dikatakan dalam ulasan penghujahan saya 53 tahun mereka memerintah di Pulau Pinang dalam Lembaga Wakaf Hindu selepas Pakatan Rakyat mengambil-alih kita telah memberi RM100 ribu pembiayaan perbelanjaan

untuk murid-murid yang cemerlang dan sekarang kita mencadangkan bukan saja untuk murid-murid beragama Hindu atau India wang itu juga diberikan kepada pelajar-pelajar Cina ataupun Melayu ataupun daripada bangsa lain ataupun daripada agama lain perkara ini pun tak dilakukan 50 tahun mereka memerintah

apa lagi yang kita harapkan dan saya beritahu, walaupun ada pun ulas ada pun klausa yang membenarkan wang itu diberikan Tan Sri Koh Tsu Koon dan Subaiyah tidak melakukan apa-apa, apa 1 Malaysia, temberang pada siapa.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tentang Wakaf Hindu itu saya akan sentuh kemudian, memang ada dalam agenda, jadi saya teruskan kepada perkara itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Just satu penjelasan berkenaan apa yang mereka kata mereka telah buat selama ini untuk sekolah-sekolah Tamil dan Cina di Negeri Pulau Pinang tetapi saya ingin mengingatkan, *for the first time* dua buah sekolah Punjabi mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri boleh pertikaikan itu atau tidak. Dalam 53 tahun lupa orang Punjabi di kaum Singh di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Nanti sat, ikut sejarahnya masa British dulu kedua-duanya Hindu dalam *board* atau Muslim sekali gus dan jasa daripada Barisan Nasional kita asingkan di dalam *board* daripada Majlis Agama Islam duduk sekali dalam hal ini makna Hindu berjalan sendiri Majlis jalan sendiri dan sebenarnya bantuan kepada sekolah budak-budak sekolah Tamil ke, sekolah Cina ke, sekolah kebangsaan ka, memang dah ada peruntukan bantuan *squad* kepada murid-murid miskin dah ada bantuan dah ada tiap-tiap tahun bagi, semua dapat, tak kira Melayu ka, Cina ka semua dapat jadi kita tak payah pertikai bab bantuan Kerajaan Pusat kepada budak-budak sekolah Tamil, tak payah pertikai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Walaupun saya akan sentuh tentang Wakaf Hindu ini saya juga ada minta Kerajaan Negeri mungkin Ketua Menteri untuk menambah dana kepada Wakaf Hindu dan saya cuma tidak faham kenapa kerajaan lama dan Pengerusi Wakaf Hindu tidak mengambil satu tindakan proaktif untuk membantu pelajar-pelajar miskin saya tidak faham mengatakan kepada pelajar-pelajar yang ada kenapa walaupun ada memang klausa dalam Wakaf Hindu untuk biasiswa dan juga aktiviti kebajikan. Saya dalam masa 3, 4 bulan saja jadi Pengerusi Wakaf Hindu dan memang kita gunakan sebab selain daripada aktiviti keagamaan Wakaf Hindu adalah badan pengurus dan bukan Badan Agama dan tiap-tiap tahun penyata kewangan dihantar kepada Parlimen, cuma saya tak katakan benda ini kenapa 52 tahun ini dia tak bagi biasiswa kepada pelajar-pelajar India yang miskin. Itu persoalan saya Ahli dari Telok Bahang kenapa ini berlaku? Saya rasa hasrat Kerajaan Negeri bahawa kalaulah dana ini dapat bertambah dalam Lembaga Wakaf Hindu, kita mohon apa ini membesarkan dana kemudian bagi bukan saja untuk orang pelajar-pelajar India, pelajar-pelajar Cina dan Melayu

yang betul-betul memerlukan ini sebenar hasrat kita sudah jadi itulah apa ini *respond* kepada Ahli Seri Delima, kemudian Datok Keramat kemudian Telok Bahang, ada semalam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih Ahli Perai, saya rasa kita tidak sepatutnya mempertikaikan Biasiswa kepada pelajar India yang miskin, Cina yang miskin dan Melayu dan miskin kerana Kerajaan Negeri sebelum ini dan sekarang pun saya ingat telah melalui Tabung Tuan Yang Terutama memberi peruntukan biasiswa, pinjaman dan sebagainya kepada semua pelajar yang memohon jadi tidak ada timbul sama ada datang daripada Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Jenis Kebangsaan. Ini yang saya rasakan patut dilihat dan tidak di *single out*...(dengan izin). Oh! ini Sekolah Jenis Kebangsaan India yang ditindas sebab ia berdasarkan permohonan.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Telok Ayer Tawar, kita bincang tentang Lembaga Wakaf Hindu, Ahli Seri Delima bangkit kenapa biasiswa ini tidak diberikan kepada pelajar-pelajar miskin dahulu, kenapa ini berlaku sekarang. Jadi itulah persoalan, itulah *respond* saya. Mungkin ada dana TYT, mungkin Kerajaan Negeri beri pinjaman, itu memang dijalankan tetapi memang kurang, jadi kenapa bagaimana kita mengatasi masalah pendidikan di kalangan masyarakat India. Saya rasa mungkin lemah di Pulau Pinang dan juga negeri-negeri lain, ini satu saluran. Maka Lembaga Wakaf Hindu bukan Lembaga Agama, itu Lembaga Pengurusan bukan sahaja dia mengurus kuil-kuil tetapi juga memberi biasiswa, memberi khidmat kebajikan dan sebagainya maka fungsi ini tidak jelas selama ini, itu sahaja, jadi saya teruskan.

Yang Berhormat Sungai Dua ada mempersoalkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak memberi peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan dan kadar pengagihan adalah tidak saksama di antara Sekolah Cina, Tamil, Agama Rakyat dan Mubaligh. Saya rasa saya sudah jawab soalan ini. Saya akan pergi ke perkara lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pulau Tikus juga telah mengutarakan cadangan supaya kepada Kerajaan Negeri berusaha meletakkan Pulau Pinang sebagai platform bagi pereka-pereka muda untuk memperkenalkan hasil inovasi mereka. Dalam ucapan bajet Kerajaan Negeri 2011 yang disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri beliau telah menerangkan bahawa Majlis Sains Pulau Pinang, Penang Science Council ditubuhkan di atas 5 tonggak utama yang diketuai oleh nama-nama unggul seperti Agilence, Motorola, Mini Circuit, Intel dan B. Brown. Salah satu daripada 5 tonggak ini adalah untuk mewujudkan sebuah Pusat Sains dan Teknologi yang akan dikenali sebagai Penang Track Centre yang dimodelkan mengikut contoh St. Hose Technical Centre atau Technological Centre. Penang Track Centre ini kelab berfungsi sebagai pusat sehati, One Stop Centre bagi menyelaras dan memperluas aktiviti industri berkaitan bidang sains dan teknologi di negeri ini serta sebagai platform untuk mengetengahkan hasil inovasi pereka-pereka muda dalam usaha

memperbanyakkan peluang perniagaan dan melahirkan tenaga kerja profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam masa panjang.

Yang Berhormat Sungai Bakap ada membuat permintaan kepada Kerajaan Negeri untuk memberi keutamaan kepada anak-anak Negeri Pulau Pinang dalam melahirkan pekerja-pekerja mahir dan berpengetahuan tinggi. Sukacita saya memaklumkan bahawa Penang Track Centre akan mengutamakan penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang untuk melahirkan tenaga kerja profesional dan juga akan memberi perhatian khas pembangunan aktiviti *entrepreneurship* di kalangan rakyat tempatan dalam bidang berteknologi tinggi seperti *ICT* atau *E & E*.

Yang Berhormat Datok Keramat telah mengutarakan cadangan untuk Kerajaan Negeri menjadikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua Rasmi Kedua di Pulau Pinang. Masyarakat sedia maklum bahawa Bahasa Inggeris merupakan bahasa pengantara antarabangsa yang utama di dunia dan dalam sesetengah perkara seperti komunikasi, sains, teknologi maklumat, perniagaan dan diplomasi. Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang perlu dikuasai pada tahap yang tinggi. Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa. Pelbagai inisiatif bagi memantapkan penggunaan Bahasa Inggeris tanpa merencatkan usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri bersifat fleksibel di terhadap pelaksanaan sebarang mesyuarat rasmi yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris bagi melancarkan perjalanan dan mengelakkan salah tafsir intipati mesyuarat tersebut. Sebagai contoh minit bagi Mesyuarat Post Exco yang diedarkan adalah disediakan dalam Bahasa Inggeris bagi memantapkan bahasa ini dalam pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Selain itu *request* atau *proposal*

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Ahli Perai, memang telah menunjukkan sikap Kerajaan Negeri yang tidak mahu mengutamakan Bahasa Malaysia dan tidak ...(bising, gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tuduhan, itu tuduhan, itu tuduhan, tuduhan, tuduhan, peraturan, peraturan, peraturan, saya gunakan peraturan, itu adalah peraturan, Dato Timbalan Speaker, saya gunakan peraturan, saya menggunakan peraturan Speaker 46.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Seri Delima.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Saya sedang memberi ulasan dan saya tidak beri laluan ya.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

I am using peraturan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

It is fair comment

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Its a peraturan, *I am using* peraturan

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Saya dengar dia hanya buat pertanyaan

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tuduhan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Satu pertanyaan, satu soalan

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu adalah tuduhan speaker, saya telah mendengarnya itu adalah tuduhan mengatakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengutamakan Bahasa Malaysia.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Bagi saya ia adalah satu soalan sama ada kerajaan Pulau Pinang akan menganggap bahawa kerajaan tidak mementingkan bahasa Malaysia, tidak apa

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Ya.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli Perai sebentar lagi beri jawapan lah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Jadi di sini walau apa pun kita kenalah mengutamakan Bahasa Malaysia kerana ini merupakan urusan-urusan rasmi sama ada urusan rasmi kerajaan, majlis-majlis rasmi kerajaan hendaklah diutamakan Bahasa Malaysia dan di samping itu kita tidak menyetepikan Bahasa Inggeris kerana kita tahu ia penting di dalam pengurusan terutama sekali dengan sektor korporat dan antarabangsa tetapi kalau kita tidak memberi keutamaan dan tidak mengamalkannya akhirnya Bahasa Malaysia akan diketepikan. Oleh sebab itu, saya rasa kita harus mendukung dasar kerajaan yang mengutamakan kerana ia termaktub di dalam Perlembagaan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tambah sikit.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Memang dasar Kerajaan Malaysia, kita dalam 1Malaysia kita hendaklah utamakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa utama, bahasa pentadbiran dan sepatutnya semua urusan kerajaan, semua agensi kerajaan patut menggunakan Bahasa Malaysia termasuk juga dalam Post Exco kah, elok Bahasa Malaysia dan sepatutnya Bahasa Malaysia. Bukan elok memang sepatutnya Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris boleh, memang saya setuju Bahasa Inggeris juga patut dipromosikan pasal kita Pulau Pinang, ekonomi kita banyak bergantung kepada Internasional, memang kita kena terima tetapi di dalam urusan kerajaan dan dalam agensi kerajaan memang wajib, patut kita guna Bahasa Malaysia. Ini dasar kerajaan kita.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tidak timbul isu ini, kita ketepikan Bahasa Melayu, tidak timbul langsung cuma ini Kerajaan Negeri, mana-mana Kerajaan Persekutuan. / bagi contoh kalau seseorang mohon untuk dapat *post professor* kalau dia tidak boleh berbual dalam Bahasa Inggeris dia tidak akan dapat. Di Universiti Kebangsaan ada dasar fleksibel di mana seorang pensyarah boleh mengajar dalam Bahasa Inggeris. Ini kita sampai semasa saya jadi Profesor di UKM, saya kata saya tidak mahu ajar

dalam Bahasa Inggeris, saya mahu ajar dalam Bahasa Melayu. Apakah faktor? Saya kata bahawa pelajar-pelajar ini belum fasih dalam Bahasa Inggeris lagi. Apabila saya sampaikan *message* kuliah dalam Bahasa Inggeris mungkin dia tidak faham, so lebih baik kita gunakan Bahasa Melayu.

Walaupun Universiti sudah lama dah, sudah 10 tahun dahulu, di mana dia sudah buat satu pendekatan untuk memberi fleksibiliti kepada Bahasa Inggeris, walaupun Bahasa Melayu ini tidak dipertikaikan. Urusan Kerajaan Diplomat semua dalam Bahasa Melayu jadi saya rasa tidak payah tanyalah, ini tidak timbul langsung, kita ketepikan Bahasa Melayu kerana Bahasa Melayu adalah bahasa, ini adalah bahasa perantaraan jadi Ahli Telok Bahang ini tidak timbul.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Betul, saya hendak jaminan daripada Kerajaan Negeri bahawa Bahasa Malaysia digunakan untuk semua urusan rasmi. Saya dengar dalam agensi Kerajaan di Pulau Pinang telah banyak menggunakan bahasa lain daripada Bahasa Malaysia dalam urusan rasmi, saya dengar, saya dengar.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Kita tidak apa ini, memang pendekatan ini adalah fleksibel, semua urusan rasmi adalah Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan jadi saya tidak nampak bahawa satu bahasa lain akan apa ini mengetepikan Bahasa Melayu, ini kekhuatiran adalah satu kekhuatiran emosional.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan, saya rasa kita bukan emosional Ahli Perai, ya. Tadi Ahli Perai juga mengatakan minit mesyuarat dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris. Kemudian saya juga ingin

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ada dua ini, satu dalam Bahasa Melayu, satu dalam Bahasa Inggeris,

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Okey dua

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Minit mesyuarat ini adalah rasmi adalah dalam Bahasa Melayu

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Okey kalau buat dalam Bahasa Melayu, tetapi saya juga hendak menarik perhatian pada program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang disebutkan oleh Y.B. Exco Wanita, ya program *Gender Mainstreaming*, *streamer* dan *banner* nya semua dalam perkataan itu, jadi maknanya orang yang tidak faham apa dia

Gender Mainstreaming tidak tahulah, ini menunjukkan Bahasa Inggeris masih diutamakan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Itu *conference* Antarabangsa.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

No.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Itu *conference* Antarabangsa so macam mana kita harapkan seorang daripada Filipina atau daripada Eropah faham Bahasa Melayu. Saya pun tidak tahulah sama ada itu rasmi atau itu satu *private arrangement*, saya pun tidak faham tetapi saya rasa isu ini timbul saya rasa kita sudah bincangkan dan gaduh habis dah, tidak payah timbul ini lagi. *I think* izinkan saya *I think this is non issue* lah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Penjelasan Dato' Timbalan Speaker, ...(dengan izin), saya rasa perkara ini tidak berbangkit tetapi Y.B. Dato' Speaker dan Yang Berhormat Perai saya harus memperingatkan Dewan supaya was-was apabila menjawab soalan ini daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang kerana saya lihat dalam *paper* utusan hari ini perkara ini telah pun dijadikan, disensasikan, satu persoalan oleh Yang Berhormat Datok Keramat bahawa Bahasa Inggeris akan digunakan telah disensasikan di mana dikatakan Kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan DAP, PAS dan PKR akan mengetepikan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam pentadbiran. Jadi saya rasa janganlah diberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Pakatan Pembangkang kerana seperti biasa memang ada niat tersendiri mengapa perkara ini dibangkitkan supaya boleh.... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya belum habis lagi, tunggu dulu, seperti isu RM100.00 menjadi wang haram, wang judi, perkara ini juga akan disensasikan, tidak ada niat ikhlas daripada mereka untuk mempertahankan Bahasa Melayu. Yang akan mempertahankannya ialah kita yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa perantaraan. Tujuan soalan ini ditanya di Dewan ini adalah untuk menjadikan ia satu modal politik yang murah oleh pihak Barisan Nasional, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta Penjelasan. Siapa yang membangkitkan isu bahasa ini? Kita tidak membangkitkan. Yang membangkitkan isu bahasa ini Datok Keramat, kita tidak bangkit pun. Y.B. Seri Delima *check* balikkah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengar dahulu, tuduhan bahawa Bahasa Malaysia diketepikan adalah oleh Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Itu adalah tuduhan oleh Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Cakap kata..

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kenyataan Telok Ayer Tawar adalah Bahasa Malaysia diketepikan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Dato Timbalan Speaker, sekarang saya bercakap....(gangguan).

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seri Delima sila duduk, Seri Delima sila duduk

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu adalah tuduhan, dengar dahulu hujahan saya, dengar dulu perbahasan saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya bercakap.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Seri Delima sila duduk,

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dengar perbahasan saya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya dengar, yang mensensasikan adalah soalan ini mula-mula dibangkitkan dalam perbahasan oleh Datok Keramat. Kita tidak cakap pun tentang bahasa. Ahli-Ahli di sini tidak bercakap tentang bahasa. Kemudian Y.B. bercakap kita mensensasikan, jadikan ini isu, itu tidak betul, tidak ada. Kita tidak

pernah mensensasikan. Y.B. Telok Ayer Tawar dia menanyakan kerana dia minta penjelasan adakah pasal Y.B. dari Perai tadi kata menggunakan Bahasa Inggeris dalam minit-minit mesyuarat. Itu menimbulkan satu was-was adakah Kerajaan Negeri sekarang hendak menggunakan Bahasa Inggeris dalam bahasa dalam pentadbiran Kerajaan pasal Y.B. sendiri bercakap minit *post exco* dalam Bahasa Inggeris, menimbulkan was-was dia minta penjelasan. Adakah ini mensensasikan, dengar betul-betullah.

Ahli kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Perai saya rasa masalah dengan mentaliti orang UMNO, Barisan Nasional adalah mereka begitu sensasikan isu sehinggakan isu bahasa itu *zero some game, zero some game there, is no zero ...*(dengan izin) kerana apa yang Y.B. Datok Keramat cadangkan adalah bolehkah dia diberi sedikit perhatian dari segi urusan. Jadi Masalah sekarang adalah rakyat Malaysia tidak kira bangsa atau agama semua telah terima dengan jelas bahawa Bahasa Kebangsaan adalah Bahasa Malaysia dan semua kanak-kanak atau orang muda ke boleh fasih dalam Bahasa Malaysia, jadi ini tidak timbul isu, sekarang apa yang kita perlu ialah menuju ke arah International City, jadi kita perlu titikkan sedikit sebanyak supaya kanak-kanak kita, orang muda sekarang lebih fasih, kerana sekarang penguasaan Bahasa Inggeris terlalu teruk. Jadi ini adalah pandangan daripada Y.B. Chang Gaik Moi, jadi sekarang saya rasa kalau kita hendak pertikai bahawa isu bahasa diketepikan, dipinggirkan tanyalah Mahathir, Mahathir yang mengenalkan PPSMI. Apa jawab Y.B. Telok Ayer Tawar.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Bagi saya Kerajaan Pusat Kementerian Pendidikan pun sangat mementingkan Bahasa Inggeris. Oleh sebab itu subjek Sains dan Matematik semua diajar dalam Bahasa Inggeris. Kerajaan Pusat pun sangat mementingkan apa salahnya jika Ahli Datok Keramat bangkitkan isu ini sila bagi kepentingan sikit jadi bahasa yang kedua macam mana bagi saya isu ini tidak payah dibahas lagilah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Timbalan Spekaer, minta penjelasan sikit kerana ianya bermula dari saya. *Just one thing to say.*

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Beri tak?

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih, Y.B. Perai, saya semalam pada hari Isnin telah menyatakan secara spesifik kita ada National Language Act. Ada peruntukan *statutory*, yang memperuntukkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Itu tidak boleh kita nafikan. Itu adalah bahasa kebangsaan kita. *In fact* di dalam parti kita, kita mengisytiharkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, tetapi apa

yang saya katakan memandangkan kita bertujuan hala tuju kepada International City iaitu bandar raya antarabangsa, kita mesti titik beratkan dan beri lebih fokus kepada *English as a second language*. Kalau kita pergi ke negeri-negeri lain macam Australia dan negeri Eropah di mana ada banyak orang daripada luar negara mereka datang mereka promosikan ini *subject* sebagai ESL; *English as second language*.

Itu yang kita hendak promosikan di sini; *English as second language*. *It is important*. Seperti mana Y.B. Dato' Speaker nyatakan jelas Perdana Menteri terdahulu Tun Dr. Mahathir juga menyatakan begitu penting kita dapat menguasai Bahasa Inggeris dan begitu juga banyak institusi-institusi seperti institusi perundangan juga semua dalam Bahasa Inggeris. Itulah apa yang kita nyatakan. Kita tidak boleh nafikan bahawa Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Malaysia.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Pohon penjelasan. Saya bersetuju dengan Y.B. Datok Keramat. Memang English sangat penting untuk *young Malaysian* yang hendak *progress* yang hendak menjadi *International Life*. Tapi Cuma Y.B. Perai sebutkan ada urusan kerajaan yang gunakan bahasa lain daripada Bahasa Inggeris. Ini tidak berapa tepatlah. Saya harap kita kekalkan urusan kerajaan dalam bahasa Malaysia yang lain-lain urusan kita buat, bolehlah. Kita nak *promote* bahasa ini kepada ... (gangguan). Sekarang anak-anak muda dia cakap Inggeris kelam kabut. Mungkin latihan daripada kecil tidak ada latihan bahasa Inggeris, dia cakap Bahasa Inggeris dalam keadaan kelam kabut, tidak ada *grammar*. Saya harap urusan kerajaan kekalkan dalam Bahasa Malaysia.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Satu isu mesti jadi isu sebab kita mahu jadi itu isu. Jadi saya rasa isu Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan ini tidak dipertikaikan. Satu yang rasmi, yang diterima lama dah. Tapi penggunaan Bahasa Inggeris merupakan satu lumrah di Malaysia dan mesti dipertingkatkan. Isu ini menjadi bahasa kedua rasmi tidak timbul langsung. Jadi di Parlimen ada versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Mana yang rasmi, rasmi ini ialah bahasa Melayu. Jadi tidak timbul, rasmi ini semuanya dalam Bahasa Melayu, tidak timbul isu ini. Jadi janganlah kita jadi macam utusan keluar oh! Pulau Pinang telah menolak Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tapi....(gangguan). berapa minit saya ada Y.B. Dato' Timbalan Speaker.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker,

Sila teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Tak apalah. Saya ucapkan terima kasih kepada semua. Saya harap kita ada *debate* yang secara sihat. Bukan ikut emosi ataupun jadi modal politik. Y.B. Komtar bertanyakan asas-asas yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi meletakkan anggaran KDNK semasa serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi situasi *middle income track*. Bagi mengatasi

situasi *middle income track* seperti yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapan bajet, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti empat sektor ekonomi utama yang menjadi fokus kepada galakan pelaburan Kerajaan Negeri mengenai industri berkaitan *land, light emitting diode*...(dengan izin), peralatan perubatan, *solar photovoltaic* serta pelancongan perubatan.

Usaha menegenahkan Pulau Pinang sebagai industri-industri teknologi termaju atau ...(dengan izin), *advanced technology* ini adalah bukan sahaja untuk menarik pelabur-pelabur tetapi mengujudkan peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi akibat kesan lempa atau *the zero impact* kepada rakyat Pulau Pinang terutamanya. Isu Lembaga Wakaf Hindu, saya rasa sudah bincang tidak payahlah.

Akhir sekali ini dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua membangkitkan isu ladang sayur yang diusahakan oleh seorang individu yang bernama Kamala Dewi sehari sebelum hari Deepavali. Puan Kamala Dewi telah datang berjumpa dengan saya lebih lapan bulan yang lalu berhubung dengan perkara ini. Menurut beliau pada masa tersebut ada gangguan daripada pihak tertentu daripada Jabatan Polis terhadap ladangnya. Memandangkan beliau seorang pesakit saya telah berbincang menulis dan berbincang dengan pihak Polis dan pegawai-pegawai dari Jabatan Pengairan dan Saliran untuk membenarkan beliau mengusahakan ladang tersebut. Saya juga telah menerima maklum balas yang positif dari pegawai-pegawai tersebut bahawa tanah ini tidak akan digunakan. Akan tetapi Puan Kamala Dewi tidak datang berjumpa dengan saya setelah menerima notis pengeluaran oleh Pejabat Tanah SPT dan saya tidak tahu akan tindakan penguatkuasaan kemusnahan ladang beliau sebelum dilaksanakan.

Jikalau saya mengetahui perkara ini lebih awal saya sudah tentu memberi bantuan sewajarnya kepada petani. Rungutan Puan Kamala Dewi saya telah menghalang beliau berjumpa dengan pejabat saya menghalang beliau berjumpa dengan saya adalah satu sandiwara politik yang dilakukan oleh MIC. Jadi isu ini telah dibincangkan dengan DO SPT dan mereka, kita telah pun menasihati apa-apa tindakan penguatkuasaan mesti dirujuk kepada kita. Isu ini, tanah itu JPS punya tanah. Dua hari sebelum Deepavali inilah yang menjadi masalah. Saya tidak tahu, Kerajaan Negeri tidak tahu buat tindakan dua hari sebelum Deepavali. Nampaknya ada segelintir pegawai-pegawai di sana memburukkan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Minta laluan. Y.B. Professor, saya juga menghadapi masalah yang sama iaitu di Kampung Ladang Changkat. Sedarkah teknik-teknik kotor yang dimainkan oleh Barisan Nasional begitu dengki sekali, cerita dia macam ini; penduduk yang keluar dalam surat khabar tempoh hari adalah pengerusi JKKK Kawasan Nibong Tebal yang tangkap gambar bersama bekas Yang Berhormat di sana saya tidak mahu sebut nama dia. Dia memberi cerita macam ini dalam *paper*. Saya panggil Y.B. Tan Beng Huat mai tengok ini lampu punya hal. Y.B. Tan Beng Huat cakap sana tidak ada tiang lampu, tak payah pasang. Padahal tempat itu ada lampu. Ini adalah satu cerita macam reka-reka, sampai hari ini saya tidak pernah jumpa orang yang buat aduan dalam *paper* itu. Ini semua sandiwara BN cuba untuk merosakkan nama orang, saya rasa mereka tidak ada

modal politik lagi. Itu memang taktik mereka untuk main-mainkan masyarakat. Ini adalah satu tindakan yang amat keji. Kalau nak main, main cara *gentleman*.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Dato' Timbalan Speaker, berkenaan kes di Jawi saya memang tahu bahawa elektrik ini dipotong satu hari sebelum Deepavali oleh TNB. Memang kita pun tahu. Jadi saya akan teruskan, Kampung Buah Pala. Y.B. Sungai Dua telah membangkitkan isu Kampung Buah Pala dan bertanya mengapa Kerajaan Negeri masih tidak memberi pampasan kepada sembilan orang lagi penduduk Kampung Buah Pala. Kerajaan Negeri telah berunding pampasan unit rumah teres dua tingkat bernilai RM600,000.00 di kampung sama bagi 24 orang penduduk asal. Akan tetapi 15 daripada penduduk Kampung Buah Pala tersebut bersetuju menerima pampasan dengan pemaju Nusmetro Sdn. Bhd. dan jangka masa yang ditetapkan adalah empat bulan untuk sembilan orang. Di sini patut diingatkan bahawa Kerajaan Negeri merundingkan pampasan yang sewajarnya dan pampasan diberikan secara langsung oleh pemaju Nusmetro. Pampasan memang ditawarkan kepada sembilan penduduk tersebut tetapi penduduk-penduduk tersebut oleh kerana pengaruh-pengaruh tertentu tidak bersetuju untuk menerima pampasan tersebut dalam masa yang ditetapkan di atas budi bicara mereka sendiri. Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak untuk memaksa mereka menerima pampasan tersebut.

Pemaju Nusmetro yang telah membuat keputusan untuk menarik balik tawaran pampasan setelah 9 penduduk tersebut tidak bersetuju menerima pampasan dalam jangka masa yang diberikan kepada mereka. Jangka masa yang diberikan kepada mereka adalah satu jangka masa yang panjang selama empat bulan. Pembinaan rumah teres dua tingkat sedang giat dijalankan dan adalah dijangka 15 penduduk yang sudi menerima pampasan akan memperolehi kunci pada rumah mereka tidak lama lagi. Di sini, Kerajaan Barisan Nasional selalu menuduh Kerajaan Pakatan telah mengingkari janji mereka kepada penduduk Kampung Buah Pala sedangkan Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak menghiraukan mereka semasa memerintah negeri ketika kesemua proses-proses penjualan hak milik tanah Kampung Buah Pala. Pemberimilikan kampung kepada pemaju dan pemberian lesen Kerajaan Negeri untuk kemajuan di Kampung Buah Pala. Y.B. Dato' Timbalan Speaker, memang ada lagi sedikit dan saya tidak akan sentuh tidak memerlukan. Oleh itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Timbalan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan berhenti rehat selama 15 minit dan akan disambung semula pada jam 4.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.15 petang.

Dewan disambung semula pada 4.45 petang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Bismilahirrahmanirahim, Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan salam sejahtera Y.B. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya mohon untuk membicarakan ucapan penggulungan dalam sesi bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri saya ucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan izinkan saya untuk rakamkan tahniah dan syabas kepada Y.B. Ketua Menteri kerana berjaya membentangkan satu bajet, satu belanjawan yang cukup baik yang memberi fokus kepada perkara-perkara utama dalam pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah menuju negeri bertaraf antarabangsa dan belanjawan kali ini memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk terus lagi memberi program-program yang menunjukkan Kerajaan Negeri ini memang kerajaan mesra rakyat dan juga untuk pertumbuhan ekonomi yang lebih baik bagi negeri ini.

Y.B. Dato' Speaker saya juga ingin mengucapkan Deepavali kepada rakan-rakan yang menyambut Deepavali dan rakan-rakan yang menyambut Hari Raya Aidiladha. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Adun Telok Bahang membangkitkan mengenai tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu Kampung Pisang Awak. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat pada asalnya Kampong Pisang Awak fasa satu memang merupakan projek Barisan Nasional yang dijalankan di awal tahun 2006 dan penempatan Kampung Pisang Awak Fasa 1 pada ketika itu terletak di tanah Kerajaan Negeri berhampiran stesen jana elektrik Gelugor dan Lebuhraya Jelutong dengan keluasan 3.35 ekar. Penempatan penduduk setinggian ini adalah di atas air dan berada dalam keadaan daif dan tidak teratur kerana tiada kemudahan infrastruktur dan fasilitet yang sempurna dan sistem perparitan, saliran dan pembetulan malah rumah yang mereka duduki juga ada kalanya bocor ketika hujan lebat dan justeru itu apabila Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan Negeri Pulau Pinang pada bulan Mac 2008 didapati masalah penduduk tersebut masih tidak dapat diselesaikan lagi ada di kalangan penduduk yang datang berjumpa dengan saya untuk cari jalan penyelesaian ke arah ini. Jadi Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil langkah proaktif dan inovatif yang mampu membawa impak positif kepada pembangunan dan kualiti hidup kepada penduduk terbabit dengan menawarkan baki seramai 28 orang lagi yang ketinggalan sebelum mereka dipindahkan ke tempat elok. Oleh itu isu ini telah memperlihatkan lagi sekali lagi kita mengotakan janji kita kepada rakyat dan bagi menyelesaikan isu penduduk yang terlibat Kerajaan Negeri telah menyerahkan tawaran seperti berikut:

- (a) Tawaran pada 10hb Mac 2010 yang melibatkan penjualan lima unit rumah JKP Sdn. Bhd. dengan harga RM 42,000.00 seunit.

- (b) Tawaran pada 17hb Jun 2010 melibatkan enam orang penerima yang terdiri daripada 3 orang yang menerima tawaran satu unit rumah secara percuma dengan seorang menerima tawaran membeli rumah dengan harga RM17,000.00 dan dua orang membeli rumah dengan harga RM25,000.00.
- (c) Tawaran pada 30hb Ogos 2010 yang melibatkan 15 orang penerima yang terdiri daripada 8 orang menerima satu unit rumah secara percuma dan tiga orang membeli satu unit rumah dengan harga RM17,000 dan empat orang menerima tawaran membeli satu unit rumah secara sewa beli.

Walau bagaimanapun 11 orang penduduk yang baru menerima tawaran pada 30 Ogos 2010 akan berpindah ke penempatan baru di Pangsapuri Jelutong Indah setelah kerosakan pada setiap unit rumah yang ditawarkan di baik pulih oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Kerajaan Pakatan Rakyat dengan ini berikrar dan bertekad untuk terus membela kepentingan rakyat terbanyak dan bukan membela kaum kerabat yang tertentu sahaja. Saya bangkitkan hal ini sebab sebelum ini ada tuduhan yang kita tidak mengambil perhatian kepada rakyat yang terpinggir ini. Sebenarnya perkara ini Dato' Yang Dipertua projek ini ketinggalan sekian lama dan mereka-mereka ini sengaja ditinggalkan padahal rumah-rumah masih ada tidak diberi. Dan saya tanya kepada mereka kenapa kamu tidak dapat rumah-rumah ini? Jawapan mereka ialah mungkin tidak memberi sokongan kepada Barisan Nasional jadi itu agaknya mereka ditinggalkan. Bagi kita itu satu penganiayaan kerana kalau betul-betul kita nak membela nak menjaga mereka ini kenapa harus mereka tinggalkan walaupun perbezaan fahaman politik. Itu berkenaan Kampung Pisang Awak.

Yang keduanya, Y.B. Dato' Speaker, adalah hak milik strata. Hak milik strata tanah dibangkitkan oleh Y.B. Datuk Keramat, Y.B. Pantai Jerejak dan juga Y.B. Sungai Dua dan juga Y.B. Komtar. ADUN Datok Keramat dan juga ADUN Pantai Jerejak telah membangkitkan isu masalah-masalah rumah yang masih belum mempunyai hak milik strata dan minta supaya proses pengeluaran hak milik dipercepatkan. Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian yang serius untuk mempercepatkan proses pengeluaran hak milik strata dan jika dibuat perbandingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia, Pulau Pinang adalah antara negeri mendahului dari segi pengeluaran hak milik strata dan bagi tujuan pemantauan satu jawatankuasa telah dibentuk dan diketuai oleh saya sendiri dan diwakili oleh Y.B. Kerajaan Tempatan dan Y.B. Perumahan serta lain-lain Yang Berhormat telah ditubuhkan bagi melihat dan memantau secara terperinci kemajuan pengeluaran hak milik strata dan menangani masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat secara berkala dan memberi tumpuan untuk projek-projek khusus untuk diselesaikan. Secara umumnya terdapat beberapa masalah di dalam pengeluaran hak milik strata terutamanya bagi projek lama seperti berikut. Di antara sebab-sebab projek-projek yang terbengkalai atau terbantut semasa proses pengambilan balik ini ialah:-

- (a) Pemaju telah gulung tikar dan tidak dapat dikesan

- (b) Pelan bangunan sudah tiada dalam simpanan dan terpaksa dilukis semula dan ini tentunya memakan masa dan melibatkan kos.
- (c) Terdapat gadaian-gadaian lapuk dalam hak milik tanah yang tidak dilepaskan
- (d) Terdapat perbezaan-perbezaan yang ketara di antara pelan bangunan dengan fizikal bangunan yang berada di atas tanah. Ini tidak dapat diperakukan untuk mendapat kelulusan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan.

Pejabat Tanah dan Galian sebagai agensi yang menguruskan pemprosesan hak milik strata sentiasa bekerjasama dengan pihak Pemaju Perumahan REDA dan Persatuan Juru Ukur bagi memudahkan pihak berkenaan mengambil tindakan-tindakan yang wajar untuk mempercepatkan pengeluaran hak milik strata. Setakat ini bentuk kerjasama tersebut adalah berkesan ke arah mempercepatkan pengeluaran hak milik strata.

Y.B. ADUN Sungai Dua tanyakan sama ada geran hak milik strata yang dibuat secara manual akan diteruskan memandangkan sistem komputer telah diperkenalkan. Sukacita saya jelaskan bahawa buat masa ini surat hak milik tanah berkomputer hanya dilaksanakan bagi sistem hak milik *landed* sahaja dan masih belum dilaksanakan lagi bagi hak milik strata dan sistem hak milik berkomputer *landed* telah dibangunkan melalui sistem projek hak milik tanah berkomputer pada awal tahun 1990-an dan kemudian digantikan dengan sistem E-tanah. Walau bagaimanapun sistem hak milik tanah berkomputer strata belum lagi dibangunkan sepenuhnya.

Sistem ini telah dibangunkan bersama-sama dengan projek E-tanah dan kemajuan sekarang jelas sekarang di peringkat tukar ganti hak milik, manual kepada hak milik berkomputer strata. Proses tukar hak milik ini secara berperingkat mengikut skim demi skim dan proses ini memakan masa sedikit memandangkan hak milik strata telah meningkat dengan banyaknya iaitu mencecah 150 ribu hak milik. Pada peringkat permulaan akan wujud dua sistem pendaftaran yang dijalankan iaitu sistem manual dan sistem elektronik. Mana-mana skim yang telah selesai ditukar ganti dari sistem manual kepada sistem berkomputer maka urusan berikutnya akan diteruskan melalui sistem berkomputer manakala mana-mana skim yang belum lagi ditukar ganti maka urusan berikutnya akan diteruskan secara sistem manual.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Selaras dengan peraturan mesyuarat 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 11 November 2010 dilanjutkan sehingga 12.00 malam atau sehingga selesai urusan mesyuarat.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul dibawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 11 November 2010 dilanjutkan

sehingga 12.00 malam atau sehingga selesai urusan mesyuarat. Ahli-ahli Yang Berhormat yang setuju katakan “Ya,” dan yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ada sokongan.

Y.B. Dato’ Speaker:

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Izinkan saya berbicara terus tentang hak milik strata. Jawatankuasa yang diwujudkan ini telah bermesyuarat beberapa kali untuk menyelesaikan isu hak milik strata seperti persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat seperti yang saya sebutkan tadi. Tujuan penubuhan Jawatankuasa Hak Milik Strata ini ialah untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit melibatkan skim-skim strata di Negeri Pulau Pinang seperti isu kegagalan memohon pecah bahagian untuk pengeluaran hak milik strata memantau status permohonan strata dari semasa ke semasa, mengenal pasti kaedah untuk menangani masalah-masalah berkaitan dengan permohonan strata dan membincangkan isu-isu pengurusan skim strata oleh badan pengurusan bersama Tujuan Management Board dan Perbadanan Pengurusan, Management Corporation (MC) yang berada di bawah seliaan Pesuruhjaya Bangunan sama ada di MPPP atau MPSP. Seterusnya mencadangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan garis panduan atau dasar berkaitan skim strata yang bersesuaian yang boleh diguna pakai di Negeri Pulau Pinang.

Setakat hari Y.B. Dato Speaker kes-kes yang telah kita selesai dalam jawatankuasa ini izinkan saya bacanya ada beberapa seperti di Axis kompleks Lot 2589, Seksyen 1, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan yang keduanya Bandar Relau Jaya, Daerah Timur Laut juga ketiga Permai Ria, keempat skim Taman Jade View, Skim Taman Seri Idaman, Skim Anson Apartment, Skim Terubong Jaya Projek Kediaman dan ruang komersial 155, 156 DTL, Taman Teluk Kumbar iaitu Falak Association dan Taman Muhibbah. Ini merupakan kes-kes yang selesai manakala kes-kes yang belum selesai yang diangkat untuk kita berbincang dan tiap-tiap kali bermesyuarat tak perlu saya baca, ada dalam 18 kes semua dan ini akan di kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat inginkan kita boleh poskan ataupun kita boleh bagikan salinan ini. So maknanya jawatankuasa ini akan bermesyuarat berkala berbincang kes-kes yang belum selesai mencari jalan bagaimana hendak diselesaikan dan setiap kali bermesyuarat ada kes yang kita bincang untuk selesai dan kita cadangkan lagi kes-kes mana yang boleh untuk ditangani itu dengan isu strata Y.B. Dato’ Speaker.

Seterusnya Y.B. Dato’ Speaker, Y.B. Sungai Dua ada mempersoalkan mengenai tindakan yang telah diambil oleh saya sendiri bagi menangani isu

perobohan gerai-gerai dan juga isu gerai bulan Ramadhan sebenarnya perkara ini telah pun selesai tak sepatutnya dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua yang isu gerai Ramadhan sudah pun selesai dari tahun sudah lagi jadi tahun ini bukan jadi isu lagi dan isu gerai-gerai perobohan izinkan saya untuk memberi penerangan mengenai perobohan ini. Kerajaan Negeri amat tidak prihatin ke atas nasib

usahawan kecil yang mengendalikan gerai-gerai dan bazar Ramadhan, Kerajaan Negeri tidak akan sewenang-wenangnya merobohkan gerai-gerai tersebut tanpa mematuhi peraturan yang ditetapkan. Justeru itu Kerajaan Negeri memandang berat isu perobohan gerai yang sering dibangkitkan oleh pihak Pembangkang ini kerana Kerajaan Negeri telah pun menyediakan garis panduan perobohan di mana gerai-gerai haram di atas tanah Kerajaan Negeri ataupun persendirian yang boleh dirobuhkan adalah seperti berikut :

1. Gerai-gerai yang menerima banyak aduan daripada penduduk;
2. Terdapat cadangan pembangunan bagi kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan,
3. Dalam rundingan untuk penempatan semula dan
4. Berkaitan dengan kesihatan, keselamatan, kebersihan dan alam sekitar dan beroperasi di sekitar tapak penjaja Majlis, kompleks atau pun pasar raya dan berada 9 meter dari persimpangan jalan raya, kawasan sekolah dan hospital dan juga jalan-jalan protokol.

Jadi sekiranya timbul ataupun gerai-gerai seperti yang saya senaraikan tadi maka tindakan akan diambil, namun demikian Kerajaan Negeri juga mengenal pasti beberapa mekanisme penguatkuasaan sebelum ianya dapat diambil tindakan. Satu menubuhkan satu unit penguatkuasaan khas untuk tujuan memantau di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan mengenal pasti lokasi untuk diambil tindakan, mengetatkan prosedur penguatkuasaan bagi gerai baru dan gerai lama ataupun sedia ada, maklumkan dan mendapatkan input daripada Ahli Majlis, ADUN Kawasan ataupun Exco Kerajaan Tempatan dan menyediakan khidmat nasihat kepada Kumpulan Sasar. Itu merupakan garis panduan yang kita gariskan sebelum tindakan kita ambil dan tindakan penguatkuasaan oleh PBT juga fokus kepada kuasa yang termasuk dalam kategori berikut kawasan pelancongan. Dua, kacau ganggu lalu lintas dan juga kawasan perumahan banyak aduan daripada orang ramai dan struktur baru. Dalam pada masa yang sama KN juga meminta supaya spesifikasi mekanisme perlu diadakan bagi mengukuhkan lagi tindakan yang akan diambil untuk meroboh gerai selepas Mei 2010 bagi memantapkan keputusan Kerajaan Negeri sekiranya tindakan ini dibawa ke mahkamah dan tindakan ini juga akan diisytiharkan dalam akhbar-akhbar tempatan.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, perobohan gerai tidak berlaku sewenang-wenangnya kita tidak ambil tindakan sewenang-wenangnya jadi kita harap selepas ini kita jangan sensasikan lagi isu perobohan-perobohan gerai ini, kalau kita katakan gerai-gerai Melayu dirobuhkan ini keluar dalam surat khabar Melayu, gerai-gerai Cina pun gerai-gerai India pun dirobuhkan tak keluar pun dalam surat khabar Melayu tetapi keluar dalam surat khabar Cina atau pun India, jadi perkara

ini kita patutnya kita sebagai Y.B. kita perlu redakan perkara ini dan kita maju ke depan seterusnya Y.B. Dato' Speaker....(gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sedikit penjelasan, berkenaan yang berkenaan dengan peniaga-peniaga Bazar Ramadhan di KOMTAR itu, jadi Y.B. Penanti kata selesai tapi kalau kita melihat kepada surat khabar ini, peniaga di KOMTAR kata mereka sedia ke mahkamah makna isu ini masih berlarutan kerana ada tuntutan-tuntutan tertentu, sedia lawan ini makna dia sedia lawan makna dia belum selesailah jadi Yang Berhormat pernah sebut...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, itu merupakan kes yang lain. Dia ada dua Y.B. Sungai Dua, yang satu pasal bazar Ramadhan dan yang satu lagi tu pasal di KOMTAR yang dibangkitkan oleh beberapa orang peniaga di KOMTAR. Isu yang dulu tu dia orang datang jumpa saya, kita katakan kita takkan ambil tindakan selagi sebelum depa Hari Raya Aidilfitri kita katakan boleh meniaga sampai hari Hari Raya Aidilfitri selepas itu kita bagi tempoh. Kita ambil tindakan di Komtar itu sebab pihak PDC ingin membuat pengubahsuaian di tingkat 3 di KOMTAR untuk membolehkan ruang-ruang niaga dengan lebih kemas dan teratur lagi. Jadi kita berbincang kita berunding dengan peniaga-peniaga di KOMTAR mereka bersetuju tidak jadi hal tapi selepas bersetuju itu balik timbul bantahan lagi. Jadi bila kita tengok timbul balik bantahan itu dikatakan ada pihak-pihak lain yang memberi jarum yang pergi mengusik yang pergi mereka untuk membuat suara-suara tindakan dan juga untuk membantah apa yang mereka persetujui di peringkat awal dan kita boleh namakan siapa mereka ini so kalau pihak peniaga-peniaga ingin ke mahkamah silakan sebab kita dah berikan ruang cukup kepada mereka dan mereka bersetuju sejak awal dan kalau di isukan sejak awal kita tidak memberi ruang memberi peluang tidak timbul di sini. ...(gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan, tapi dalam akhbar ini menyatakan saya telah 3 kali hantar surat kepada Y.B. Timbalan Ketua Menteri I, untuk berbincang sehingga sekarang tidak menjawab. Beliau asyik sibuk sahaja Sinar, Sinar bukan Utusan Sinar...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I

Itu dia hantar surat berkenaan apa? Kita senang macam ini ...(gangguan) isu itu sebenarnya patut tak timbul lagi dah sebab sebelum diarahkan untuk pindah keluar kita panggil dan berbincang dan berunding dengan mereka, KMA bersetuju kata selepas buat *renovation* kita pindah dan selepas *renovation* esok pihak pengurusan KOMTAR akan membuat temu bual lain untuk mendapatkan peniaga-peniaga yang lain dan mereka bersetuju pada peringkat awal dan

selepas itu ini bukan isu lagi dan tentang tulis surat kata saya yang saya tak nak jumpa dia tu berkenaan dengan apa? Dia menyatakan dengan apa...(gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya bercakap tentang isu Bazar Ramadhan, Y.B. bercakap tentang isu peniaga-peniaga di KOMTAR, saya bercakap tentang...(gangguan) saya kata isu Bazar Ramadhan belum selesai kalau Y.B. Penanti nanti kata isu Bazar Ramadhan sudah selesai pastu saya bangkitkan isu, Y.B. Batu Maung diam, diamlah nak bercakap bangkitla..isu Bazar Ramadhan yang saya cakap tadi semasa penggulungan Y.B. Penanti kata isu Bazar Ramadhan selesai tetapi saya kata isu Bazar Ramadhan tak selesai kerana hari ini keluar surat khabar kata menimbulkan lagi masalah kepada peniaga-peniaga tersebut....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Sungai Dua, tadi kita kata ada 2 kes tentang isu Bazar Ramadhan. Satu, di Chowrasta itu *last year* sudah selesai okey, tahun ini mereka berniaga tidak ada masalah yang kedua di tingkat 3 KOMTAR itu pun sudah selesai, so yang mana lagi...(gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Penanti kata selesai tetapi yang hari ini, peniaga-peniaga di KOMTAR kata sedia lawan, itu sebenarnya belum selesai la...(gangguan), hak yang saya cakap hak KOMTAR, la makna belum selesai kalau kata selesai Bazar Ramadhan di KOMTAR belum selesai tadi Y.B. Penanti kata selesai, kenapa saya tak faham *you* la tak faham....(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

Nanti saya cerita sekali lagi, yang Chowrasta sudah selesai Y.B. Sungai Dua setuju?...(gangguan) yang itu Yang Berhormat setuju?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tak, tak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

Okey Chowrasta tak cakap setuju la?, selesai okey, tinggal KOMTAR, isu KOMTAR tadi yang timbul berkenaan dengan KIMMA kan? KIMMA yang meniaga kat situ persatuan KIMMA tersebut namakan ini la senang *alright*, tadi saya tak mau sebut nama sekarang kita sebut nama senang so kita sebelum membangkitkan isu ini jadi dengan ahli jawatankuasa dia mari berjumpa dengan saya dengan pejabat saya kata depa PDC telah memberi notis kepada mereka-mereka, tak apa saya kata nanti kita berbincang selepas berbincang dengan PDC apa semua dengan Y.A.B. Ketua Menteri apa jadi selesai benda itu jangan ambil tindakan tunggu selepas Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidilfitri lepas satu bulan, pihak PDC boleh memulakan semula kerja-kerja pembaikpulihan *renovation* itu persetujuan dan janji mereka so bagi saya selepas tamat satu bulan patutnya selesai habis sebab mereka janji untuk pindah, untuk memberi

ruang memberi peluang memberi laluan kepada pihak PDC untuk membuat kerja-kerja pembaikpulihan dan juga *renovation* jadi apa lagi yang tidak selesai? Kalau tidak selesai maknanya mereka mahu lawan, tak mahu pindah tunjuk sikap degil jadi tak selesai apa...(gangguan).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Okey, minta penjelasan. Saya bercakap bukan isu tentang ini saya bercakap tentang bahawa isu bazar Ramadhan kita semua tahu. Isu yang timbul ketika itu isu penyewaan daripada peniaga-peniaga ini yang PDC meminta sewa yang begitu tinggi kepada semua peniaga ini dan mereka tidak membayar kemudian mereka minta diadakan satu rundingan dengan Y.B. Penanti, dia kata dia hantar surat 3 kali untuk berjumpa dengan Y.B. Penanti, Y.B. Penanti tak bagi jawapan ini yang ditimbulkan...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Bagi saya isu itu bermakna rundingan dengan mereka dah habis...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Rundingan peringkat awal memang selesa, tapi isu untuk minta bayaran itu yang mereka minta rundingan 3 kali, depa hantar surat ..(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Itu kena berurusan dengan PDC lah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tak mereka nak berjumpa dengan Y.B. Penanti tapi Y.B. Penanti tak mau berjumpa 3 kali hantar surat ni...(gangguan).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sekarang ini rundingan dengan PDC kalau nak ke mahkamah, biar dia urus dengan mahkamah itu hal dia...(gangguan), tak apa saya teruskan Y.B. Dato' Speaker, ADUN Y.B. Teluk Bahang menimbulkan isu berkenaan dengan pengambilan balik dewan-dewan terutama sekali di Balik Pulau dan juga ada lagi kes-kes pengambilan dewan di beberapa tempat, saya akan campurkan kesemua sekali berkenaan dengan isu dewan ini. Sebagai makluman Y.B. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya melalui surat bertarikh 18 Oktober 2010 telah mengeluarkan notis pengambilan alih dewan-dewan seperti berikut:

- (1) Dewan Belia Jalan Tengah;
- (2) Dewan Rumah Murah Lama;
- (3) Dewan Rumah Murah Baru;

- (4) Dewan Batu Maung;
- (5) Dewan Belia Kampung Baru Sungai Ara;
- (6) Dewan Masyarakat Taman Sungai Ara;
- (7) Dewan Persatuan Penduduk Taman Desa Ria Sungai Ara;
- (8) Dewan Belia Desa Mayang;
- (9) Dewan Belia 4B; dan
- (10) Dewan Teluk Bahang.

Okey, sebenarnya kesemua dewan-dewan ini terletak di atas tanah Kerajaan Negeri dan merupakan hak milik Kerajaan Negeri yang sebelum ini dewan-dewan ini dibenarkan beroperasi seperti biasa kerana tiada keperluan yang mendesak dari masyarakat walau bagaimanapun, selaras dengan pertambahan JKKK di seluruh Negeri Pulau Pinang hingga ke peringkat komuniti persatuan penduduk maka dewan-dewan ini perlu diurus, diselenggarakan dan diguna dengan lebih lancar dan sistematik tanpa sebarang isu dan oleh itu, dewan-dewan ini akan diurus tadbir oleh Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya bagi memastikan pelancaran penggunaannya oleh masyarakat setempat. Yang timbul isu di sini Yang Berhormat, ialah keengganan pengguna dahulu untuk menyerah semula dewan-dewan ini kepada JKKK baru itu yang menjadi kekeliruan.

Itu yang menjadi kekecohan, jadi kita membuat dasar sekarang ini, seperti juga dengan dasar dahulu, sama juga dengan pemerintahan Barisan Nasional dahulu. Kesemua dewan-dewan ini kita kegunaan kepada pihak JKKK, jadi sekarang ini JKKK telah bertambah daripada 120 JKKK sekarang ini sudah menjadi 200 lebih JKKK. Kesemua JKKK ini kerana kita hendak memperkasakan rakyat di peringkat akar umbi. Mereka memerlukan tempat-tempat untuk bukan sahaja bermesyuarat, bukan tempat untuk berhimpun tetapi tempat-tempat untuk memulakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Jadi itu dewan-dewan yang diarahkan untuk diambil balik, nanti ada yang hendak disebutkan lagi, saya akan memberikan ruang selepas ini nanti.

Y.B. Pematang Berangan mempersoalkan mengapa Pejabat Daerah dan Tanah mengarahkan semua kunci dewan orang ramai diserahkan. Jadi jawapan sama seperti itu, sebagai untuk makluman, arahan penyerahan balik kunci dewan hanya dikeluarkan bagi kemudahan dewan yang dibina di atas tanah Kerajaan Negeri sahaja dan tindakan ini selaras dengan keperluan perluasan JKKK seperti yang saya sebutkan sebentar tadi di mana sejumlah 142 JKKK baru yang diwujudkan mulai tahun 2010 dan secara prinsip pihak JKKK lama wajar menyerahkan kemudahan dewan yang ditadbir selia kepada JKKK baru yang dilantik manakala lain-lain kemudahan dewan di atas tanah Kerajaan Negeri yang melibatkan penggunaan pelbagai pihak akan diambil alih oleh Pejabat Daerah dan Tanah untuk diselia dan sebarang keperluan ataupun persatuan untuk menggunakan dewan tersebut perlu melalui permohonan yang akan diselaraskan penggunaan.

Maknanya kalau dewan-dewan yang boleh dikongsi, yang boleh berkongsi, maknanya tidak begitu tinggi, tidak begitu serius pertelingkahan di peringkat akar umbi. Pejabat Tanah dan Daerah boleh ambil dewan itu, kawal selia dewan itu dan kalau ada kegunaan boleh pergi minta di Pejabat Daerah.... (gangguan), sekejap lagi Y.B. Sungai Dua, dan sebagai langkah keselamatan di dewan yang merupakan aset kepada Kerajaan Negeri, maka sewajarnya seperti

yang saya katakan sebentar tadi di kunci dewan-dewan berkenaan, disimpan di Pejabat Daerah dan manakala pendua diserahkan kepada pihak JKKK dan pemantauan mengenai berkala dari masa ke semasa turut dilakukan ke atas dewan-dewan yang terlibat untuk memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan.

Walau bagaimanapun Pejabat Daerah dan Tanah yang bertanggungjawab penuh ke atas aset berkenaan boleh mempertimbangkan untuk memberikan kebenaran kepada pertubuhan ataupun persatuan lain untuk menggunakan mana-mana dewan yang dikenal pasti untuk kesesuaian aktiviti mereka, dan dalam konteks ini keutamaan diberikan kepada JKKK memandangkan ianya merupakan jawatankuasa rasmi yang di lantai oleh Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam pentadbiran serta program kemasyarakatan komuniti di peringkat masing-masing, okey silakan Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih, saya cuma hendak membangkitkan memang kita akui bahawa kerajaan, hak tanah kerajaan, kerajaan kuasa betul, tetapi apa yang kita kesalkan, Pejabat Tanah menghantar surat mengatakan hendak mengambil dewan suruh menyerahkan kunci pada sekian-sekian hari bulan, tetapi belum sampai pada hari itu, ada parti-parti tertentu sudah pergi pecah pintu tersebut. Ini satu contohnya isu ini, maknanya tindakan beberapa orang pada parti berkenaan telah pergi pecah pintu itu sebelum Pejabat Daerah meminta kunci diserahkan 12 hari bulan sebelas, tetapi pada 9 hari bulan telah pergi pecahkan pintu. Ini nampak samseng, jadi benda semacam ini kena nasihatkan dan Yang Berhormat pun faham juga dan saya tidak mahu sebutkan parti mana.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Minta Laluan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Terima kasih, Y.B. Penanti, saya terima penerangan yang diberikan oleh Y.B. Penanti yang menyatakan JKKK perlu menggunakan dewan, saya hendak memberi tahu dewan yang ada di kawasan saya, kawasan DUN Telok Ayer Tawar ada tiga JKKK dan apabila Pejabat Daerah menghantar surat minta serahkan kunci semua ketiga-tiga dewan JKKK dulu perlu pakai serahkan kepada Pejabat Daerah untuk digunakan, walaupun dewan yang satu baru sedang panas dan siap, dan cantik hanya basuh kaki masuk sahaja. Jadi yang dewan-dewan lain hampir 20 dewan yang ada di kawasan saya, bukan dewan yang digunakan oleh JKKK dahulu pun, dewan-dewan itu digunakan oleh persatuan penduduk, oleh KRT, oleh Khairat kematian, oleh belia, oleh kelab sukan, berbagai NGO, kenapa pula dewan-dewan ini perlu diserahkan, pada hal dewan ini digunakan sepenuhnya, siang pun ada, petang pun ada, malam pun ada, kelas agama, kelas masak, aktiviti kemasyarakatan, kenapa hendak disuruh serah dewan ini, pada hal ianya digunakan oleh masyarakat dan tidak melibatkan JKKK langsung. Jadi saya minta Kerajaan Negeri mempunyai keprihatinan, kalau berjiwa rakyat, mengutamakan rakyat tentu sekali menang,

dan saya hendak memberitahu pada Dewan ini selenggarakan dengan baik, tidak ada sebab kenapa hendak diambil alih, hanya tujuan politik sahaja.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai):

Minta laluan, terima kasih. Y.B. Penanti, Y.B. Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini, pada Oktober yang baru-baru ini di Kampung Bagan Jermal, ada satu kebakaran berlaku. Pada hari ini saya turun padang ke sana, saya pun menolong mereka membukakan balai rakyat untuk mangsa-mangsa kebakaran. Lebih kurang 20 lebih keluarga pindah ke balai rakyat tersebut iaitu Bagan Jermal. Balai rakyat Bagan Jermal, dahulu tahun 2008, apabila kita hendak mengambil alih semula dewan ini, sepatutnya diuruskan oleh Pengerusi JKKK yang lama, yang itu orang UMNO, selepas itu JKKK kita tukar kepada pengerusi yang baru, tetapi kita tidak mengambil kunci itu, kita menguruskan satu tuisyen kelas secara percuma di balai rakyat tersebut, seperti yang Y.B. Penanti katakan tadi, kalau kita boleh berkongsi, kita akan berkongsi kerana dia tidak menimbulkan masalah, tetapi pada kes kebakaran ini, bila kita nampak ada kebakaran, jadi kami panggil pengurusan yang membuka tuisyen kelas, membukakan balai rakyat, kerana kita hendak menguruskan keluarga itu masuk dan tinggal sementara di balai rakyat tersebut, tetapi bila orang kita pergi membuka balai rakyat tersebut, kita nampak ada satu lagi *lock* yang baru, *immediately* ada satu *lock* yang baru, jadi apa yang kita buat, kita pecahkan sahaja *lock* itu, tidak tahu siapa, tapi pecahkan *lock* itu, jadi keluarga itu pun pindah masuklah. Pengerusi JKKKP dari UMNO datang dan kacau, dia mengatakan *lock* itu, saya yang kuncikan, siapa pun tidak boleh pindah masuk, apakah yang itu kelakuan macam samseng, itu bukan tindakan yang berjiwa rakyat, jadi perkara ini dia cuma jelas yang tindakan seterusnya hendak mengambil balik ke semua harta kerajaan mesti diuruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sebenarnya isu dewan ini, sudah dua tahun lebih Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan Negeri ini dan menjadi satu perkara yang cukup tidak wajar apabila dewan-dewan ini tidak dapat dikembalikan, tidak dapat diberi balik kepada pihak JKKK. Ini adalah satu perkara yang cukup tidak wajar, sepatutnya selepas kita mengambil alih kerajaan, dewan-dewan yang kita perlukan untuk JKKK baru ini patutnya diserahkan kembali tidak sepatutnya timbul sebarang keraguan lagi. Atas tanah Kerajaan Negeri, kalau di atas tanah Kerajaan Persekutuan, seperti dewan PERDA, kita tidak kacau dan atas tanah persendirian.

Ada tiga kategori, satu dewan-dewan di atas tanah persendirian, satu lagi dewan-dewan di atas tanah Kerajaan Persekutuan dan satu lagi di dewan-dewan di atas tanah Kerajaan Negeri, kalau kerajaan BN dahulu pun dia akan ambil dan dia tidak beri orang pakai dulu, dan memang masalah banyak daripada pengerusi-pengerusi JKKK yang baru dan izinkan kalau saya hendak membacakan senarai ini yang belum disenaraikan di Daerah Seberang Perai Utara sahaja, di Sungai Dua dewan orang ramai Desa Murni Fasa 2, tidak boleh diserahkan lagi, Permatang Berangan, Padang Menora Fasa 2, tidak boleh serah lagi

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Padang Menora Fasa 2, belia pakai, masakan kita hendak mengambil hak belia.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ya lah, ini merupakan hak MPSP.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya lah yang itu, MPSP itu taman bimbingan kanak-kanak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Nanti-nanti saya bacakan lagi. Permatang Berangan, Padang Menora Dewan Orang Ramai Jarak atas, itu hak Kerajaan Negeri juga atas tanah Kerajaan Negeri, Permatang Berangan, Simpang Tiga Tasik Gelugor, Pusat Penempatan Banjir Paya Tok Akil, itu pun belum lagi diserahkan, ada bendera lagi bubuh di tepi itu, ada khemah lagi bubuh di situ, orang hendak masuk pun tidak boleh.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, kes itu, Pegawai Daerah baru hantar surat 12 hari bulan baru menyerah kunci,

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Ini telah dua tahun.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya lah, Pejabat Daerah baru hantar surat pada 12 hari bulan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tidak mengapa, ini saya hendak baca lagi, sebenarnya berpuluh-puluh lagi dewan yang belum lagi diserahkan. Ini baru di SPU, Telok Ayer Tawar, Permatang Kucing, Dewan Orang Ramai Taman Senangan, Taman Melati, di Telok Ayer Tawar juga di Bagan Ajam.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Penjelasan, Taman Senangan bukan duduk diatas tanah Kerajaan Negeri.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Nanti, saya hendak membacakan sekali lagi. Telok Ayer Tawar ada empat, Bagan Ajam, Dewan Panorama Taman Tun Dr. Awang, itu di Telok Ayer Tawar ada empat. Okey silakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Saya minta Pejabat Daerah buat kajian sehabis-habisnya, sama ada itu tanah Kerajaan Negeri ataupun tanah persendirian ataupun tanah Kerajaan Pusat, Dewan Taman Senangan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvaran Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Minta laluan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Nanti dahulu, Taman Senangan, saya bersetuju itu tanah persendirian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan, boleh, terima kasih. Tentang dewan-dewan ini memang pada peringkat awal, ingat dahulu semasa di peringkat awal lagi kerajaan PKR ambil alih bukan main lagi paksa, rampas dewan-dewan ini, masuk pecah pintu, pecah mangga itu, masuk ada yang telah diambil, tetapi hari ini lebih *proper* sedikit, hantar surat minta, itu baguslah, tetapi memang boleh dikatakan hampir semua dewan-dewan terletak atas tanah kerajaan, memang tanah Kerajaan Negeri, tetapi dewan-dewan ini diusahakan oleh Barisan Nasional dan berbagai-bagai pihak, yang minta duit daripada Kerajaan Pusat, dan kebanyakan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang bagi termasuk dewan di Telok Bahang, memang tanah kerajaan diberikan kebenaran menggunakan tanah kerajaan dahulunya, dan dewan ini diusahakan oleh belia sebenarnya, belia 4B, dia ada dewan yang lama, pemaju ambil balik dan dapat RM50,000.00 dan wakil rakyat pada masa itu, kawasan saya dan pergi mencari lagi RM50,000.00 lagi buat satu dewan lagi RM100,000.00. Jadi hari ini belia menganggap dewan itu, dewan dia, dan dia amat-amat menghargai dan menggunakan sepenuhnya dewan itu. Jadi kalau diberikan kepada orang lain kepada JKKK dan sebagainya, persoalannya dia boleh menggunakan secara bebas, dan semua kelengkapan sedia ada, tiba-tiba orang lain masuk, bila dia hendak menggunakannya tidak boleh, yang ini yang dibimbangkan, sebab itu saya katakan elok dewan-dewan ini dikekalkan kepada pengurusan masing-masing dan bila JKKK hendak pakai, pakailah dan minta kebenaran dan saya ingat boleh bekerjasama, tidak perlu mengambil alih, bila mengambil alih melibatkan pengurusan, kos penyelenggaraan, jadi lebih baik seperti keadaan sekarang dan teruskan dan mereka menyelenggarakan sendiri dan tidak susahkan mana-mana pihak pun.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvaran Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya mintakan penjelasan, maaf Y.B. Penanti, saya cuba hendak bertanya soalan, adakah benar bahawa satu dewan yang juga dibina di atas tanah Kerajaan Negeri Pulau Pinang di kawasan Telok Ayer Tawar, sebenarnya dan sepatutnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi saya difahamkan baru-baru ini juga bila Y.B. Batu Maung bila beliau pergi ke sana majlis keramaian, beliau dilarang daripada menggunakan dewan tersebut dan

kononnya dewan itu menjadi pusat khidmat Y.B. Telok Ayer Tawar, adakah itu benar, saya ingin bertanya?

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Tolong bagi penjelasan, tolong maklumkan dewan di mana itu? Itu tidak betul semuanya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Tidak mengapa sekejap lagi Y.B. Batu Maung berikan pengesahan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt Hamid):

Tolong bagi tahu Y.B. Batu Maung, Dewan yang mana yang tidak bagi dia masuk.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I.

Okey, boleh-boleh kita akan bagi tahu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

ADUN Telok Ayer Tawar, nampak sangat tidak betul.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I.

Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya isu-isu dewan ini tidak perlu dibangkitkan lagi, tidak perlu timbulkan lagi, dia masalahnya seperti ini, masalahnya bila JKKK kita hendak mengambil alih pergi duduk, bukan tidak ada masalah, JKKK dahulu jawab dengan keras, jawab dengan kasar, hampa ingat hampa ada kuasa kah, boleh datang ambil, hampa menang hampa ingat boleh ambil, tunjukkan kuasa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan, mungkin cara mereka pergi minta tidak kena, saya dengan orang PAS tidak ada masalah pun.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I.

Saya beritahu sahaja, itu adalah *respond* dan cara yang mereka beritahu kepada kita, jadi kita ambil keputusan seperti ini, kerajaan ambil keputusan seperti ini, kalau dewan yang hendak dikongsi kegunaan, dia tidak ada masalah, itu yang kita katakan, kalau tempat yang boleh kita kongsi kita serahkan kepada Pejabat Daerah untuk tadbirkan, tempat yang tidak berfungsi itu, JKKK ambil alih itu keputusan kita, sebab ini adalah hak Kerajaan Negeri dan JKKK negeri ambil untuk urus tadbir dan kalau orang lain hendak menggunakan dewan itu, ini mengikut prosedur biasa sahajalah, dia *apply*, bayar sebab pengurusan dewan ini bukan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga, sebab ada dengan bil air, bil api, jadi dia kena uruskan dengan baik.

Jadi kita putuskan seperti itu, jadi sekiranya timbul masalah yang lain yang mana JKKK atau persatuan penduduk tidak boleh pakai kalau ada masalah, tulis surat kepada dia dan kita akan tengok di tempat mana, dan kita akan kaji dan kita akan buat berdasarkan kepada kes-kes, tetapi polisi Kerajaan Negeri ialah yang dewan sepatutnya diserahkan kembali kepada JKKK negeri untuk mereka sebab kita telah tambah kawasan-kawasan JKKK dan JKKK ini memerlukan tempat-tempat untuk beroperasi untuk bermesyuarat, untuk menjalankan aktiviti-aktiviti di kawasan mereka itu keputusan.

Ahli Kawasan Pantari Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta penjelasan, Y.B. Penanti kata, kita harus mengambil balik tetapi Y.B. Telok Bahang mengatakan sebenarnya ada dewan daripada Belia yang hendak pakai dan sebagainya. Saya hendak bertanya sebenarnya berlaku di kawasan saya pun ada satu kes, di mana tanah-tanah orang lain tetapi ada banyak penduduk, orang kata sebagai kampung setingan tetapi dewan itu dibina dan dikatakan menggunakan duit daripada Kerajaan Pusat dan JKKK daripada Sungai Nibong Tengah minta hendak membuat tuisyen kelas secara percuma untuk kanak-kanak umur 10 tahun, tak bagi, tetapi orang UMNO tidak berikan, JKKKP kata tidak boleh dan hanya dewan itu digunakan untuk siapa? Untuk wanita UMNO buat mesyuarat sahaja, langsung tidak bagi, apabila kita tanya dengan cara baik, kalau boleh kita bagi kanak-kanak adakan tuisyen kelas, mereka tidak berikan, ini adalah satu pendidikan, jadi apa yang dikatakan Y.B. Telok Bahang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I.

Y.B. Dato' Speaker, pihak saya telah menerima aduan daripada kedua belah pihak, daripada pihak kita pun semacam itu, dari sebelah sana ada seperti itu. Jadi kita akan mempertimbangkan perkara ini dan saya akan membuat keputusan tadi, Kerajaan Negeri membuat keputusan untuk mengambil alih itu sebab kes-kes daripada Yang Berhormat daripada Pakatan Rakyat. Jadi kita beri keutamaan kepada JKKK negeri, itu keputusan daripada Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Adun Pulau Tikus telah mencadangkan agar Kerajaan Negeri menubuhkan tapak pembangunan industri kecil dan sederhana, SMI di Penang Sains Park dan sebagai makluman pada Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod Perbandaran Pembangunan Pulau Pinang, PDC, sejak tahun 2000 terdapat sejumlah 85 unit SMI yang telah dibangunkan di taman perindustrian di Bukit Minyak yang membantu pengusaha kecil dan sederhana mendapatkan tempat untuk bertapak dan memulakan perniagaan dan di samping itu plot-plot tanah kecil bersaiz 0.5 sehingga 1 ekar juga telah dijual kepada satu syarikat SMI. Selain dari itu PDC akan melancarkan dua projek kilang siap bina berjumlah 48 unit SMI di Bukit Minyak dan Penang Sains Club dan pada masa yang sama tanah seluas 20 ekar telah dikenal pasti di Penang Sains Club sebagai tapak pembangunan SMI di masa hadapan dan projek ini akan dibangunkan secara berperingkat, keutamaannya adalah diberikan kepada syarikat-syarikat SMI yang menjalankan aktiviti yang digalakkan oleh Kerajaan Negeri yang bersesuaian. PDC juga dalam perancangan untuk mengembangkan Penang Sains Club dan membangunkan kawasan perindustrian baru di Batu

kawan di mana ianya akan menawarkan peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat SMI.

Seterusnya Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Padang Lalang membangkitkan tindakan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan infrastruktur di kawasan perindustrian dan bagi pemantauan kawasan perindustrian Seberang Perai, Jawatankuasa kerja perindustrian telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan dihadiri oleh agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan serta persatuan pengilang dan Jawatankuasa

ini sentiasa mengadakan mesyuarat dari masa ke semasa bagi membincangkan permasalahan yang timbul di taman perindustrian Seberang Perai dan juga kaedah meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyelenggaraan di kawasan berkenaan.

Y.B. Dato' Speaker, saya sekarang membicarakan tentang isu JKKK, ini telah pun dibangkitkan oleh Y.B. ADUN Komtar, menyentuh berkenaan dengan perancangan Kerajaan Negeri dalam menangani isu keberkesanan fungsi Jawatankuasa Kemajuan Komuniti JKKK dan masalah dari segi tempat operasi yang baru kita sebutkan tadi tentang dewan-dewan. Sebagai makluman Y.B. Komtar, Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan peranan yang dimainkan oleh JKKK bagi memastikan ianya sentiasa relevan dengan perubahan persekitaran dan kehendak penduduk setempat yang diwakili oleh mereka. Sehubungan itu pihak Kerajaan Negeri mengambil maklum pandangan Y.B. Komtar agar rombakan dilakukan ke atas JKKK tidak aktif selain memberi tunjuk ajar dan panduan kepada mereka dalam mengurus JKKK dan program gotong-royong juga merupakan antara lazim yang setiap JKKK yang ditubuhkan di mana ianya merupakan aktiviti asas dalam kelompok masyarakat di komuniti masing-masing dan usaha ini boleh dimantapkan melalui program secara berkala dan konsisten melalui perancangan yang dilakukan oleh setiap JKKK dan dalam usaha untuk memperkasakan organisasi JKKK Kerajaan Negeri juga telah memastikan bahawa, pemilihan ahli-ahli yang menganggotai JKKK dibuat secara tulus melalui Jawatankuasa pemilihan JKKK di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan ahli-ahli yang dilantik benar-benar berkaliber dan berkebolehan dalam mengerakkan JKKK secara aktif di komuniti masing-masing dan pemilihan Jawatankuasa ini akan berkuat kuasa mulai daripada lantikan JKKK tahun 2011 dan 2012.

Ahli-ahli JKKK yang dilantik juga didedahkan kepada amalan pengurusan baik melalui penganjuran kursus-kursus, bengkel-bengkel, taklimat-taklimat dan program JKKK anugerah terbaik dan lawatan sambil belajar dan Kerajaan Negeri sedar dengan masalah yang dihadapi oleh sesetengah JKKK yang tidak mempunyai tempat beroperasi yang khusus dan baru kita bincangkan tadi. Sehubungan dengan itu beberapa langkah sedang diambil di antaranya berbincang dengan pihak MPSP dan juga MPPP untuk menawarkan dewan di bawah tanggungjawab mereka kepada JKKK yang berdekatan dengan dewan-dewan berdekatan. Di samping itu juga pihak Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan cadangan untuk membekalkan kabin-kabin khas kepada JKKK untuk dijadikan pejabat ataupun pusat operasi dan selaras dengan itu untuk memperkasakan lagi JKKK di peringkat akar umbi di samping menganjurkan kursus-kursus. Kursus pendedahan awal yang diberikan sendiri

oleh jabatan-jabatan teknikal di dalam negeri ini, kita juga mengundang pihak pakar runding daripada luar untuk menjalankan dan memberikan kursus kepada JKKK yang berkenaan.

Setakat ini beberapa ADUN yang telah membuat kursus-kursus ini atas inisiatif mereka sendiri, yang saya tahu Y.B. Pantai Jerjak telah mulainya, Pantai Jerjak telah mulainya dan juga beberapa ADUN lain. Di sini saya ingin juga menyeru rakan-rakan ADUN yang lain supaya kita memberi perhatian memberi kursus kepada JKKK di bawah ADUN kita masing-masing. Modul latihan ada,

kita boleh pilih yang bersesuaian untuk kita dan di samping memberikan kursus-kursus ini galakan untuk diberi ataupun insentif turut diberi kepada JKKK yang daya maju. Di samping itu kita ada program pengiktirafan dengan memberi hadiah kepada JKKK yang terbaik dan kita ada pemilihan. Jadi dalam tahun ini kita dalam proses memilih JKKK yang terbaik untuk kita memberi ganjaran-ganjaran supaya ianya memberi contoh dan juga motivasi kepada JKKK yang lain supaya lebih daya maju di masa akan datang.

Di antara kriteria-kriteria yang kita gunakan ialah melihat aktiviti-aktiviti organisasi, kekerapan bermesyuarat, keberkesanan mengambil mesyuarat keberkesanan mengumpul dana dan lain kriteria-kriteria yang diambil oleh ahli panel dan di tahun lepas kita menghantar rombongan yang berjaya ini keluar Negara untuk mempelajari ataupun lawatan sambil belajar. Tahun ini kita sedang memikirkan satu ganjaran yang lebih baik lagi bagi memanfaatkan bukan sahaja JKKK, tetapi juga penduduk-penduduk setempat. Di samping itu Y.B. Dato' Speaker untuk memantapkan lagi JKKK ini supaya mereka boleh berdikari kita galakkan JKKK menubuhkan koperasi. Jadi setakat ini saya *target* kan lebih kurang 10% JKKK untuk mewujudkan koperasi masing-masing sehingga kini ada 13 koperasi, walaupun ada 33 yang telah berdaftar tetapi belum mendapat kelulusan daripada SKM, hanya 13 yang baru lulus dan perjalanan dia agak lembab, kita bercadang, Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat satu koperasi gabungan satu di Pulau dan satu lagi di Seberang supaya mereka boleh mengerakkan aktiviti dengan lebih mantap lagi. Y.B. Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Mohon penjelasan, saya ingin bertanya kepada Y.B. Penanti, saya difahamkan bahawa ada satu konsep produk di bawah satu koperasi JKKK, jadi boleh maklumkan apa yang produk utama yang akan diperkenalkan oleh 13 koperasi JKKK tersebut.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih, Y.B. ADUN Komtar, hari ini saya ingat belum khusus lagi, dan kita ingin cadangkan satu koperasi diwujudkan, terutama sekali dalam bidang seperti di Seberang, dalam bidang pertanian dan di sebelah Pulau ini ialah produk-produk perdagangan yang banyak. Setakat ini yang aktif yang saya nampak adalah koperasi ibu tunggal yang menjalankan aktiviti-aktiviti perdagangan. Maknanya mengumpul kuih-kuih tradisional yang di kampung untuk dipasarkan. Kemudian satu lagi ialah pertanian yang dalam pulau ini belum cuma di Balik Pulau di Pondok Upeh dan juga di Titi Teras yang ada program yang khusus dengan produk pelancongan pun ada juga. Jadi, saya

jangkakan yang selepas ini, selepas kita berjaya gabungkan kesemua koperasi-koperasi ini menjadi satu gagasan yang lebih besar, jadi Kerajaan Negeri akan berusaha untuk membantu mereka supaya ia menjadi satu organisasi yang lebih kuat, lebih berdaya maju dan boleh berdikari. Itu harapan kita. Terima kasih Yang Berhormat Komtar.

Y.B. Dato' Speaker, ADUN Pantai Jerejak juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri mewujudkan Tabung Pendidikan Demokrasi yang bertujuan memberi peluang kepada badan-badan NGO menjalankan program dan aktiviti

untuk meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai demokrasi dan Kerajaan Negeri sedar mengenai kepentingan menjaga demokrasi dan perpaduan rakyat. Cadangan ini merupakan cadangan yang baik dan kita akan memberi pertimbangan selepas kita membincang dengan lebih mendalam lagi. Setakat hari ini, di bawah Kerajaan Tempatan, portfolio Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri ada wujudnya *speakers corner* di Esplaned iaitu sebagai langkah awal untuk memberi pembelajaran kepada warga Pulau Pinang supaya mengambil bahagian dan dalam hal-hal kepentingan hak-hak asasi dan juga kebebasan bersuara. Silakan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Penjelasan, tadi saya kerana kesuntukan masa tidak simpati memaklumkan bahawa kita pun akan anjur *Local Democracy Week* dalam bulan Disember ini untuk menaikkan kesedaran tentang demokrasi dan pilihan Kerajaan Tempatan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih. Y.B. Dato' Speaker, Y.B. ADUN Bukit Tengah mengutarakan cadangan mengadakan program hak asasi sivil dan politik melalui Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat. Kerajaan Negeri menyambut baik cadangan ini Y.B. Dato' Speaker dan kita akan memperhalusi dengan terperinci lagi supaya ia dapat digabungkan dengan lain-lain usaha untuk ke arah pendemokrasian.

Y.B. Dato' Speaker, saya telah memberi jawapan kepada soalan-soalan khusus yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Sekarang izinkan saya untuk memberi respons sedikit kepada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh terutama sekali Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada pembangkang. Pertama sekali saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain mempersoalkan juga sedikit memberi penerangan sedikit tentang skim warga emas ini walaupun telah banyak diperkatakan. Saya sekali lagi bersama-sama dengan rakan-rakan dalam kerajaan menyatakan ini merupakan satu program atau skim yang baik untuk kita memberi manfaat dan penghargaan kepada rakyat kita yang berumur 60 tahun ke atas dan yang mengundi di Negeri Pulau Pinang ini. Ini sebagai satu penghargaan untuk memupuk budaya kekeluargaan di kalangan warga emas kita supaya anak-anak dapat menghargai dan memberi pengiktirafan kepada ibu bapa mereka. Jadi bukan duit itu yang sangat. Bukan duit RM100.00 itu yang sangat tetapi kita hendak memupuk budaya itu budaya kasih sayang itu dan kita cukup kesal sekali.

Saya cukup kesal sekali apabila Yang Berhormat pembangkang membangkitkan isu soal halal haram ini. Dalam hal ini Y.B. Dato' Speaker, saya betul-betul hairan ini sejak bila yang UMNO ini cukup *concern* tentang halal haram ini. Saya betul-betul hairan sebab apa(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan, penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sekejap lagi Yang Berhormat Sungai Dua. Kita tahu UMNO ditubuhkan daripada awal dahulu, UMNO yang mula-mula wujudkan Skim Loteri Kebajikan Masyarakat, yang bagi suruh orang beli semua skim Loteri Kebajikan Masyarakat dan sekarang ini kita buat program ini untuk kebajikan masyarakat untuk memberi penghargaan kepada warga emas kita, kepada orang-orang yang telah memberi sumbangan kepada Kerajaan Negeri. Jadi saya tidak nampak apa kesalahan, kesilapan kita kalau hendak persoalkan skim halal dan haram ini. Penerangan demi penerangan diberikan tentang soal segala halal dan haram ini oleh semalam Yang Berhormat Permatang Pasir pun beri. Yang saya nampaklah Y.B. Dato' Speaker ialah mungkin UMNO rasa bimbang jumlah orang yang mendaftar untuk mengikut skim warga emas ini.

Sekarang ini kita telah daftar 120,000 orang. 120,000 merupakan satu jumlah yang cukup besar dan tahun ini kita hendak perembangkan skim ini bukan sahaja kepada warga emas menunjukkan yang kita kerajaan ini kerajaan berjiwa rakyat, mesra rakyat. Kita kembangkan wang ihsan ini kepada bukan sahaja tetapi juga kepada ibu-ibu tunggal dan juga orang-orang OKU. Ini satu lagi saya rasa kalau skim ini tidak digagalkan ia akan menjadi satu usaha yang cukup baik bagi menambat hati rakyat orang di Pulau Pinang ini. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang pertama tadi, Yang Berhormat daripada Penanti tanya tadi bila UMNO, hai Yang Berhormat lupakah Yang Berhormat dalam UMNO dahulu. Memang UMNO sejak awal lagi berjuang Agama Islam. Dasar UMNO kita pun telah tahu, jadi kenapa Yang Berhormat persoalkan? Yang kedua, saya tidak nampak, *check* balik *hansard*, adakah Ahli-ahli daripada sini ini, sekerat itu datang ke sini sampai ke sekerat ini membangkitkan masalah duit RM100.00 kepada warga emas sebagai judi. Tidak, kami tidak bangkitkan yang itu dan yang kita bangkitkan adalah wang tabung kemiskinan tegar yang masuk dari (gangguan). Yang ini Yang Berhormat Batu Maung pun mengaku tadi kata duit tabung daripada Kelab Lumba Kuda masuk ke tabung ini, tabung kemiskinan. Buka balik *hansard*. Jadi kita tidak mempertikaikan warga emas. Jangan silap. Kita tidak pernah mempertikaikan bagi warga emas kerana kerajaan kita Kerajaan Barisan Nasional setahun bayar RM13 juta. Hai, kalau hendak bercakap, bangkitlah. Apa jadi pasarkah?

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Ya, curi wang warga emas. Saya bangkit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bila curi wang warga emas.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Curi wang warga emas.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tiada, siapa cakap.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Tadi awak cakap,

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya tidak cakap.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Hendak mempersoalkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Kita tidak pernah persoalkan duit warga emas.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Hendak mempersoalkan program penghargaan itu.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak mempersoalkan. Apa yang kita persoalkan adalah wang kepada miskin tegar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Wang miskin tegar yang UMNO was-waskan itu tetapi mengapa warga emas perlu kembalikan wang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Itu kerana was-was di luar. Orang dengar luar kata duit itu duit judi. Kita ini Ahli Dewan, kita pun faham dalam bajet ada.....(gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Curi wang warga emas, warga emas perlu *report* polis kepada UMNO.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Apa ini, pasarkah?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bukan pasar, Dewan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak pernah duduk Dewan, baru duduk sekali, itu yang melampau. Jadi inilah Y.B. Dato' Speaker, sikap-sikap ini. Kalau hendak bercakap tentang beri kepada orang tua. UMNO beri lama sudah, setahun RM13 juta dekat Pulau Pinang sahaja dekat orang tua. RM13 juta setahun, tanya Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau dekat OKU memang RM8 juta(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu bukan duit UMNO, itu duit rakyat Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini juga bukan duit Pakatan Rakyat, ini duit rakyat Negeri Pulau Pinang(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu bukan duit UMNO, rakyat Pulau Pinang(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini juga bukan duit Pakatan tapi duit rakyat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bukan duit UMNO, duit rakyat punya cukai.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini pun duit rakyat, rakyat bayar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Duduk, duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Pasal apa saya nak duduk, saya punya *floor*.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Sungai Dua, Yang Berhormat Seri Delima sila duduk. Saya bukan tidak mahu panjang, telah banyak kali sudah. Sudah letihlah, cukuplah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya pun tidak mahu panjangkan isu itu cuma satu *point* lagi saya hendak sebut ialah walau pun ada usaha-usaha daripada pihak

UMNO untuk itu tetapi yang saya hendak bangkitkan di sini ialah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri yang buat, bukan daripada Kerajaan Persekutuan macam duit SAR, Sekolah Agama Rakyat, skim warga emas dan juga skim ini. Ini yang di *initiate* yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Persekutuan dan saya yakin Y.B. Dato' Speaker, kalau kita tadbir Kerajaan Persekutuan, lebih daripada itu kita beri.

Y.B. Dato' Speaker, satu lagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pembangkang, saya perlu memberi penjelasan juga ialah tanah perkuburan Islam di Jelutong. Walaupun Yang Berhormat Batu Maung telah memberi penerangan yang agak panjang lebar, saya hendak tambah sedikit sahaja.

Saya hendak tambah sedikit sahaja Y.B. Dato' Speaker tetapi yang saya katakan sebentar tadi, *point* yang *last* sekali saya katakan. Maknanya inisiatif daripada Kerajaan Negeri itu patut ada. Semasa UMNO memerintah dahulu, dia ada 12 kerusi, ini apa Y.B. Dato' Speaker, 12 kerusi melebihi parti-parti lain di Negeri Pulau Pinang ini. Kenapa tidak wujud tidak ambil inisiatif pada masa itu untuk mengadakan. Itu soalan dia kalau kita betul-betul hendak mengadakan mengimarahkan masjid, hendak memartabatkan agama, hendak membelakan orang Melayu, kenapa tidak lakukan pada masa itu(gangguan) sekejap lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan, kita tidak akan bercakap satu kes Jelutong kata kita dah buat semua sedangkan masa kita dahulu kita ambil tanah berlambak.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya belum beri laluan lagi. Sekejap lagi boleh ambil Sungai Dua. Itu satu di Jelutong dan perkara ini sudah lama masalah tanah kubur ini tidak dapat diselesaikan. Selepas mereka mari berjumpa dengan kita, kita bincang dan sekarang ini kita ambil balik tanah itu dan buat tanah perkuburan. Jadi, itu kita dapat selesaikan.

Satu lagi Y.B. Dato' Speaker, satu lagi sebab Yang Berhormat Pantai Jerejak bangkitkan isu ini berkenaan dengan tanah yang depan dengan Masjid Sungai Nibong. Memang kita telah pun berunding dengan pihak JKP dan Alhamdulillah kita telah selesai untuk memberi hak milik atau pun rumah-rumah yang tertentu dengan JKP. Kita telah selesai yang itu. Kita panggil, saya panggil dan berunding, telah selesai masalah itu sudah tidak jempit.....(gangguan), sekejap lagi.

Yang belum selesai, ini yang saya hendak sebut. Yang belum selesai lagi ialah isu masjid itu hendak didirikan di sebelah itu dan ini masuk di bawah tanah SPMB. SPMB saya panggil berkali-kali untuk datang berbincang untuk selesai masalah itu tetapi tidak mahu mari datang. Jadi saya minta sekarang ini, saya minta Yang Berhormat tolong nasihatkan kepada SPMB supaya mari berbincang supaya kita dapat selesai masalah itu. Silakan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, Y.B. Timbalan Ketua Menteri I kita ini bercakap fasal tanah kubur ini seolah-olah bila telah selesai satu Jelutong ini kira, oh hebat kerana *recon* kita. Dia tahu kita buat tiap-tiap *almost* masjid kita ada pengambilan tanah buat tanah tambahan masjid, kubur. Contoh Sungai Rusa, 30 ekar kita ambil, kubur guna sama. Jadi, semua kariah kalau sudah tiada kubur di tanah masing-masing boleh guna kubur itu, 30 ekar banyak. Sungai Batu ambil, semua ada. So, janganlah kata oh satu selesai maka orang sudah hebah perjuang tanah-tanah Agama Islam ini. Itu tidak benar, tidak betul jadi saya hendak betulkan cerita dia. Hendak betulkan fakta. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Saya bukan kata kita hendak angkuh, kita hendak bangga. Kita kata, kita telah selesai satu kes itu kita berjaya buat lebih besar daripada itu. Saya persoalkan ialah selepas berpuluh tahun isu itu dibangkitkan sebelum kita ambil alih lagi mereka dah timbul isu kubur itu tetapi pada masa itu kenapa UMNO tidak ambil isu itu dan yang kita bangkit juga dalam Dewan ini sebab Yang Berhormat juga bangkit pasal isu Jelutong. Pasal isu tanah perkuburan yang kata kita tidak buat apa-apa. Itu yang kita bangkit. Itu yang kita bagi *respons*. Ya, kita bagi *respons* sebab itu. Kalau Yang Berhormat tidak bangkit, kita tidak bagi *respons*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta laluan. Yang kita persoalkan bukan masalah isu tanah kubur (gangguan) tidak bagi tidak apa, *you* siapa cakap banyak ini. Tunggu di luar ini.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Sungai Dua sekejap. Sekejap lagi ambil.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, peraturan, Yang Berhormat Jawi kata samseng. Yang Berhormat Jawi kata samseng Y.B. Dato Speaker. Peraturan, Yang Berhormat Jawi kata samseng. Ini didengar oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak mengapa Yang Berhormat Jawi, bangun dan tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker telah mengingatkan hari itu, kalau siapa kata samseng atau automatik, keluar Dewan, boleh hansard.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Jawi, bangun tarik balik.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Itu tidak apa, sifatkan dia punya perangai.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Jawi, hendak tarik balik atau hendak keluar.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya tarik balik kerana saya mahu duduk dalam Dewan lebih lama, tetapi dia punya perangai masih macam itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, dia cakap saya menganggap perangai dia masih macam itu. Makna(gangguan). Saya minta dia betul-betul, dia kena tarik dengan hati yang ikhlas. Ini maknanya dia tidak ikhlas. Dia dah sebut samseng(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak mengapalah Yang Berhormat Sungai Dua, saya telah buat keputusan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker punya pasal, tidak mengapalah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi program Kerajaan Negeri berikan untuk kepada orang-orang kecil ini ialah Skim Mikro Kredit . Sekarang ini kita dengan pihak PDC telah melancarkan program Projek Titian Saksama

Rakyat kerana kita telah peruntukan sejumlah wang pada pihak PDC, untuk kita beri pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil ni. Siapa peniaga-peniaga kecil ini, peniaga-peniaga kecil ini ialah orang yang berniaga secara kecil kecilan yang memerlukan modal tambahan untuk membuat modal pusingan, jadi untuk mengelak daripada mereka meminjam daripada Along dan juga untuk mengatasi masalah mereka kesusahan mendapat pinjaman daripada bank-bank maka Kerajaan ambil inisiatif untuk menjalankan program ini bagi peniaga-peniaga

kecil di Negeri Pulau Pinang ini, dan hasil data yang kita tunjuk hari ini, peniaga-peniaga kecil kebanyakan 80% lebih adalah peniaga-peniaga Melayu. Jadi kalau kata tak ada usaha untuk membantu Bumiputera di Pulau Pinang ini, Bumiputera Pulau Pinang dipinggirkan langsung tak betul lah. Y.B. Dato' Speaker, sebab dengan usaha yang ada sekarang untuk memberi bantuan kepada semua orang yang terutama kerana kita berjuang kita melaksanakannya program atas dasar keadilan, paksi kita adalah keadilan, kalau ada orang Melayu miskin, kita bantu orang miskin, kalau ada orang Cina yang miskin pun kita bantu orang Cina yang miskin, kalau ada orang India yang miskin kita bantu orang India yang miskin. Itu dasar kita dan kita pegang teguh pada dasar itu.

Y.B. Dato' Speaker itu tentang program mikro kredit. Saya juga ingin mengajak Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang untuk membantu kita, kalau kita betul hendak membela nasib Melayu terutamanya, saya malas nak bercakap tentang ini Y.B. Dato' Speaker, ada beberapa projek *open renewal* ataupun pembangunan semula di kawasan bandar jadi di Jelutong umpamanya, dekat masjid Jelutong, di Jalan P. Ramlee, Kampong Dodol, Kampong Makam, kemudian di Bukit Kecil, Bayan Baru, ini di Tanjong Tokong, jadi kawasan-kawasan ini merupakan kawasan-kawasan yang sikit hari lagi akan tenggelam, akan habis kerana kita tak boleh sekat pembangunan tak boleh sekat orang nak memajukan tempat ini dan kawasan-kawasan dan tanah-tanah persendirian, kalaulah agensi persekutuan betul-betul nak membangunkan kawasan ini, dan datang ambil dan buat *data bank*, *lend bank* dan bangunkan, itu baru betul jangan duk kata di sini kita tak dapat buat apa-apa. Kita dah senarai, saya dah bagi senarai itu dah, jadi usahakan dan saya sendiri telah pun berusaha untuk membangunkan beberapa kawasan ini.

Saya nak jadikan satu *iconic* di jalan Kampong Dodol dan Kampong Makam ini. Dan saya telah berunding dengan beberapa pihak untuk membangunkan tempat ini, dan begitu juga Jelutong dan di tempat lain. So kalau UMNO nak jadi *champion* nak bangun betul, ambil buatlah itu saja, terus itu saya punya Y.B. Dato' Speaker dan dalam perancangan kita juga kita akan berusaha lagi untuk memartabatkan terutama sekali pembangunan ummah, dan juga memartabatkan Agama Islam jadi Yang Berhormat EXCO Agama telah mencadangkan langkah panjang ada satu perkara yang saya nak sebutkan di sini, ialah di akhir tahun ini, kita akan wujudkan satu institut dakwah di bawah Yang Berhormat Sungai Bakap, dengan MAIPP untuk menjalankan kursus-kursus imam-imam, pegawai-pegawai majlis dan pengerusi-pengerusi Qariah majlis. Dan ini saya nak ulang balik apa yang terhormat EXCO Agama sebut tadi, pengerusi-pengerusi qariah masjid yang akan dilantik lain tahun depan ini sekarang ini kita nak letakkan qariah baru untuk pelantikan qariah-qariah masjid ini, satu syaratnya ialah mesti mengikuti kursus-kursus yang dijalankan oleh institut dakwah yang akan dilancarkan tak lama lagi. Dan kegagalan untuk

mengikuti kursus ini, kita tak akan mempertimbangkan pelantikan mereka, Y.B. Dato' Speaker, saya yakin dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan sekarang ini. Kerajaan yang mesra rakyat yang memberi perhatian dan kebajikan kepada rakyat dan segala usaha-usaha dan segala program yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam belanjawan yang baru dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon menyokong Belanjawan yang dibentangkan itu. Sekian terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya"

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak"

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya" lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua. Rang Undang-undang ini sekarang akan ditimbang di dalam Jawatankuasa Perbekalan.

Setiausaha:

Jadual.

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.01, Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan RM102,483,490.00. Bahawa jumlah wang sebanyak RM102,483,490.00 untuk Kepala B.01. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker :

Kepala B0.2 Pejabat Tanah dan Galian RM7,648,390.00. bahawa jumlah wang sebanyak RM7,648,390.00 untuk kepala B.02. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker :

Kepala B.03 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut RM5,839,110.00, bahawa jumlah wang sebanyak RM5,839,110.00 untuk kepala B.03. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.04 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya RM5,236,080.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM5,236,080.00 untuk kepala B.04. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.05 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara RM5,770,760.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM5,770,760.00 untuk kepala B.05. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.06 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Tengah RM5,529,290.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM5,529,290.00 untuk kepala B.06. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.07 Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Selatan RM4,659,815.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM4,659,815.00 untuk kepala B.07. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran RM27,862,077.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM27,862,077.00 untuk kepala B.08. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.09 Jabatan Perhutanan RM2,189,350.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM2,189,350.00 untuk kepala B.09. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.10 Jabatan Taman Botani RM2,917,800.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM2,917,800.00 untuk kepala B.10. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Kepala B.12 Jabatan Kerja Raya RM29,989,908.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM29,989,908.00 untuk kepala B.12. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.13 Jabatan Hal Ehwal Agama RM13,382,380.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM13,382,380.00 untuk kepala B.13. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.14 Jabatan Kebajikan Masyarakat RM5,788,460.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM5,788,460.00 untuk kepala B.14. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.15 Jabatan Perancang Bandar dan Desa RM2,885,870.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM2,885,870.00 untuk kepala B.15. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.16 Jabatan Kewangan Negeri RM234,780,610.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM234,780,610.00 untuk kepala B.16. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar RM4,710,260.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM4,710,260.00 untuk kepala B.17. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.18 Jabatan Pertanian RM6,717,190.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM6,717,190.00 untuk kepala B.18. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.19 Jabatan Mufti RM1,950,500.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM1,950,500.00 untuk kepala B.19. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato’ Speaker:

Kepala B.20 Jabatan Kehakiman Syariah RM4,590,670.00 bahawa jumlah wang sebanyak RM4,590,670.00 untuk kepala B.20 Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Setiausaha:

Fasal 1.

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang?

Setiausaha:

Fasal 2.

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama satu enakmen bagi menggunakan wang daripada wang yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang menggunakan. Adakah sebahagian daripada Rang Undang-undang.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya”

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan Rang Undang-undang perbekalan 2011 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal. Dalam Jawatankuasa yang dipersetujui perpindahan saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang di bacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Y.B. masalah yang kita hadapi sekarang adalah Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya,” yang tidak setuju katakan “Tidak .”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak.”

Y.B. Dato' Speaker:

”Ya” lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen Bekalan Tahun 2011 maka dengan ini adalah diperundangan oleh kuasa Undang-undang Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang berbunyi. "Bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM557,251,370.00 sahaja yang dibentangkan sebagai risalah DUN bilangan 3 tahun 2010 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi menetapkan anggaran pembangunan tahun 2011 itu dipersetujui.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak"

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya" lebih banyak, usul dipersetujui.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang Tahun 2010.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 dan untuk mengadakan peruntukkan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan memperuntukkan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca kali yang pertama.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):

Y.B. Dato' Speaker saya mohon untuk membentangkan usul di bawah seksyen 34, sub seksyen 11 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan

Undang-undang Negeri yang telah dibaca bagi kali yang pertama supaya di tangguh dan dirujuk kepada suatu jawatankuasa terpilih untuk meneliti dengan lebih terperinci Rang Undang-Undang tersebut dan mendapat pandangan awam.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker saya ingin menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Sebelum itu saya telah menerima usul yang dibentangkan dibawa Y.B. Telok Ayer Tawar ada ketentuannya ada keperluan orang ramai dan perlu disegerakan. Silakan memberi jawapan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt Hamid):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Rang Undang-undang yang telah dibentangkan tadi adalah melibatkan industri perumahan yang merupakan satu perkara yang amat penting sebagai asas keperluan untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Dan juga ia melibatkan sektor ataupun industri pembinaan yang juga merupakan penyumbang penting kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang. Oleh sebab itu Rang Undang-undang ini akan melibatkan ramai pihak dan ianya perlu diberi penelitian yang lebih terperinci supaya ianya dapat diteliti dan dihapuskan apa-apa kerisauan atau kebimbangan yang mungkin berlaku di banyak sektor dan industri di negeri ini.

Walaupun seksyen 74 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk membuat undang-undang dan perumahan adalah terjadual di dalam senarai yang dibenarkan untuk Kerajaan Negeri membuat undang-undang tetapi ianya seharusnya tidak memberi masalah di masa hadapan kerana kemungkinan daripada Rang Undang-undang ini akan mendapat pertindihan beberapa perkara pertamanya pertindihan Akta Pemaju Perumahan Kawalan dan Perlesenan 1966 seksyen Akta 118 dan juga Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 atau 172 dan di sini kita dapati bahawa bila terdapatnya Rang Undang-Undang Perumahan ini, Lembaga Perumahan ini ia akan mewujudkan satu badan yang akan mempunyai kuasa yang cukup besar. Di sini kita dapati bahawa kuasa itu melibatkan seperti yang di bawah seksyen 43 kuasa untuk meminta pemaju-pemaju perumahan untuk menyerahkan segala maklumat yang perlu dan juga sekiranya ada pemaju yang enggan atau ingkar untuk menyerahkan maklumat itu mereka boleh didenda dan juga di penjara.

Jadi di sini kita timbul keraguan sama ada ini akan bertindih dengan kuasa-kuasa di bawah Akta Pemaju Perumahan yang ada di peringkat kebangsaan dan juga di bawah *penal code* ...(dengan izin), ataupun Akta Kanun Jenayah yang mengenakan denda-denda termasuklah penjara dan oleh itu ia perlu diteliti dan kita juga perlu melihat kemungkinan berlakunya konflik kepentingan di bawah seksyen 6 di mana mengikut Rang Undang-undang yang telah dibentangkan tadi Ketua Menteri menjadi YDP ataupun Pengerusi kepada Lembaga dan di sini apabila keputusan-keputusan Lembaga ini di bawa ke

Mesyuarat EXCO akan berlaku satu konflik ataupun pertindihan sama ada sepatutnya Ketua Menteri menerajui Lembaga ini adalah satu persoalan yang perlu diteliti bila datang ke Mesyuarat EXCO nanti macam mana Ketua Menteri nak keluar daripada mesyuarat. Jadi inilah persoalan-persoalan yang mungkin timbul dan juga pemaju-pemaju akan didedah kepada dua set undang-undang yang perlu dipatuhi dan ini mungkin memudaratkan sektor pembinaan dan memang Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum dan selama ini pun telah melanjutkan amalan *consultative* ataupun perbincangan dengan industri-industri terutama sekali apabila melibatkan kepentingan-kepentingan yang akan menjejaskan industri berkenaan.

Oleh itu biarlah sedikit masa diberi untuk mendapatkan maklum balas daripada pihak-pihak yang berkepentingan supaya mereka diberi peluang untuk memberi pandangan-pandangan mereka dan juga oleh sebab ini mungkin menyebabkan kepentingan mereka terjejas mana-mana pihak pun akan mempunyai *locus standard* untuk mencabar. Akta yang akan kita bantangkan ini sebab itu saya ingin memohon supaya kita dapat memberi masa sedikit dan melantik jawatankuasa terpilih untuk meneliti dan mendapatkan pandangan-pandangan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Usul ini ada sokongan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Saya ingin menyokong Dato' Speaker. Saya cuma nak tambah sikit saja. Memang yang kita bincang ini satu perkara yang penting dan ini menyebabkan sektor hartanah seperti yang sebut tadi, dan ini melibatkan ramai serta banyak industri jadi kalau kita tak berhati-hati dan mungkin perkara ini mendatangkan kesusahan kepada pemaju-pemaju mungkin dia tak berminat lagi dengan Pulau Pinang dan sektor ini akan terjejas teruk. Sektor ini mendatangkan JDP yang tinggi kepada Pulau Pinang, jadi kalau kita tak berhati-hati mereka lari dan mendatangkan masalah kepada rakyat kita. Elok kita tangguh dulu dan kita bawa bincang dengan orang yang terlibat macam persatuan HDA, macam MPPP, MPSP mereka tentang PDC apa peranan mereka dan juga agensi Kerajaan Pusat contohnya apa peranan mereka jadi kita nak teliti semua ini dan barulah kita bawa balik ke DUN dan kita bincang semua orang puas hati dan kita lulus dengan mudah Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Y.B. masalah yang kita hadapi ialah satu usul yang dijalankan oleh Y.B. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar di bawah peraturan 34 (11) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri untuk menentang satu usul Rang Undang-undang Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang yang telah dibaca bagi kali pertama ditangguhkan dan dirujuk kepada satu jawatankuasa pilihan untuk meneliti dengan lebih terperinci Rang Undang-Undang tersebut dan mendapat pandangan awam. Ahli Yang Berhormat, usul tadi dibuka untuk dibahaskan dipersilakan Ahli-ahli Kawasan untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, apabila Rang Undang-undang ini mula difikirkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat perkara-perkara yang ditimbulkan oleh pihak pembangkang telah banyak kita memikirkan dan meneliti di sini saya berharaplah oleh sebab Rang Undang-undang ini mustahaknya ini *priority* nya tinggi dan kita melihat perkembangan industri perumahan dan juga sebagainya tidak begitu dapat dijalankan oleh sebab tidak adanya badan seperti ini sebab itulah saya ingin mencadangkan di sini iaitu Rang Undang-undang ini terus dibahas dan diluluskan tanpa dirujuk kepada jawatankuasa. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih Ahli Batu Maung. Seterusnya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun untuk bahaskan usul ini dan saya tak menyokong pendirian seperti Y.B. Batu Maung tapi untuk menjawab ataupun memberi ulasan tentang beberapa isu yang dibangkitkan oleh Telok Ayer Tawar tadi sebenarnya apabila dalam terdapat dalam *save guide* ataupun dalam Perlembagaan Persekutuan mana-mana artikel 75 *inconsistency between federal and state law* kerana ADUN Ayer Tawar membangkitkan khuatirnya terhadap konflik terhadap Akta Parlimen *Housing Development (Control and Licensing)* 1966 di bawah artikel 75 *inconsistency between federal and state law* telah terdapat *protection, save guide* iaitu *the federal law shall prevail* dan ini adalah suatu artikel dalam *Federal Constitution* dan kita telah banyak sebenarnya hari itu ADUN Bayan Lepas bekas Exco Perumahan juga beliau sendiri dalam Dewan secara persendirian dan juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana menyempurnakan enakmen ini sebenarnya beliau sendiri pada masa beliau menjadi Ahli EXCO beliau telah mempunyai idea itu tetapi tidak disempurnakan pada terma beliau sebagai Ahli EXCO beliau sendiri menyatakan itu adalah suatu enakmen yang bagus dan beliau menyokongnya.

Di samping itu terdapat beberapa persoalan yang saya perlu memberi ulasan menyatakan tadi seksyen 6 iaitu *conflict of interest* sebenarnya konflik itu hanya timbul sekiranya terdapat urusan peribadi ataupun terdapat kepentingan kewangan baru pengerusi perlu *declare the interest* dan sekiranya berkenaan dengan hal kepentingan awam tidak perlu *excuse himself from the meeting* dan kita memang mengamalkan konsep *consultative* dan *bill* ini sebenarnya adalah *enabling act* untuk meninggikan *capacity* Bahagian Perumahan yang di bawah Pejabat SUK sekarang dan kita lihat kita perlukan *capacity* yang lebih tinggi dari segi pentadbiran dan *of course* tadi Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar tadi menyatakan kekhuatiran bahawa terdapat seksyen 43(i) yang menyatakan bahawa meminta pemaju memberikan maklumat dan *penalty cost* nya.

Sebenarnya terdapat *safeguards* juga dalam seksyen 62, sebarang pendakwaan perlu kelulusan pendakwaraya. Ini merupakan *safeguard-safeguard* yang telah dimasukkan dan saya rasa kita perlu menyegerakan Rang Undang-undang ini memandangkan negara-negara lain telah mempunyai undang-undang sebegini memberikan fokus kepada Lembaga Perumahan supaya kapasiti daripada urus tadbir boleh ditinggikan dan kita boleh kerana apabila beberapa

hal kita telah mendebatkan Rang Undang-undang Perbekalan hanya isu perumahan yang telah ditimbulkan dan kita tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk melihat atau memfokuskan kepada isu-isu perumahan ini. Saya tidak menyokong usul ini dan saya minta Rang Undang-undang ini untuk disegerakan untuk bacaan seterusnya.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya kalau tidak ada apa, saya hendak minta penggulungan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, boleh.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Y.B. Dato' Speaker, ada beberapa perkara yang harus dimaklumkan kepada ramai juga kerana ia melibatkan kepentingan mereka, pertamanya bila di bawah seksyen 36 ini yang memberikan kuasa kepada Lembaga Perumahan untuk penubuhan syarikat-syarikat, ini bermakna Kerajaan melalui Lembaga akan menubuhkan syarikatnya yang akan bersaing dengan sektor swasta. Jadi di sini kita mengalu-alukan penubuhan Lembaga yang akan membuat kajian tentang keperluan perumahan, masalah perumahan, mengawal industri perumahan dan sebagainya tetapi biarlah ia juga menjadi satu faktor pengimbangan supaya di mana kepincangan yang berlaku di sektor swasta boleh diimbangi oleh syarikat-syarikat di bawah yang ditubuhkan oleh Lembaga dan bukan menjadi pesaing kepada sektor swasta dan juga didapati di sini jika berlaku syarikat yang ditubuhkan oleh Lembaga ini adakah mereka atau syarikat ini tertakluk oleh kawalan-kawalan di bawah Akta Pemaju Perumahan. Kalau tidak bermakna sekali lagi ada satu ... (dengan izin), tak ada *level playing field* lah di mana syarikat ini boleh membelakangkan atau tidak payah melalui kawalan-kawalan di bawah Akta Perumahan dan sektor swasta yang terpaksa tertakluk kepada dua kawalan iaitu di bawah Pemaju perumahan dan juga kawalan di bawah Lembaga Perumahan Negeri. Ini menimbulkan masalah, perkara ini perlu dilihat dengan teliti. Kita bukan tidak bersetuju kepada pembentangan Rang Undang-undang ini, memang telah pun dicadangkan sebelum ini dan kita mengalu-alukannya. Tinggalkan saya rasa kita perlu teliti lebih lanjut dan kita mengelak supaya tidak ada mana-mana yang akan mencabar undang-undang ini, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Dewan bagi diputuskan, masalah ialah usul Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar di bawah peraturan 34 (11) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri untuk membentangkan satu usul supaya Rang Undang-

Undang Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang yang telah dibaca bagi kali yang pertama ditangguh dan dirujuk kepada satu Jawatankuasa Pilihan untuk meneliti dengan lebih terperinci Rang Undang-Undang tersebut dan mendapat pandangan awam dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya,” yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Ya.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Tidak.”

Y.B. Dato’ Speaker:

“Tidak” lebih banyak, usul ditolak. Sidang diteruskan semula dengan pembentangan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang oleh Yang Berhormat Air Itam, sila teruskan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato’ Speaker, saya mencadangkan Rang Undang-undang Bernama Suatu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Y.B. Dato’ Speaker:

Sila baca peraturan 59.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato Speaker, mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya bacaan bagi kali yang kedua.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang kedua.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan ucapan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato Speaker, Rang Undang-undang Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 ini adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Perumahan Pulau Pinang untuk membuat kontrak, memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih, terhadap ahli dan

memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan janji, berpremiskan, menyerahkan hak semula, memindahkan hak milik atau selainnya berurusan dengan apa-apa harta alih atau harta tidak alih yang berkepentingan hak kepada Lembaga tidak ada perlu bahawa Enakmen ini untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya tertakluk kepada Seksyen 4 (i) enakmen ini Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta menetapkan satu tarikh tentang hak dan pada tarikh itu segala harta, hak atau liabiliti Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang tentukan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri dan perintah itu hendaklah menurut kuasa enakmen ini berpindah kepada dan terletak hak kepada Lembaga tanpa apa-apa pemindahan, penyerahan atau pemindahan hak milik.

Y.B. Dato' Speaker, isu masalah serta cabaran dalam sektor perumahan bagi negeri-negeri yang pesat membangun seperti Negeri Pulau Pinang semakin kompleks dan mempunyai pelbagai dimensi. Antaranya isu-isu mengenai hak milik strata, isu projek terbengkalai, pembinaan rumah mampu milik, pengurusan bangunan bertingkat melalui Pesuruhjaya Bangunan, Perumahan untuk golongan profesional dan orang muda, perumahan untuk golongan warga emas, golongan orang kurang upaya, isu-isu perancangan perbandaran dan perumahan, penguatkuasaan terhadap pemaju. Justeru bagi menangani isu dan cabaran tersebut maka Lembaga Perumahan Pulau Pinang perlu diwujudkan sebagai satu agensi yang boleh memberi perhatian kepada permasalahan perumahan di kalangan penduduk dan mengawal semua agensi perumahan di Negeri pulau Pinang.

Dalam melaksanakan peranannya Lembaga Perumahan akan meneruskan penghayatan dan amalan sistem penyampaian perkhidmatan berpaksikan *CAT*, *Cekap*, *Akauntabiliti* dan *Telus*. Y.B. Dato' Speaker, operasi enakmen Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang adalah sebagai satu *enabling act* untuk mentransformasikan organisasi Bahagian Perumahan supaya *urus tadbir* Kerajaan Negeri dapat di peringkatkan kapasiti dan prestasi dalam sektor perumahan. Setelah enakmen ini diluluskan dan diwartakan, Lembaga Perumahan Pulau Pinang akan wujud sebagai badan berkanun Kerajaan Negeri. Dengan kuasa yang diperolehi melalui enakmen ini di bawah seksyen 18 (i) Lembaga akan melakukan segala yang perlu atau sesuai bagi atau berkaitan bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah seksyen 17 seperti dari A kepada M antara lain ialah memastikan bahawa enakmen ini ditadbirkan, dikuatkuasakan diberi kuasa, dijaga dan dipatuhi. Mencadangkan pembentukan dasar dan menasihati Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa

perkara yang berhubungan dengan kemudahan pembangunan dan penggalakan pemajuan perumahan adalah;

- (i) Memudahkan pembangunan perumahan secara amnya dan pembangunan awam secara khasnya;
- (ii) Melaksanakan dan memberi kesan kepada apa-apa dasar atau arahan Pihak Berkuasa Negeri yang berhubungan dengan pembangunan perumahan;
- (iii) Menasihati, menentukan dan menerima pakai dan melaksanakan piawaian garis panduan dan langkah-langkah lain untuk memastikan mutu perumahan;
- (iv) Merancang menggalak dan melaksanakan pemasaran dan penjualan perumahan secara amnya dan perumahan awam secara khasnya;
- (v) Membentuk, menerima pakai dan melaksanakan dasar garis panduan kaedah dan tatacara berkenaan dengan pembangunan, pengurusan dan penyelenggaraan perumahan;
- (vi) Membentuk dan melaksanakan dasar pengagihan perumahan awam. Mengurus dan menjalankan pengendalian dan penyelenggaraan kemudahan di kawasan perumahan termasuk infrastruktur atau peralatan di kawasan itu;
- (vii) Menjalankan penyelidikan atau aktiviti yang berhubungan dengannya penggalakan dan pembangunan pelan dan dasar pemajuan perumahan;
- (viii) Menerima pakai dan melaksanakan dasar pelan atau projek Kerajaan Persekutuan berhubung dengan pemajuan perumahan;
- (ix) Menjadi pusat sumber dan pusat maklumat bagi industri perumahan dan menjalankan aktiviti-aktiviti bersangkutan; dan
- (x) Bagi menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan Lembaga Perumahan Pulau Pinang diperuntukkan kuasa di bawah seksyen 18 (ii) yang dari A hingga M.

Y.B. Dato' Speaker, berkaitan dengan kedudukan dan kepentingan pekerja-pekerja sedia ada di Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang jaminan mengenai gaji, terma dan syarat perkhidmatan telah pun diambil kira. Di bawah seksyen 24 (i) dan 24 (ii) enakmen ini kepentingan pekerja-pekerja sedia ada akan terus di beri perhatian iaitu mereka akan diberikan tawaran pilihan untuk berkhidmat dengan Lembaga dengan tawaran gaji, terma dan syarat perkhidmatan termasuk apa-apa hak terakru untuk mendapat cuti yang dinikmati oleh mereka ketika berada dalam perkhidmatan kerajaan sebelum memilih untuk memasuki Lembaga. Bagi mereka yang memilih untuk tidak berkhidmat dengan Lembaga mereka akan dibersarakan atas sebab-sebab pemansuhan jawatan di bawah seksyen 10 (5b) Akta Pencen 1980. Beberapa siri penerangan akan diadakan kepada semua

pekerja sebaik sahaja enakmen ini diluluskan dan surat tawaran opsyen kepada pegawai dan anggota akan dikeluarkan.

Di samping itu Y.B. Dato' Speaker, Lembaga juga melalui enakmen di bawah seksyen 68 (i) boleh mengemukakan syor kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat beberapa peraturan-peraturan yang perlu atau *summon fact* bagi melaksanakan enakmen ini seperti menetapkan kuantiti atau kualiti pemajuan perumahan, keluasan klasifikasi pemajuan perumahan secara amnya atau perumahan awam secara khususnya. Perancangan yang teratur, reka bentuk pembinaan pengurusan, pengendalian, pemantauan dan penyelenggaraan

pemajuan perumahan, pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam, Lembaga termasuk perumahan awam yang diurus bagi Kerajaan Negeri atau Badan Berkanun Negeri, seliaan dan cara pengagihan perumahan awam bagi cara dan tatacara pengagihan, penyediaan laporan akaun, statistik dan maklumat lain oleh pemaju perumahan berlesen, pengutipan atau apa-apa permintaan atau penangguhan perairan apa-apa jumlah perlu dibayar oleh enakmen ini. *Fee* atau *charge* yang boleh dikenakan di bawah enakmen ini dan cara kutipan dan pembayaran *fee* adalah *charge* itu. Penubuhan dan penyediaan daftar mana-mana orang yang terlibat dalam mana-mana perumahan. Penubuhan dan penyelenggaraan daftar pembeli atau penyewa perumahan awam dan rakyat. Peruntukan satu kesalahan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang bertentangan dengan peruntukan mana-mana peraturan dan peruntukan bagi berkenaan penalti bagi perumahan itu, tatacara serta apa-apa perkara yang bersangkutan dengan enakmen ini.

Oleh itu Y.B. Dato' Speaker, penubuhan Lembaga Pulau Pinang adalah sangat bertepatan masanya bagi memastikan masalah perumahan penduduk dapat diberikan perhatian dan mendapat mengawal agensi-agensi pembangunan perumahan di Negeri Pulau Pinang. Penubuhan Lembaga ini akan dapat memfokuskan kepada aspek pembangunan perumahan yang merupakan komponen dan pelaksanaan sosial yang perlu diberi penekanan ke atas mempertingkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat. Isu-isu perumahan yang dibangkitkan perlu ditangani. Bahagian Perumahan setakat ini tidak dapat bertindak sebagai pasukan penyelamat untuk menangani masalah sahaja. Oleh itu, Y.B. Dato' Speaker enakmen ini merupakan satu *legislative solution* untuk mewujudkan satu badan berkanun untuk satu *frame work* yang baru untuk melihat kepada pemasalahan dan cara penyelesaian kepada masalah-masalah perumahan. Dengan itu saya cadangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada sokongan.

Ahli Kawasan Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong, saya ingin pendekkan ucapan sokongan saya iaitu, hari ini adalah hari bersejarah kerana ini adalah Rang Undang-undang ketiga yang kita telah luluskan semasa Kerajaan Pakatan Rakyat yang mempunyai satu kreativiti yang inovasi untuk menjalankan satu kerajaan yang berjiwa rakyat.

Yang pertama ialah CMI Corporation, Perbadanan Bukit Bendera dan hari ini Rang Undang-undang Lembaga Perumahan. Saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini kerana peri mustahaknya kita menggalakkan, kita mengawal selia dan kita memberi satu hala tuju dalam industri perumahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010.

Bagaimanapun perbahasan akan dibuka semula selepas waktu rehat. Makan malam disediakan. Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 8.00 malam nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 6.45 petang.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan disambung semula. Silakan Y.B. Komtar.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih atas peluang bagi saya menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 yang telah dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini.

Y.B. Dato' Speaker, dengan adanya Enakmen ini. Maka Lembaga Perumahan Pulau Pinang akan ditubuhkan dan Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak akan berfungsi lagi. Ini sedikit sebanyak akan meningkatkan lagi keyakinan orang awam terhadap Kerajaan Negeri atas sebab persepsi negatif pihak awam terhadap Bahagian Perumahan selama ini. Selain daripada Lembaga Perumahan ini terdapat dua lagi entiti yang penting dalam pembangunan perumahan awam di Pulau Pinang iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Penang State Secretary Incorporated. Adakah kedua-dua entiti ini tidak berperanan lagi dalam pembangunan perumahan awam selepas itu dan peranan mereka akan diambil alih oleh Lembaga Perumahan? Jikalau tidak, bagaimana ketiga-tiga entiti tersebut dapat dikoordinasi supaya sebarang perancangan baru untuk pemajuan perumahan awam dapat memanfaatkan semua. Jikalau PDC tidak lagi berperanan dalam pembangunan perumahan awam manakala PDC Properties Sdn. Bhd. hanya menumpukan perhatiannya terhadap pembangunan perumahan kos sederhana atau kos tinggi, adakah ini merupakan suatu penyimpangan daripada tujuan atau objektif asal penubuhan PDC. Bagaimana kita boleh memberi justifikasi terhadap keadaan ini.

Y.B. Dato' Speaker, menurut Seksyen 16, Enakmen ini, Lembaga hendaklah dari semasa ke semasa menyediakan dan mengemukakan kepada Pihak

Berkuasa Negeri cadangan, pelan dan projek yang menunjukkan jenis kerja yang dicadangkan untuk dilaksanakan dan Pihak Berkuasa Negeri boleh menolak, meminda atau meluluskan mana-mana cadangan, pelan atau mana-mana bahagiannya. Adakah ini bermaksud kelulusan PBT dalam sesuatu projek pemajuan memenuhi syarat-syarat yang kritikal demi menjamin kepentingan awam dalam projek tersebut.

Salah satu fungsi Lembaga adalah menasihati, menentukan, menerima pakai dan melaksanakan piawaian, garis panduan dan langkah-langkah untuk memastikan mutu perumahan. Saya ingin bertanya, adakah sebarang piawaian,

garis panduan dan sebagainya yang telah ditetapkan oleh Lembaga ini terpakai ke atas badan-badan berkuasa yang lain yang ada kaitan dengan pemajuan perumahan. Jikalau sesuatu garis panduan yang ditetapkan adalah bercanggahan di antara satu sama lain, adakah kuasa Lembaga ini akan menjangkau segala-galanya.

Seksyen 17(b) Enakmen memperuntukkan supaya Lembaga mencadangkan pembentukan dasar dan menasihati Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa yang berhubungan dengan pembangunan perumahan supaya apa-apa dasar Pihak Berkuasa Negeri dalam aspek ini boleh dilaksanakan oleh Lembaga ini. Akan tetapi, Seksyen 17(g) Enakmen pula menyatakan bahawa Lembaga boleh membentuk dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan perumahan. Mengikut pemahaman kita, Lembaga tersebut boleh mendatangkan sebarang pembentukan dasar kepada Pihak Berkuasa Negeri dan pada masa yang sama, Lembaga tersebut juga boleh membentuk dasar-dasar sendiri yang berkaitan dengan pembangunan perumahan. Jadi, sila nyatakan jenis dasar yang berkaitan dengan pembangunan perumahan yang boleh dan tidak boleh dibentuk oleh Lembaga Perumahan.

Bagi kuasa Lembaga seperti yang termaktub di bawah Seksyen 18 Enakmen ini, saya ingin bercadang supaya mana-mana pemaju yang tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu projek pemajuan perumahan di Negeri Pulau Pinang sehingga projek tersebut terbengkalai atau menjejaskan kepentingan pembeli-pembelinya, maka Lembaga ini boleh menyenaraihitamkan syarikat pemaju tertentu dengan semua pengarahnya supaya sebarang permohonan projek pemajuan yang melibatkan pengarah yang sama dalam sesebuah syarikat pemaju, sama ada permohonan tersebut dikemukakan secara langsung atau tidak langsung melalui usaha sama dengan sebuah syarikat atau syarikat-syarikat yang lain tidak akan dipertimbangkan lagi oleh semua PBT di Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, saya amat hairan apabila dimaklumkan bahawa terdapat 13,500 pemohon di seluruh Negeri Pulau Pinang yang masih tersenarai di bawah senarai menunggu untuk ditawarkan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Ini menunjukkan bahawa permintaan terhadap rumah-rumah mampu milik jauh melebihi bilangan unit sedia ada yang boleh ditawarkan. Saya ingin bercadang supaya Lembaga ini setelah ditubuhkan membuat suatu kajian terhadap cadangan supaya kesemua rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang baru jikalau perlu dijual semula, rumah-rumah tersebut hanya boleh dijual balik kepada Lembaga Perumahan dan bukannya pihak ketiga dengan

harga jualan semula yang telah ditambah kadar faedah ke atas harga jualan asal seperti berikut di mana rumah kos rendah yang bernilai RM42,000, jikalau dijual semula dalam tempoh 5 tahun pertama, kadar faedah 2% akan ditambah ke atas harga jualan asal.

Jikalau bagi sesebuah unit yang dijual selepas 5 tahun, 5% bagi 5 tahun pertama dan ditambah 2% setiap tahun bagi tahun ke-6 hingga tahun ke-8 akan ditambah ke atas harga jualannya dan 1% bagi setiap tahun tambahan selepas tahun ke-8 akan dikenakan ke atas harga jualan asal supaya pemilik yang asal juga mendapat keuntungan ke atas perbezaan harga tersebut. Jikalau sebuah

rumah kos sederhana rendah yang bernilai RM75,000.00 dijual semula pada tahun ke-10, maka seseorang pemilik dapat dijamin dengan harga jualan semula pada RM84,750,000.00 tanpa perlu menanggung nilai susut bagi hartanah tersebut. Jikalau sebuah rumah kos rendah yang bernilai RM42,000.00 dijual semula pada tahun kelapan, maka pemiliknya pula akan dijamin dengan harga jualan semula pada RM46,620.00

Kemudian Lembaga boleh menawarkan semula unit-unit tersebut yang telah dibeli balik kepada mereka yang memang memerlukan rumah kos rendah atau rumah kos sederhana rendah dengan harga jualan semula yang sedikit lebih tinggi daripada harga asal. Cara ini juga pastinya akan memendekkan lagi tempoh menunggu selepas sesuatu permohonan dikemukakan. Dengan kaedah ini kita juga dapat melarang unit-unit tersebut dijual semula kepada mereka yang telah memiliki rumah. Pada masa yang sama, mereka yang menghadapi masalah kewangan juga dapat menyelesaikan masalah mereka dengan menjual semula rumah mereka kepada Lembaga dengan sedikit keuntungan dijana daripada perbezaan harga jualan tersebut tadi tanpa perlu mendapatkan pinjaman daripada pihak-pihak yang tidak dilesenkan.

Saya rasa pihak pembeli juga sudi membayar harga yang sedikit lebih tinggi daripada harga jualan asal jikalau mereka dapat ditawarkan sebuah rumah terpakai dengan kadar paling segera walaupun mereka terpaksa menanggung sedikit kos untuk membaiki bahagian-bahagian rumah yang mengalami kerosakan sebelum itu, Maka kepentingan semua pihak juga dapat terjamin dengan cadangan ini dan kita dapat mencapai matlamat satu rumah untuk satu keluarga dengan lebih awal.

Y.B. Dato' Speaker, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Silakan Y.B. Bukit Tengah. Saya ingatkan hanya lima minit, tak lebih lima minit.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Khan Lee):

Okey, tak lebih lima minit. Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010. Saya memang menyahut baik langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang spesifik bagi kita menubuhkan

satu Lembaga Perumahan, satu unit yang khas bagi kita memberi tumpuan kepada isu-isu perumahan di Negeri Pulau Pinang.

Saya percaya matlamat satu keluarga satu rumah itu merupakan matlamat yang dikongsi bersama oleh semua Yang Berhormat yang duduk dalam Dewan ini. Dalam menuju ke matlamat tersebut, kita perlu menghalusi isu-isu perumahan dengan lebih mendalam lagi sebelum kita mengubah sebarang dasar dan seterusnya melaksanakannya.

Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan ialah isu-isu berkaitan dengan golongan yang memiliki rumah tetapi mereka tidak memiliki tapak atau tanah tersebut. Contohnya ...(dengan izin), *ground tenants*, *squatters* dan juga mereka yang terlibat dengan isu lot lidi. Kebiasaannya mereka membina rumah, mereka mengeluarkan duit dan membina rumah tetapi tapak rumah atau tanah tersebut adalah milik orang lain dan seperti yang kita tahu undang-undang Malaysia ini cuma mengiktiraf pemilikan tanah tetapi tidak mengiktiraf pemilikan rumah. Jadi apabila tuan tanah menjadi pemaju atau tuan tanah menjual kepada pemaju dan pemaju akan membangunkan bidang tanah tersebut, isu penghalauan dan juga pemindahan berlaku. Jadi kita harus mengambil pendekatan yang lebih realistik dalam mencapai matlamat satu keluarga satu rumah.

Sekiranya kita menganggap semua *ground tenants* dan *squatters* ini sudah memiliki rumah dalam kita membuat unjuran bilangan rumah mampu milik yang kita akan dirikan itu, saya rasa kita kurang realistik kerana rumah yang dimiliki golongan ini tidak kekal lama dan mereka mungkin akan hilang rumah mereka pada masa hadapan. Jadi saya berharap bilangan rumah, sekiranya dibuat unjuran dibina oleh Lembaga Perumahan mengambil kira juga golongan mereka yang memiliki rumah tetapi tidak memiliki tanah. Masalah mereka mungkin bukan sekarang tetapi masa hadapan.

Isu kedua, saya ingin memohon agar Lembaga Perumahan ini memberi tumpuan iaitu senaraikan mereka yang berkelayakan untuk ditawarkan rumah kos rendah atau sederhana rendah. Saya masih ingat semasa perbahasan Bajet, Y.B. Pengkalan Kota telah menimbulkan isu-isu rumah kos rendah telah disewakan. Walaupun ianya tertumpu kepada disewakan kepada warga asing, tetapi saya secara logiknya, sekiranya seseorang itu memohon untuk membeli kos rumah rendah ini bermaksud pada masa itu mereka tidak memiliki rumah dan kemudiannya bila mereka telah memperolehi rumah dan menyewakan rumah mereka, ini bermakna mereka sebenarnya tidak begitu memerlukan atau tidak begitu *urgent* untuk mereka memiliki rumah. Jadi saya berharap Lembaga Perumahan yang akan ditubuhkan ini, penguatkuasaan akan dapat diperketatkan bagi mengadakan satu mekanisme untuk menguatkuasakan undang-undang.

Seterusnya adalah berkenaan dengan pengurusan bangunan bertingkat. Kini sememangnya adalah Pesuruhjaya Bangunan di kedua-dua PBT. Bagi saya unit atau kakitangan di bawah Pesuruhjaya Bangunan ini adalah tidak cukup untuk kita menangani banyak masalah. Memandangkan terdapat kekurangan kakitangan, kebiasaan kakitangan di bawah unit lebih kepada kerja-kerja di dalam pejabat, tetapi isu-isu yang timbul dalam pengurusan bangunan bertingkat

ini adalah isu yang perlu kita turun ke padang untuk menyelesaikan perkara kadang-kadang seperti pertenggaran di antara penduduk dan juga kita perlu memberi pendidikan kepada pemilik-pemilik rumah pangsa mereka agar bertanggungjawab mereka untuk menguruskan harta benda mereka bersama.

Begitu juga salah satu isu yang merunsingkan dalam pengurusan bangunan bertingkat adalah isu kewangan. Saya berharap Lembaga Perumahan yang akan ditubuhkan ini akan menubuhkan satu jabatan yang spesifik untuk menumpukan kepada masalah-masalah isu pengurusan bangunan bertingkat ini.

Akhir sekali saya berharap agar Lembaga Perumahan ini dapat memainkan fungsinya bagi mempertingkatkan prestasi atau mempertingkatkan lagi untuk memenuhi keperluan perumahan terutamanya perumahan awam di Negeri Pulau Pinang bagi menunjukkan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang ini adalah satu kerajaan yang memang membela nasib rakyat dan saya ingin mengakhiri perbahasan saya dengan kata perumahan awam ini adalah sememangnya satu tugas yang perlu dipikul oleh kerajaan di mana satu subsidi yang tinggi perlu diberikan, *highly subsidised, a task which is highly subsidised by the government*. Dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih kepada Y.B. Dato' Speaker kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk mewujudkan satu enakmen yang diperlukan bagi menubuhkan sebuah Lembaga yang digelar sebagai Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, Enakmen ini perlu diadakan untuk membantu dan membolehkan Pihak Berkuasa Negeri kita dalam melaksanakan dasar, menjalankan kuasa dan tanggungjawab serta menunaikan kewajipan dalam mengurus dan mentadbir masalah-masalah yang berkaitan dengan perumahan dalam Negeri Pulau Pinang supaya menjadi lebih mudah, sistematik dan teratur untuk kebaikan dan faedah kepada rakyat Pulau Pinang khususnya dan penduduk-penduduk amnya.

Lembaga Perumahan Pulau Pinang perlu ditubuhkan dan diperundangan oleh Kuasa Undangan Negeri kita kerana buat masa ini, pihak Jabatan Perumahan Negeri sering menghadapi pelbagai masalah yang sukar diatasi dan berada di luar bidang kuasa Jabatan. Tanpa suatu Rang Undang-undang yang khusus dan berkesan, sudah pasti masalah perumahan dalam negeri akan bertambah kusut dan menjadi kucar-kacir pada suatu hari nanti.

Saya sering menerima aduan daripada penduduk-penduduk rumah pangsa kos rendah sama ada di dalam mahupun di luar Kawasan Jawi, mengeluh bahawa rumah yang didiami oleh mereka menghadapi masalah-masalah seperti terputus bekalan elektrik, bekalan air diberhentikan, kerosakan lif, kerosakan sistem loji pembetungan najis dan sebagainya. Masalah-masalah ini telah pun berleluasa di kebanyakan perumahan kos rendah kerana kegagalan

MC dalam mengutip wang caruman yang dikenakan ke atas pemilik-pemilik petak atau gagal dalam melaksanakan tanggungjawab dan menjalankan kuasa mereka. Inilah puncanya pelbagai perbelanjaan dan penyelenggaraan terhadap harta bersama tidak dapat diteruskan ataupun tergendala. Di samping itu saya juga pernah menerima beberapa kes seperti pemaju perumahan tidak dapat menyerahkan rumah kepada pembeli mengikut tempoh perjanjian, pemaju perumahan melarikan diri atau bankrap, keadaan rumah baru yang diserahkan kepada pembeli adalah sangat teruk dan sebagainya.

Y.B. Dato' Speaker, berdasarkan kepada fakta-fakta dari kejadian yang lepas, saya percaya dan yakin bahawa campur tangan PBN amatlah perlu kerana mengelak adalah lebih baik daripada terjadi, bertindak awal adalah lebih baik daripada bertindak kemudian. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya percaya dan yakin bahawa kebanyakan masalah mengenai perumahan awam di negeri kita dapat ditangani dengan mudah, berkesan dan teratur. Oleh itu saya pohon Enakmen mengenai penubuhan Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 diterima dan disokong, itu saja. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya ada Ahli-ahli yang ingin berbahas? ada lagi? Seterusnya penggulungan.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hong Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya menghargai cadangan dan juga ulasan-ulasan oleh Y.B. Komtar, Y.B. Jawi, Y.B. Bukit Tengah dan juga tempoh hari Y.B. Bayan Lepas di mana antara lainnya menyentuh tentang kuasa dan juga peruntukan di bawah enakmen ini. Untuk makluman semua, di bawah ini enakmen ini adalah satu usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan satu entiti yang boleh bukan sahaja pembentukan satu dasar tetapi juga melaksanakan urusan-urusan berkaitan perumahan. Terdapat beberapa akta atau undang-undang lain yang juga bersangkutan-paut dengan perumahan seperti Akta Pemajuan Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1966, Kanun Tanah Negara 1965, Akta Hak Milik Strata 1985, Akta Bangunan Harta Bersama 2007. Enakmen ini tidak mengatasi mana-mana undang tersebut tetapi sebagai satu *a living act* untuk membentuk satu Lembaga supaya urus tadbir dari segi perumahan Kerajaan Negeri dapat berjalan dengan lebih lancar dan lebih teratur. Saya menghargai cadangan dari Y.B. Komtar yang bertanyakan tentang kedudukan SSI dan PDC Properties. Ini adalah satu yang kita perlu untuk membuat rumusan dan kajian semula terhadap agensi-agensi yang berkaitan supaya kita dapat memberikan fokus yang lebih jitu dari segi perancangan perumahan.

Tentang Seksyen 16 yang dibangkitkan oleh Y.B. Komtar, sebenarnya, maksud pelan ini adalah bukan sebagai pelan sahaja tetapi satu pelan perancangan yang perlu digariskan oleh Lembaga ini dan juga garis panduan-garis panduan yang boleh diwujudkan atau peraturan yang boleh diwujudkan kuasa membuat peraturan. Seksyen 68 telah menggariskan dengan jelas peraturan-peraturan yang boleh, *subsequent legislation* yang boleh digariskan oleh Lembaga. Pihak Berkuasa Negeri boleh atau syor kepada Lembaga membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan maksud enakmen ini.

Untuk menjawab soalan yang telah ditimbulkan oleh Y.B. Pengkalan Kota pada tempoh hari, Seksyen 61, antara lainnya telah menyatakan mana-mana orang yang telah membuat kenyataan palsu kepada Lembaga boleh dikenakan atau disabitkan dengan denda tidak melebihi RM25,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali. Ini adalah kos penalti atas pemberian maklumat palsu.

Saya menghargai cadangan Y.B. Bukit Tengah yang mengatakan antara lainnya ialah enakmen ini memberi peluang untuk kita menubuhkan entiti supaya kita lebih fokus dan holistik dari segi perancangan perumahan dan juga pengurusan perumahan di Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Y.B. Dato' Penasihat Undang-undang kerana beliau telah banyak bertungkus-lumus dalam menyempurnakan enakmen ini dan juga agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Antaranya ialah Pengarah UPEN dan Pengarah Perumahan. Saya berharap dengan kelulusan Lembaga Perumahan ini, ini akan memantapkan lagi sektor perumahan dan membuat membawa kebaikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Pakatan Rakyat dalam masa dua tahun ini, kita amat prihatin dengan kebajikan hak. Lembaga Perumahan merupakan hak asasi manusia, kita amat prihatin dalam masa dua tahun ini kita telah banyak bertungkus lumus mencari penyelesaian, mencari alternatif bagaimana mencari isu-isu menyelesaikan isu-isu perumahan, kita tidak boleh macam *fire fighting*, *fire fighting* ada api kita pergi padam, kita mesti mencari satu pendekatan yang lebih holistik, yang lebih komprehensif untuk mendapatkan penyelesaian yang menyentuh hak asasi rakyat-rakyat kita di Pulau Pinang. Dengan ini saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sudah selesai penggulungan Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan 2010, Ahli-ahli Yang Berhormat masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan 2010 dibacakan bagi kali yang kedua, Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak setuju katakan "Tidak ."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Y.B. Dato' Speaker:

Sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Bernama Satu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan perkara-perkara yang berkaitan dengannya di baca bagi kali yang kedua.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang kedua, Rang undang-undang ini sekarang akan dipertimbangkan di dalam jawatankuasa.

Setiausaha:

Jadual

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 1 dan 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 3 hingga 16 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 17 dan 20 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 21 hingga 28 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

Fasal 29 hingga 41 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 42 hingga 44 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 45 hingga 48 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 49 hingga 59 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato’ Speaker:

Fasal 60 hingga 73 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Setiausaha:

Rang Undang-undang Bernama Satu Enakmen untuk menubuhkan Lembaga Perumahan Pulau Pinang dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Dato' Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan apakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 telah pun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan saya mohon mencadangkan supaya Rang undang-undang ini dibaca semula bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya,” yang tidak setuju katakan “Tidak .”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Setiausaha:

Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang Tahun 2010 maka dengan ini adalah diperundangkan oleh Kuasa Undangan Negeri Pulau Pinang

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, dengan ini saya mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 34(8) dalam Dewan yang mulia ini dan berbunyi seperti berikut: merujuk akhbar harian Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan 109 B(1) Peraturan Majlis Undangan Dewan Negeri Pulau Pinang kerana membuat satu laporan palsu dalam edisinya bertarikh 11 November 2010

dalam muka surat 7 di bawah tajuk apa status kediaman rasmi Guan Eng di mana telah melaporkan bahawa Ahli Y.B. Permatang Berangan telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada 10 November 2010 bahawa kos pengubahsuaian banglo disewa yang didiami oleh Y.A.B. Ketua Menteri melebihi RM1.5 juta.

Y.B. Dato' Speaker, inilah bahawa satu bukti yang menunjukkan Utusan Malaysia yang merupakan satu media yang dikawal dan dikongkong oleh UMNO sekali lagi membuat pembohongan yang jelas satu pembohongan yang tidak berasas dan Y.A.B. Ketua Menteri telah bertanyakan kepada Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan dalam Dewan yang mulia ini sama ada beliau telah mengeluarkan kenyataan sedemikian dan telah dijawab oleh Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan bahawa beliau tidak pernah mengeluarkan kenyataan sedemikian, jadi siapa yang mengeluarkan kenyataan sedemikian, jadi jawapannya memang jelas inilah angkara Utusan Malaysia yang sentiasa membuat laporan palsu, membuat tohmahan, membuat fitnah terhadap Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat supaya mengakibatkan satu keadaan yang kacau bila satu keadaan yang huru-hara supaya rakyat dapat diputarbelitkan, rakyat dapat dipesongkan oleh laporan mereka yang tidak berasas, saya rasa tidak payah saya memanjangkan ucapan saya kerana apa yang telah direkodkan dalam hansard kita jelas menunjukkan ini adalah satu pembohongan dan saya bercadang supaya usul ini tidak perlu dibahaskan lagi supaya kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini untuk terus merujuk akhbar harian Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Usul ini ada sokongan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya mohon sokong

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan ucapan menyokong dan ucapan

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Memang seperti apa yang disebut oleh Y.B. Ahli Komtar pagi tadi Y.A.B. Ketua Menteri pun sendiri telah menyoal kepada Ahli dari Permatang Berangan memangkah beliau ada membuat kenyataan seperti demikian dan jawapannya cukup jelas dan memang tidak, oleh itu membuktikan Utusan Malaysia ini memutarbelitkan dan mempengaruhi rakyat satu negara kita bukan hanya untuk Pulau Pinang sahaja dan dipendekkan sahaja saya menyokong cadangan ini dan sokong usul ini harap dapat diluluskan, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Dewan ialah satu usul yang dicadangkan oleh Y.B. Ahli Kawasan Komtar di bawah peraturan 34(8) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

untuk merujuk akhbar harian Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan 109B (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undang Negeri Pulau Pinang kerana membuat laporan palsu dalam edisinya bertarikh 11 November 2010 dalam muka surat 7 di bawah tajuk “apa status kediaman rasmi Guan Eng”, di mana telah dilaporkan bahawa Ahli Y.B. Permatang Berangan telah menyatakan dalam Dewan yang mulia ini pada 10 November 2010 bahawa kos pengubahsuaian banglo sewa yang didiami oleh Y.A.B. Ketua Menteri melebihi RM1.5 juta. Ahli-ahli Yang Berhormat usul ini dibuka untuk dibahaskan, saya kena buka untuk dibahaskan kerana setiap usul yang dibuka perlu untuk dibahaskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya ingin membahaskan dengan ringkas apa yang saya ingin nyatakan berkenaan usul yang dibawa oleh rakan saya dari Y.B. Komtar ini, pada permulaannya saya ingin menegaskan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang bahawa kita percaya dengan sesungguhnya kepada kebebasan bercakaplah *freedom of speech* itu adalah pendirian kita yang tidak boleh dipertikaikan di mana kita lihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menerajui usaha yang telah dibuat untuk apa ini *introduce speaker corner* di negeri ini *for the first time* dalam sejarah Pulau Pinang atau pun sejarah Malaysia Pulau Pinang yang telah memperkenalkan *speaker corner* di Pulau Pinang. Itu adalah satu sejarah yang menunjukkan bahawa kita ini *accept freedom of speech* sebagai satu teras pentadbiran pihak kita tetapi kita tidak boleh *accept speech* yang tidak terkawal dan itu termasuk laporan daripada pihak-pihak media yang tidak bertanggungjawab dan kita telah lihat dari permulaan pentadbiran Pakatan Rakyat Mac 2008 betapa bertubi-tubinya tiap-tiap hari, tiap-tiap isu satu akhbar harian dari Utusan Malaysia akan mempermainkan dan memutarbelitkan kesemua fakta yang sebenarnya baru-baru ini sampai hari ini, semalam kita lihat isu yang begitu banyak yang diputarbelitkan iaitu isu warga emas, mereka yang merupakan *agent and novice* UMNO dipergunakan oleh UMNO sampai persidangan Dewan ini UMNO *retrade* reka-reka sekarang kata was-was dan sebagainya, cuba kata oh itu bukan warga emas tapi berkenaan miskin tegar *you can see* mereka itu sudah silap tetapi Utusan Malaysia tidak mahu mengaku kesilapannya sehingga hari ini apabila Y.A.B. Ketua Menteri kita menyatakan kepada ADUN daripada Permatang Berangan adakah betul atau tidak dan dia terpaksa kerana ini adalah satu fakta yang tidak betul dan hansard menunjukkan bahawa ini tidak dikatakan oleh YA.B. Ketua Menteri kita, so, itu merupakan satu pengakuan yang akan memudahkan kerja jawatankuasa yang saya harap akan mengenakan satu hukuman yang setingginya terhadap Utusan Malaysia supaya perkara ini tidak berulangan dan bukan saja kepada Utusan Malaysia tetapi merupakan satu contoh kepada semua akhbar yang lain supaya tidak mengulangi dosa dan fitnah seperti ini kerana tidak betul so saya harap Y.B. Dato' Speaker, bahawa dapat diterima usul ini, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ada lagi, kalau tidak ada kita terus kepada penggulungan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, usul ini tidak bertujuan untuk menyekat hak dan kebebasan yang diberikan kepada mana-mana media yang membuat liputan ke atas persidangan kita tetapi jikalau sesebuah media tidak bertanggungjawab sehingga sanggup menyebarkan tohmahan ataupun membuat laporan palsu, ini bukan lagi kebebasan yang perlu dijamin oleh Dewan yang mulia ini. Saya rasa memanglah jelas Utusan Malaysia adalah sebuah media yang ada agenda yang tersembunyi dan ada niat yang jahat untuk Kerajaan Negeri kita, jadi saya mohon supaya usul ini dapat diluluskan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat ini mungkin kes yang pertama yang dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Walau bagaimanapun Jawatankuasa ini yang hendak diserahkan apa-apa perkara akan menentukan sama ada usul ini adalah kuasa Jawatankuasa yang menentukan apa-apa perkara yang menyentuh kuasa-kuasa hak dan kebebasan Dewan adalah di bawah tanggungjawab jawatankuasa ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau saya kemukakan masalah untuk Dewan untuk putuskan, masalahnya ialah usul Y.B. Ahli Kawasan Komtar di bawah Peraturan 34 (8) iaitu merujuk akhbar Utusan Malaysia ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di bawah Peraturan 109 b(i) Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan isinya bertarikh 11 November 2010 dalam muka surat 7 di bawah tajuk 'Apa Status Kediaman Rasmi Lim Guan Eng' di mana Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan telah menyatakan dalam Dewan Yang Mulia ini pada 10 November 2010 bahawa kos pengubahsuaian banglo sewa yang didiami oleh Y.A.B. Ketua Menteri melebihi RM1.5 juta dipersetujui.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya," yang tidak setuju katakan "Tidak ."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Y.B. Dato' Speaker:

"Ya" lebih banyak, sebulat suara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Y.B. Dato' Speaker:

Sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

(Dewan ditangguhkan pada jam 8.50 malam)